

Jilid I  
Bil. 36



Hari Rabu  
26hb November, 1986

M A L A Y S I A

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KETUJUH

*Seventh Parliament*

PENGGAL PERTAMA

*First Session*

## KANDUNGANNYA

### JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

[Ruangan 5021]

### RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1987

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B.34 [Ruangan 5068]

Maksud B.35 hingga B.43 [Ruangan 5077]

Maksud B.44 [Ruangan 5111]

### USUL:

Anggaran Pembangunan 1987

Jawatankuasa—

Maksud P.34 [Ruangan 5068]

Maksud P.35 hingga P.37, P.39 hingga P.42 [Ruangan 5077]

Maksud P.44 [Ruangan 5111]



MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

*Penyata Rasmi Parlimen*

### PENGGAL YANG PERTAMA

#### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BTN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

.. Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

.. Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

.. Menteri Penerangan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

.. Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

.. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

.. Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

.. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

.. Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

.. Menteri Pertahanan, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

.. Menteri Luar Negeri, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

.. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

.. Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).

Yang Berhormat Menteri Pelajaran, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

„ Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH GADDAM (Kinabalu).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).

„ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N., A.M.P. (Rompin).

„ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).

„ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).

„ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

„ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).

„ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).

„ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).

„ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).

„ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).

„ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

„ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).

„ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim—Bandar Baharu).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan POS, DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARA BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN WOON SEE CHIN, P.I.S., A.M.N. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim),
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S, (Sarikei).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN (Rabu).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN (Baling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN (Tapah).
- „ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ 'TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATU ABDUL HAMID BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Limbawang.)
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).

- Yang Berhormat DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N.,  
B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubuk Antu).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUANGOOIHOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).

Yang Berhormat TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

- .. TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- .. TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- .. DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- .. DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- .. TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- .. DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- .. TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- .. PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- .. TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- .. TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- .. TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- .. TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- .. TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- .. DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J, P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- .. TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- .. TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- .. TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (TaSek Gelugor).
- .. DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- .. TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).
- .. TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- .. TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- .. TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).

Yang Berhormat TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).

- .. TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- .. DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- .. TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- .. DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- .. TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- .. TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- .. TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- .. DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- .. DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- .. TUAN P. PATTO (Ipoh).
- .. TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- .. DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- .. TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- .. DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- .. DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- .. TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- .. PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- .. TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- .. TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- .. DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- .. TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- .. DATUK DANIEL TAJEM ANAK Miri (Batang Lupar).
- .. TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- .. TUAN TAN KOON SWAN (Gopeng).
- .. DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- .. TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- .. TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- .. TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

Yang Berhormat TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

- .. TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- .. TUAN YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).
- .. PUAN ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- .. DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- .. DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- .. TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz,  
D.P.M.P., J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

#### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Julia binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.



MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

Rabu, 26hb November, 1986

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**DOA**

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**JUALAN IKAN DI  
KOMPLEKS BATU MAUNG**

**1. Tuan Mohamad Subky bin Haji Abdul Raof** minta Menteri Pertanian menyatakan memandang bahawa objektif Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia adalah untuk membaiki kedudukan sosio-ekonomi nelayan-nelayan mulai beberapa fungsi, oleh itu:

- (a) adakah beliau sedar bahawa satu kuatkuasa akan/telah dikenakan di Kompleks LKIM di Batu Maung, di mana semua jenis kenderaan yang hendak ke Kompleks dikenakan bayaran; tidakkah ini menyusahkan kepada kaum nelayan untuk membawa ikan ke pusat jualan; dan
- (b) adakah benar dalam masa yang sama juga satu lagi kuatkuasa di Kompleks LKIM Batu Maung melarang orang ramai (perseorangan) membeli ikan dalam kompleks tanpa lesen.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Leng Lee):** Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan ini ialah:

- (a) nelayan-nelayan tidak dikenakan sebarang bayaran; dan
- (b) memang benar dalam masa yang sama juga, satu lagi kuatkuasa di kompleks Batu Maung telah diadakan di mana para pembeli ikan di kompleks perlu mendapatkan lesen. Ini adalah disebabkan bahawa Kompleks Batu Maung adalah merupakan kompleks pendaratan ikan yang diisytiharkan sebagai pusat jualborong dan segala urusan ikan hendaklah dijalankan secara borong atau lelong. Orang ramai atau perseorangan tidak dibenarkan membeli ikan di kawasan ini tanpa lesen adalah disebabkan kerana, kompleks pendaratan ikan ini bukanlah merupakan pasar rancit. Di samping itu juga pengeluaran lesen adalah bertujuan untuk mengawal urusan di kompleks tersebut supaya urusan secara lelong atau borong dapat berjalan dengan baik dan teratur.

**Tuan Teoh Teik Huat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan sedar bahawa nelayan-nelayan di Pulau Pinang tidak bersetuju dengan penguatkuasaan peraturan di mana Lembaga

Kemajuan Ikan Malaysia di Batu Maung mengawal penjualan ikan secara sistem lelong terbuka atau, dengan izin, open auction system. Ini bukanlah bermakna peraturan ini tidak bagus, tetapi oleh kerana dengan penguatkuasaan peraturan tersebut, nelayan-nelayan tidak mempunyai bot-bot untuk keluar menangkap ikan disebabkan bot-bot nelayan ini dipunyai oleh orang-orang tengah (middlemen) yang membeli tangkapan dari nelayan-nelayan itu dan juga di masa buruk.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat membuat ucapan itu!

**Tuan Teoh Teik Huat:** Tidak. Ini sebagai penjelasan sedikit kebelakangan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebenarnya.....

**Tuan Teoh Teik Huat:** Oleh yang demikian, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini, yang dikawal atau, dengan izin, at the mercy of the middlemen, sebelum penguatkuasaan peraturan tersebut.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, memangnya soalan tambahan ini sudah lain daripada soalan asal, tetapi saya boleh jawab.

Berkenaan masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat memang tidak ada sebarang masalah. Masalah ini berbangkit disebabkan nelayan-nelayan ini dikacau oleh parti Pembangkang sahaja.

**Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan bercadang untuk menentukan dalam lesen-lesen mereka yang memiliki bot-bot supaya mendarat di Kompleks LKIM sahaja, bagi memudahkan LKIM menjalankan sistem lelong dan mengawal bot-bot perikanan daripada mendarat sesuka hati mereka.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, kita memang memberikan lesen kepada bot-bot yang hendak mendaratkan ikan di Kompleks ini dan itu tidaklah menjadi masalah.

### PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM

**2. Tuan Ahmad bin Omar** minta Perdana Menteri menyatakan sejak Kerajaan berusaha bersungguh-sungguh menjalankan Dasar "Penerapan Nilai-nilai Islam" kita telah melihat perubahan yang menggalakkan sifat-sifat masyarakat yang sempurna bukan saja dari segi mental, fizikal tetapi juga rohani:

- (a) bagaimanakah pandangan dan langkah Kementerian dari segi menyelaraskan sistem pendidikan agama di sekolah-sekolah agama di seluruh negara khususnya dari segi menyusun kurikulum, memberi kemudahan belajar, kepentingan dan taraf guru-guru agama serta mutu pelajaran; dan
- (b) tidakkah wajar Kementerian mengambil langkah memastikan supaya kalendar-kalendar tahunan ditentukan supaya disertakan bersama kalendar tahun Masihi dan Hijrah supaya Umat Islam khususnya tidak melupai tahun Hijrah itu.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Noor):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada masa ini terdapat beberapa jenis sekolah agama di negeri ini iaitu Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan Agama yang ditadbirkan oleh Kementerian Pelajaran, sekolah-sekolah agama yang

ditadbirkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri atau Majlis Agama Islam Negeri, sekolah-sekolah di bawah kelolaan Yayasan-yayasan Islam Negeri dan terdapat juga sekolah-sekolah agama rakyat.

Sekolah-sckolah Menengah Kebangsaan Agama dan sekolah-sekolah bantuan penuh Kerajaan Persekutuan adalah menggunakan kurikulum pendidikan Islam yang digubal oleh Kementerian Pelajaran.

Sekolah-sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri atau Majlis-majlis Agama Islam Negeri dan sekolah-sekolah di bawah pentadbiran Yayasan-yayasan Islam negeri adalah menggunakan kurikulum pendidikan Islam yang hampir sama dengan kurikulum yang digubalkan oleh Kementerian Pelajaran.

Sebilangan besar sekolah-sekolah agama rakyat juga menggunakan kurikulum Kementerian Pelajaran itu. Semua jenis Sekolah Menengah Agama yang saya sebutkan itu adalah menyediakan pelajaran yang membolehkan pelajar-pelajar mengambil peperiksaan awam SRP dan SPM, di samping Sijil Pelajaran Agama Peringkat Menengah yang dikeluarkan oleh masing-masing sekolah. Sekolah-sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri dan Yayasan-yayasan Islam Negeri adalah mendapat bantuan guru dan buku teks dari Kementerian Pelajaran. Bagi sekolah-sekolah agama rakyat pula Kementerian Pelajaran memberi bantuan kewangan.

Memandangkan sekolah-sekolah agama selain daripada Sekolah-sekolah Menengah

Kebangsaan Agama, Kementerian itu mempunyai kurikulum tersendiri bagi mata-mata pelajaran agama dan masing-masing menjalankan peperiksaan dan mengeluarkan sijil-sijil, maka perlulah satu penyelarasan yang berkesan dibuat dalam hal ini. Oleh itu satu badan yang bernama Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam telah ditubuhkan dalam tahun 1983. Lembaga ini juga bertanggungjawab menyelaraskan perkara-perkara latihan guru dan juga buku-buku teks.

- (b) Mengenai dengan bahagian kedua soalan ini, suka saya memberitahu bahawa kalendar-kalendar yang dikeluarkan oleh Jabatan dan agensi Kerajaan dan juga buku-buku diari adalah mengandungi haribulan Masihi dan Hijrah.

**Tuan Abdul Rahman bin Suliman:**  
Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa sebahagian besar sekolah agama rakyat adalah mengikut kurikulum Kementerian. Jadi, sudah tentu sebahagian lagi tidak mengikut kurikulum daripada Kementerian. Jadi, apakah langkah-langkah Kementerian untuk memastikan supaya sekolah-sekolah agama rakyat yang tidak mengikuti kurikulum Kementerian ini diselaraskan dengan sekolah-sekolah agama rakyat yang telah mengikuti kurikulum Kementerian.

Yang kedua, apakah sebenarnya takrif sekolah agama, sebab terdapat sekolah-sekolah yang menamakan sekolah mereka sebagai sekolah agama, sebahagian besar mengajar ataupun mengambil mata pelajaran

akademik seperti mana yang dilaksanakan di sekolah-sekolah bukan sekolah agama.

**Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Noor:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan soalan yang pertama, Lembaga yang telah saya sebutkan dalam jawapan tadi adalah merupakan satu Lembaga yang bertanggungjawab untuk membantu supaya sekolah-sekolah yang dianggap sebagai sekolah rakyat itu mengubah dari semasa ke semasa kurikulumnya sehingga serupa dengan kurikulum yang dijalankan di sekolah-sekolah yang sudah menerima sistem Kerajaan. Walaupun usaha Lembaga ini mungkin menghadapi beberapa kesulitan tetapi saya yakin Lembaga ini yang pada masa ini sedang berusaha ke arah itu akan dapat kejayaan dengan syarat sekolah-sekolah yang berkenaan memberikan kerjasama berdasarkan kepada perkembangan masyarakat hari ini, kecuali sekolah yang mempunyai objektif yang khusus bagi kepentingan kumpulannya sahaja, yang sukar saya fikir hendak dipujuk oleh Lembaga ini.

Mengenai takrif sekolah agama, takrif ini adalah sebenarnya dibuat oleh pihak penaja sesebuah sekolah yang berkenaan. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa ciri-ciri yang asasi yang terdapat di setiap pusat pengajian sekolah agama iaitu pengajaran mata pelajaran yang secara tradisional dikenal sebagai pelajaran agama.

**Tuan Haji Hussein bin Haji Taib:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana permintaan begitu tinggi untuk masuk belajar ke sekolah-sekolah agama, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah Kerajaan bercadang untuk menambah bilangan pusat-pusat belajar di sekolah-sekolah menengah agama seperti yang terdapat pada hari ini.

Kedua, adakah Kerajaan bercadang bagi merundingkan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri bagi mengambil alih beberapa sekolah menengah agama lagi untuk memberi tempat belajar yang lebih banyak.

Yang ketiga, adakah Kementerian atau Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa bantuan yang diberikan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri mengenai guru-guru dan lain-lain tidak begitu sama rata di antara negeri dalam Malaysia ini, khususnya terdapat kekurangan yang amat sangat bagi negeri Selangor dan apakah usaha bagi mengatasi hal ini.

**Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Noor:** Tuan Yang di-Pertua, ketiga-tiga perkara ini sebenarnya adalah merupakan perkara yang sedang diberikan perhatian berat oleh satu Kementerian iaitu Kementerian Pelajaran Malaysia sendiri, Mengenai dengan penambahan bilangan pelajar yang hendak diterima, mengenai dengan proses pengambilan alih dan juga masalah bantuan yang mungkin tidak sama rata. Walaupun demikian, saya yakin usaha-usaha yang sedang dibuat itu akan terus diberi sokongan dan kerjasama oleh Bahagian Hal Ehwal Islam di Jabatan Perdana Menteri yang sudah pun merupakan satu sekretariat kepada Lembaga yang saya maksudkan tadi.

## HARGA KAYU GERGAJI

**3. Tuan Othman bin Abdul** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa harga kayu gergaji di dalam negeri adalah terlalu mahal walaupun ianya tidak laku untuk dieksport keluar negeri. Adakah Kerajaan bercadang bagi mengawal harga kayu gergaji supaya ianya berpatutan dan membolehkan lebih ramai rakyat luar bandar membina rumah kayu.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, harga kayu gergaji di dalam negeri bukan sahaja tertakluk kepada kos pengeluaran akan tetapi juga bergantung kepada harga eksport. Dalam tahun-tahun kebelakangan ini harga eksport kayu gergaji pada amnya adalah rendah dan harga tempatannya juga ikut bersama. Misalnya, harga purata kayu Cengal pada bulan September 1986 adalah \$524 semeter padu berbanding dengan harga eksport FOB sebanyak \$550 semeter padu.

Harga purata kayu Meranti Merah pula adalah \$257 semeter padu berbanding dengan harga eksport sebanyak \$320 semeter padu. Kayu-kayu ini merupakan jenis yang biasa digunakan untuk pembinaan rumah kayu di luar bandar. Kerajaan tidak bercadang untuk mengawal harga kayu di dalam negeri oleh sebab kayu gergaji merupakan berbagai jenis, saiz dan gred yang mana amatlah sukar untuk dikawal dengan berkesan. Lagi pun harga-harga kayu gergaji ini berkait rapat dengan harga balak. Dengan itu, bagi menstabilkan harga kayu gergaji Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk memastikan bekalan yang cukup bagi keperluan tempatan seperti mengharamkan eksport 27 jenis balak di cuma dibenarkan balak-balak kecil dari jenis-jenis yang lain untuk dieksport. Peraturan-peraturan ini boleh dikaji semula dengan tujuan diperluaskan jenis-jenis kayunya sekiranya keadaan memerlukan.

**Tuan Ismail bin Said:** Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi beliau menyatakan bahawa harga kayu gergaji tempatan tertakluk kepada kos pengeluaran dan juga kaitan dengan harga balak. Saya ingin hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada betiau sedar ataupun tidak, salah satu daripada

komponen kos pengeluaran kayu gergaji di negara kita ialah cukai premium terhadap balak itu yang dianggapkan agak tinggi sedikit. Jika Yang Berhormat sedar, adakah Yang Berhormat bercadang untuk selaraskan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri supaya cukai premium terhadap balak ini dapat dikurangkan dan dapat kita kurangkan harga kos pengeluaran.

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar apa yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kemaman tadi, tetapi sepertimana yang saya telah terangkan tadi bukanlah harga kos premium yang dikenakan kepada kayu balak tadi yang menyebabkan harga-harga kayu gergaji di dalam negeri mahal, ada faktor-faktor yang lain sepertimana yang saya telah sebutkan tadi yang berkaitan dengan eksport dan juga terutama sekali harga untuk kita eksport.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai kenyataan di dalam soalan ini iaitu walaupun ianya tidak laku untuk dieksport ke luar negeri iaitu kenyataan adakah benar atau tidak atau sebabnya bukanlah ianya tidak laku untuk dieksport ke luar negeri tetapi kerana pihak-pihak tertentu melambat-lambatkan pengeluaran lesen eksportnya.

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf kepada Ahli Yang Berhormat, harap Ahli Yang Berhormat ulang soalan itu kerana saya tidak begitu faham apa maksud tujuannya.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Dalam soalan ini ada menyebut perkataan "minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa

harga kayu gergaji di dalam negeri adalah terlalu mahal", soalan saya, walaupun ianya tidak laku untuk dieksport ke luar negeri, adakah benar kenyataan itu, itu yang pertama.

Yang kedua, adakah sebabnya bukan kerana tidak laku untuk dieksport ke luar negeri tetapi kerana melambat-lambatkan pengeluaran lesen eksportnya?

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kalaulah harga kayu gergaji kita naik bermakna negara kita akan mendapat keuntungan, seperti kayu jenis balau di mana harganya telah naik, meranti merah harganya juga telah naik dan meranti merah tua harganya naik begitu baik dan juga harga merbau.

Saya percaya bahawa jikalau harga ini naik lagi, ini akan membawa keuntungan kepada negara kita asalkan kita ada pasaran-pasaran di luar negeri untuk membelinya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalnya adakah kayu-kayu yang tidak laku untuk dieksport ke luar negeri, itulah soalan pertama tadi. Adakah kayu-kayu yang tidak laku untuk dieksport atau tidak boleh dieksport. Kalau kayu cap ca itu itu tidak boleh dieksport, siapa pun tidak mahu (*Ketawa*).

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, kayu-kayu yang tidak laku dieksport kita jual di dalam negeri dan seperti mana yang saya telah terangkan harga kayu-kayu yang dijual di dalam negeri banyak yang telah turun seperti contohnya kayu meranti merah, keruin, kayu keras ringan bercampur. Jadi, soalan ini adakah kita perlu atau kita mampu ataupun kita sanggup menggunakan kayu-kayu yang jenisnya tidak begitu terkenal kalau dibandingkan dengan kayu-kayu yang memang terkenal. Harganya murah dan kalau kita

menggunakan kayu dengan banyak, saya percaya banyak yang tidak laku, banyak yang akan laku.

#### PELANCONGAN SEBAGAI INDUSTRI UTAMA

**4. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan memandangkan Kerajaan kerap kali menegaskan betapa pentingnya pelancongan sebagai penghasil tukaran wang asing yang utama bagi Malaysia, apakah langkah-langkah positif telah diambil untuk memajukan pelancongan sebagai industri utama dalam negara kita. Adakah Kerajaan akan merumuskan suatu Dasar Pelancongan Negara bagi pembangunan industri ini yang berkoodinasi.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat):** Tuan Yang di-Pertua, dasar dan strategi pelancongan negara adalah berasaskan kepada dua objektif utama. Pertama, membangunkan sebuah industri pelancongan sihat, menarik dan sesuai dengan kehendak para pelancong, dan kedua, memasarkan negara ini sebagai sebuah destinasi pelancongan yang terkemuka di rantau ini.

Dalam membangunkan industri pelancongan negara, tumpuan adalah diberikan kepada tiga kegiatan seperti berikut:

- (i) merancang pembangunan kemudahan-kemudahan pelancongan yang viable, dengan izin, dan bersesuaian dengan permintaan para pelancong;
- (ii) menyelaraskan aktiviti-aktiviti pelancongan yang dilaksanakan oleh Kerajaan-kerajaan negeri dan pihak swasta untuk menentukan kemudahan-kemudahan pelancongan ini adalah dalam keadaan yang

sempurna, menarik dan dipertingkatkan dari segi kebersihan dan pemeliharaan di peringkat tempatan daerah; dan

- (iii) membantu pertumbuhan industri pelancongan dengan menyediakan galakan-galakan dan bantuan-bantuan dari segi kewangan seperti penubuhan tabung pelaburan baru (new investment fund) yang berjumlah \$1,000 juta dan galakan-galakan atau insentif di bawah Akta Penggalakan Pelaburan yang menggalakkan pelaburan untuk pembinaan kemudahan-kemudahan penginapan dan projek-projek pelancongan.

Dari segi pemasaran pula, langkah-langkah telah diambil oleh Kerajaan untuk menentukan aktiviti-aktiviti pemasaran dilaksanakan hanya di pasaran-pasaran tertentu yang dikenalpasti mempunyai potensi menambahkan jumlah pelancong ke negara ini berdasarkan kepada faktor-faktor seperti kemudahan perjalanan (accessibility), ekonomi yang kukuh dan pertukaran wang asing yang stabil. Dari segi ini pasaran yang diberi keutamaan adalah seperti dari negara Jepun, Australia, United Kingdom, Germany, Amerika Syarikat dan pasaran-pasaran dari negara-negara ASEAN, Hongkong dan Taiwan.

Dalam aktiviti-aktiviti pemasaran, seperti pengiklanan dan perhubungan awam, Kerajaan telah memastikan aktiviti-aktiviti ini dilaksanakan melalui media-media yang terpilih yang boleh memberi kesan yang positif kepada industri pelancongan negara.

Satu lagi langkah yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk memasarkan negara ini ialah menjemput dan meraikan penulis-penulis dan agensi-agensi pelancongan dari pasaran-pasaran yang dapat

memainkan peranan membantu dalam menggalakkan kedatangan pelancong ke negara ini.

Di samping itu Kerajaan juga menjalankan promosi-promosi jualan ke seberang laut dan mengambil bahagian dalam pertunjukan dan persembahan-persembahan di pasaran-pasaran yang terpilih seperti yang dinyatakan di atas dengan kerjasama pihak-pihak swasta dan Sistem Penerbangan Malaysia.

Setakat ini hasil dari industri pelancongan adalah menggalakkan baik dari segi jumlah kedatangan para pelancong mahupun dari segi pendapatan dari tukaran wang asing di samping membantu di dalam menambahkan peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri melapor kepada Dewan yang mulia ini sebab-sebab mengapa pelancong-pelancong dari seberang laut memilih negara-negara jiran untuk destinasi pelancongan mereka dan tidak selalu memilih Malaysia sebagai satu negara untuk pelancongannya maka sebahagian kecil daripada semua pelancong dari luar negeri adalah satu faktor yang menyebabkan membawa hasil dari perindustrian pelancongan.

Jikalau Yang Berhormat itu boleh juga, bolehkah dia memberitahu kepada Dewan ini adakah satu kajian dibuat atas sebab-sebab tersebut supaya mengenal pasti masalah mengenai pelancongan?

**Dato Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa menjaga aliran pelancong-pelancong ke negara kita, tetapi saya tidak tahu sama ada kajian yang istimewa mengenai masalah-masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi. Tetapi Kementerian saya melalui TDC selalulah menjaga masalah ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pertanyaannya, soalan mengapa pelancong-pelancong pergi ke negara jiran lebih, umpamanya mereka pergi ke Bangkok lebih (*Ketawa*).

**Dato Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, saya selalu melawat negara yang lain untuk "scenary" sahaja atau keindahan, tetapi ada orang pergi ke Bangkok untuk buat apa saya tidak tahulah.

**Tuan Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua, antara pendekatan atau approach, dengan izin, untuk menarik ramai pelancong ke negara ini ialah seperti keterangan Timbalan Menteri tadi memasarkan negara sebagai destinasi pelancongan dan di antara strategi pemasarannya adalah menyelaraskan dengan Kerajaan negeri ataupun pihak berkuasa tempatan untuk menjamin kebersihan. Di dalam soal kebersihan, saya ingin mendapat penjelasan dari Kementerian khususnya Timbalan Menteri setakat mana peranan yang dimainkan oleh Kementerian untuk menyelaras dan menjamin kempen kebersihan yang dibuat oleh Majlis-majlis Perbandaran atau Municipality ataupun pihak berkuasa tempatan untuk menjamin kebersihan dan penguatkuasaan ke atas pelanggaran yang boleh menjamin kebersihan dan juga setakat mana peranan yang dimainkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk menjamin projek penghijauan perbandaran ataupun pihak berkuasa tempatan?

**Dato Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat banyak perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tak bersangkutan dengan soalan asal, tetapi ada satu soalan yang saya hendak jawab iaitu tentang kebersihan tempat-tempat tertentu itu bukanlah tugas dan tanggungjawab di bawah Kementerian saya. Walau bagaimanapun, kita selalu

bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan dan Kerajaan-kerajaan Tempatan untuk projek-projek itu,

### HOSPITAL DAERAH NABAWAN/PENSIANGAN

**5. Tuan Taimin bin Lumaing** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah cadangan Kementerian untuk membina sebuah "Hospital Daerah" untuk Daerah Nabawan/Pensiangan, Sabah; dilengkapi dengan alat-alat perubatan kerana kebanyakan daerah-daerah di Negeri Sabah sudah mempunyai hospital seperti yang dimaksudkan. Ini adalah untuk memudahkan agar rakyat yang miskin tidak banyak menggunakan perbelanjaan untuk mendapat rawatan dan ubat-ubatan dari Hospital Daerah Keningau yang sangat jauh dari Nabawan.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan tidak dapat meneruskan cadangan asal untuk membina sebuah hospital bagi daerah Nabawan/Pensiangan di Sabah dalam jangkamasa Rancangan Malaysia Kelima.

Dalam keadaan ekonomi sekarang, keutamaan untuk menyediakan hospital-hospital baru dikaji lebih teliti dan keputusan telah dibuat bahawa pembinaan hospital di daerah Nabawan/Pensiangan kurang keutamaan, jika dibandingkan dengan keperluan penyediaan hospital di kawasan-kawasan yang mempunyai keperluan yang lebih mendesak dari segi perkembangan penduduk dan sebagainya seperti di daerah Kota Marudu.

Kementerian Kesihatan akan meneliti semula keutamaan pembinaan hospital daerah di Nabawan/Pensiangan dalam Rancangan Malaysia Keenam berpandukan kepada keadaan ekonomi pada masa itu.

Walau bagaimanapun, Kementerian telah merancang untuk melaksanakan beberapa projek kesihatan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima bagi Daerah Pensiangan seperti berikut:-

- (1) Pejabat Kesihatan Daerah Nabawan;
- (2) Pusat Kesihatan Peringkat Satu di Sepulot, Pensiangan;
- (3) Klinik Desa Pagalungan di Pensiangan; dan
- (4) Klinik Desa di Salong, Pensiangan.

### BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH BERASRAMA—PROGRAM

6. **Tuan P. Patto** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) sama ada memandangkan hakikat bahawa Kerajaan sendiri telah memperkenalkan kelas-kelas peringkat "A" yang dijalankan dalam bahasa Inggeris dalam beberapa sekolah berasrama, Kerajaan mengakui bahawa perlu kelas-kelas dan sekolah-sekolah Inggeris dikembalikan; dan
- (b) sebab-sebab mengapa kelas-kelas ini diadakan di beberapa sekolah berasrama terpilih dan sama ada sekolah bantuan Kerajaan akan dibenarkan untuk meniadakan kelas-kelas peringkat "A" untuk menyediakan penuntut-penuntut bagi peperiksaan "A", jika tidak, mengapa dan jika ya, bilakah kelas-kelas ini akan dibenarkan diadakan.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis):** Tuan Yang di-Pertua, program "A Level" yang diadakan di beberapa buah sekolah berasrama penuh adalah khusus bertujuan untuk menyediakan pelajar-pelajar dengan pengetahuan, kemahiran dan orientasi tertentu

sebelum mereka meneruskan pelajaran mereka ke luar negeri. Tentunya kelas-kelas tersebut bukanlah merupakan lanjutan daripada sistem pelajaran kebangsaan.

Sistem Pelajaran Kebangsaan yang menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama sudah lama wujud dan berbentuk dengan teguh dan sesungguhnya berkeupayaan untuk memenuhi kehendak-kehendak negara. Oleh kerana itu, soal mewujudkan kembali semua sekolah-sekolah Inggeris tidak timbul.

Bagi menjawab soalan (b), Kementerian Pelajaran memilih beberapa buah sekolah berasrama penuh mengadakan program ini kerana sekolah-sekolah tersebut mempunyai kemudahan-kemudahan yang sesuai.

Di samping itu, kos pengurusan dan penyesuaian dapat dikurangkan dan pengaliran wang keluar negeri dapat diselamatkan. Ini kerana Kerajaan tidak perlu lagi menghantar pelajar-pelajar tersebut ke maktab-maktab tertentu yang mengenakan yuran yang tinggi ataupun terus menghantarkan mereka ke luar negeri. Walau bagaimanapun, setakat ini Kerajaan tidak bercadang mengadakan program ini di lain-lain sekolah menengah bantuan Kerajaan.

**Tuan P. Patto:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa sekolah-sekolah berasrama penuh terpilih dibenarkan untuk mengadakan kelas-kelas lanjutan dalam bahasa Inggeris oleh kerana kata beliau bahawa sekolah-sekolah itu mempunyai kemudahan yang sesuai. Bolehkah saya mendapat tahu, apakah kemudahan-kemudahan yang sesuai yang terdapat di dalam sekolah-sekolah berasrama penuh itu yang tidak terdapat di dalam sekolah-sekolah lain bantuan Kerajaan. Kalau

sekiranya kemudahan-kemudahan yang sesuai itu terdapat juga dalam sekolah-sekolah di bawah bantuan Kerajaan, bolehkah pihak Kementerian menimbang semula untuk membenarkan sekolah-sekolah ini juga mengadakan kelas-kelas lanjutan bahasa Inggeris untuk menyediakan penuntut-penuntut melanjutkan pelajaran di luar negeri?

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, kalau saya katakan kemudahan-kemudahan sesuai, saya rasa itu merangkumi seluruh kemudahan-kemudahan, tetapi tidak semestinya kemudahan-kemudahan itu ada di sekolah-sekolah menengah berasrama penuh, ia semestinya ada juga di sekolah-sekolah tain. Mungkin ada, tetapi kalau dibandingkan secara spesifik kemudahan yang ada di sekolah-sekolah berasrama penuh, saya rasa apa yang didapati di sekolah-sekolah berasrama penuh lebih daripada sekolah-sekolah lain walaupun dari kacamata Ahli Yang Berhormat mungkin, ada kemudahan sekolah menengah lain yang lebih baik, tetapi penilaian yang diberikan oleh pihak Kementerian Pelajaran, membuktikan kita dapati bahawa sekolah-sekolah berasrama penuh adalah mempunyai kemudahan yang lebih sesuai daripada sekolah-sekolah lain dan saya sudah katakan tadi bahawa kita memang tidak bercadang untuk meluaskan projek ini ke sekolah-sekolah Inggeris yang lain.

**Tuan Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat kepastian daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah cadangan untuk mengembalikan sekolah Inggeris itu bertentangan atau tidak dengan Dasar Pelajaran Kebangsaan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Jawapannya tadi, tidak. Soalan itu tak berbangkit—berkenaan dengan mengembalikan itu kerana sudah ada.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengapakah Kementerian sanggup mengistimewakan kelas itu untuk setengah-setengah sekolah sahaja dan tidak membuka kepada sekolah-sekolah lain yang mungkin layak juga untuk mengadakan kelas-kelas sedemikian untuk memberikan peluang kepada orang lain juga sebagai pelajaran yang lebih adil dan saksama.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, pendapat itu dari kacamata Ahli Yang Berhormat, kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat diberikan kebenaran untuk menjadikan sekolah yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat sebagai sekolah yang dimaksudkan, kenapakah membincangkan soalan itu sahaja, sedangkan dalam kacamata pihak Kerajaan, kita mendapati bahawa ini ialah apa yang kita dapati paling sesuai dan tidak harus menjadi persoalan yang besar apabila kita memilih bahawa sekolah menengah asrama penuh kita jadikan sekolah yang mengendalikan program ini, dan mungkin kalau Ahli Yang Berhormat itu berkuasa menjadi Kerajaan, kalau memang, mungkin ada peluang untuk menjadikan sekolah yang dicadangkan itu menjadi sekolah yang menjalankan program ini (*Tepuk*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr Eng Seng Chai.

**Dr Eng Seng Chai:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum mengemukakan soalan saya, saya meminta pembetulan, baris 5 selepas perkataan "Kuala Lumpur" hendaklah dibubuh satu tanda "full-stop", dan dengan kesalnya saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua, kepada terjemahan dalam bahasa Inggeris soalan ini, kerana dalam bahasa Inggeris soalan ini tidak sama maknanya dengan soalan Bahasa Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, kita gunakan naskhah Bahasa Malaysia.

**Dr Eng Seng Chai:** Tuan Yang di-Pertua, tetapi dia ada beri kepada saya dan tiap-tiap pelawat pun ada satu salinan dan saya ingin tarik perhatian.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat sepatutnya beri tahu terlebih awal dahulu.

**Dr Eng Seng Chai:** Baru saya terima, Tuan Yang di-Pertua. Baru saya terima.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sepatutnya diberitahu daripada tadi lagi. Yang Berhormat, sila teruskan pertanyaan dalam Bahasa Malaysia.

**Dr Eng Seng Chai:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya yang ketujuh.

#### PASARAN SAHAM KUALA LUMPUR—MAKLUMAT

7. **Dr Eng Seng Chai** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah cadangan baru melarang pernyataan atau permakluman terdahulu (premature announcements) berkenaan perkara mengambilalih, pergabungan syarikat, pertukaran saham atau perjualan syarikat atau saham oleh syarikat-syarikat yang disenaraikan di Pasaran Saham Kuala Lumpur. Pengumuman Syankat Raleigh Berhad pada 10-9-1986 bahawa cadangan pada November 1985 mengambilalih 20% equiti saham dalam Bank UMBC dan 30% equiti saham dalam KLMF (Kuala Lumpur Mutual Fund) sudah gagal akan memiskinkan banyak pelabur yang sudah membeli saham Raleigh Berhad selepas permakluman awam terdahulu daripada Raleigh Berhad pada bulan November 1985 sesudah sekarang cadangannya gagal dan harga sahamnya tidak naik meningkat.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi dasar Bursa Saham Kuala Lumpur bahawa setiap maklumat berhubung dengan sesebuah syarikat atau syarikat-syarikat anaknya hendaklah diumumkan dengan serta merta bagi mengelakkan daripada terjadinya pengujudan pasaran yang palsu di dalam saham syarikat berkenaan atau yang mungkin mempengaruhi harga saham syarikat tersebut. Oleh yang demikian, syarikat-syarikat adalah dikehendaki mengumumkan maklumat-maklumat penting meskipun cadangan-cadangan itu belum diluluskan oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

Walau bagaimanapun, pengumuman tersebut hendaklah dibuat dengan memasukkan kenyataan bahawa cadangan-cadangan itu adalah tertakluk kepada kelulusan pihak-pihak berkuasa yang berkenaan. Dengan cara ini, pelabur-pelabur tetap diberi makluman yang betul dan perlindungan yang sewajarnya.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, para pelabur yang melabur di BSKL perlu menghadapi risiko harga saham yang sentiasa berubah tertakluk kepada keadaan pasaran. Mereka yang membeli saham perlulah menghadapi risiko jika harganya turun dan sebaliknya pula kemungkinan mendapat keuntungan jika harganya naik.

**Dr Eng Seng Chai:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya dalam kes yang saya sebut ini pihak-pihak berkuasa, iaitu pihak CIC, FIC dan Bank Negara ambil sekurang-kurangnya 10 bulan untuk memberi pertimbangan atas satu cadangan ini, bukankah itu menunjukkan satu kelemahan sistem pertimbangan dan kelulusan dan bukan sahaja orang-orang yang bermain saham di pasaran

saham dapat risiko, tetapi pihak berkuasa dengan memberi keputusan yang lambat itulah asalnya risiko, itulah sebabnya. Dan saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah satu cadangan untuk kemaskinikan sistem untuk memberi pertimbangan dan kelulusan sebagai pertubuhan satu Suruhanjaya Securiti Malaysia yang akan ambil alih semua tugas-tugas FIC, CIC dan Bank Negara atas perkara dan cadangan koporat sebegini?

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, masa diperlukan untuk membuat keputusan-keputusan supaya keputusan-keputusan yang dibuat itu tidak salah. Di dalam kes ini oleh sebab masa yang lama diberi, nampaknya Ahli Yang Berhormat tidak berapa senang, sebaliknya pula kalau sekiranya diluluskan dalam masa yang singkat, seolah-olah perkara ini diluluskan dengan singkat sebab hal-hal yang lain yang tertentu. Jadi, nampaknya apa juga yang dibuat tidak nampak betul. Kalau sekiranya Yang Berhormat sendiri terlibat, kalau-kalau! saya tidak menyatakan kalau. Kalau-kalau Yang Berhormat sendiri terlibat membeli saham, rugi; saya hendak sebutkanlah pepatah Melayu, lain kali harus ingat, "Kalau terdengar guruh di langit, air di tempayan janganlah dicurahkan".

#### TEA—PERMINTAAN DOMESTIK

**8. Tuan Mutang Tagal** minta Menteri Pertanian menyatakan memandangkan permintaan domestic tea (domestic consumption of tea) setahun ialah 8,000 tan, sama ada estet tea kita di seluruh negara dapat memenuhi permintaan ini. Jika tidak, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan supaya pengeluaran teh tempatan dapat ditambahkan lagi. Adakah Kerajaan puas hati dengan

mutu teh tempatan seperti Boh Tea, Blue Valley Tea, Goid Dollar Tea, Bharat Tea, Tea Barat, Teh Mayang, Teh Lenggong dan Sabah Tea. Jika tidak, apakah tindakan yang telah dan sedang diambil untuk memperbaiki mutu teh tersebut. Memandangkan Kopi (Highland and Lowland coffee) belum ditanam secara besar-besaran seperti estet tea, apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan supaya Kopi ditanam secara besar-besaran di seluruh negara. Adakah Kementerian sedar bahawa mengikut kajian yang dibuat oleh Jawatankuasa Pembangunan Tanah Tinggi (HDTTC) di Sarawak, Tanah Tinggi di Sarawak seperti di Ba' Kelalan, Long Semadoh dan Bario mempunyai tanah yang subur dan amat berpotensi untuk tanaman kopi (iaitu highland coffee). Jika sedar, apakah tindakan diambil supaya cadangan HDTTC itu diimplementasikan dengan secepat mungkin.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan Yang Berhormat ini adalah satu soalan yang mengandungi 7 soalan-soalan kecil yang melibatkan jawapan yang panjang iaitu 5 muka surat, maka saya mohon mengemukakan secara bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila. Baiklah.

Yang Berhormat Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad.

#### USTAZ IBRAHIM MAHMUD— BARANG YANG DIRAMPAS

**9. Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengenai ayah Ustaz Ibrahim Mahmud, Sdr. Mahmud bin Hanafi, adiknya Sdr. Ismail bin Mahmud dan orang kuatnya, Sdr. Yusof Husin telah dibebaskan dari tahanan, menyebutkan bahawa mereka telah dipaksa membuat

keterangan di TV. Mereka telah menafikan segala pengakuan yang dibuat melalui RTM adalah secara sukarela. Sebaliknya mereka telah memberi banyak ucapan yang menuduh Kerajaan telah melakukan kekejaman dan penganiayaan kepada mereka dan lain-lain yang terlibat dengan Memali:

- (a) adakah dakwaan mereka benar; kiranya tidak, mengapa Kerajaan tidak membuat sebarang penjelasan mengenainya dan apakah Kerajaan berhajat untuk mengeluarkan kenyataan mengenainya; dan
- (b) berhubung dengan barang-barang yang dirampas daripada rumah Ustaz Ibrahim Mahmud—
  - (i) sila senaraikan barang-barang yang dirampas;
  - (ii) apakah menjadi kebiasaan pihak polis merampas milik seseorang tanpa pengetahuan tuannya; dan
  - (iii) di bawah peraturan mana ianya dilakukan.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan pertama, dakwaan mereka tidak benar. Pengakuan dan penjelasan mereka melalui siaran televisyen adalah dibuat tanpa apa-apa paksaan dan ini dapat dilihat sendiri oleh penonton-penonton di seluruh negara. Tuan Yang di-Pertua, mudah bagi sesiapa pun, setelah membuat pengakuan, menariknya balik dan mendakwa mereka telah dipaksa membuat pengakuan. Dakwaan ini dibuat di dalam ceramah-ceramah anjuran PAS semasa kempen menjelang pilihanraya. Ada pula dakwaan yang mengatakan bahawa orang-orang ini telah dipaksa oleh

pihak-pihak tertentu untuk menceritakan kepada orang ramai bahawa Kerajaan telah memaksa mereka untuk membuat pengakuan. Kerajaan tidak dapat menyekat mereka daripada membuat dakwaan-dakwaan demikian dan Kerajaan tidak bercadang membuat sebarang penjelasan atau kenyataan kerana kita tahu dan faham benar bahawa walau apa pun penjelasan yang diberi oleh Kerajaan, mereka akan tetap meneruskan dakwaan mereka.

Mengenai soalan kedua, barang-barang yang dirampas terlalu banyak untuk saya buat secara terperinci. Saya fikir memadai jika saya menyebutkan di sini bahawa barang-barang tersebut termasuklah sejumlah senjata-senjata merbahaya, sebuah motokar, 21 buah motosikal, 22 buah basikal dan sejumlah dokumen. Senjata-senjata yang dirampas termasuk senapang patah, bom botol, berbagai jensi parang panjang dan pedang.

Barang-barang ini dirampas mengikut undang-undang untuk digunai sebagai bukti dan bagi, dengan izin, inquest, di samping untuk digunakan bagi siasatan. Kesemua barang-barang yang dirampas telah dibutirkan secara terperinci dalam laporan-laporan polis yang dibuat untuk mengelak dari apa-apa tomaham yang mungkin dibuat kemudian hari. Barang-barang yang dirampas telah dipulangkan kepada tuan-tuan punya setelah mereka dikenalpasti. Senjata-senjata tidak dikembalikan. Barang-barang yang didapati berguna bagi siasatan polis disimpan oleh pihak polis bagi maksud tersebut. Polis telah juga berusaha mengembalikan sebahagian barang-barang yang dirampas di dalam rumah Ibrahim Mahmud kepada isterinya tetapi telah tidak diterima oleh beliau atas nasihat peguam beliau. Rampasan barang-barang oleh pihak polis dilakukan di bawah Seksyen 20 dan 21 Kanun Acara Jenayah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukankah benar bahawa sitahanan adalah pernah dipaksa untuk membuat pengakuan melalui televisyen, seperti yang diperkatakan oleh Yang Berhormat dari Kok Lanas dan tidak dinafikan oleh Kerajaan yang menunjukkan bahawa perkara ini benar, dan mengapakah Kerajaan tidak mahu siasat mengenai tuduhan-tuduhan atau dakwaan-dakwaan ketiga-tiga tahanan ini untuk memberi satu gambaran sebenar kepada rakyat jelata sama ada keadaan ketiga-tiga orang ini serupa dengan keadaan Yang Berhormat Kok Lanas yang dipaksa membuat pengakuan di televisyen.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, masalah apa yang telah diperkatakan oleh Wakil Kok Lanas, tidak sama masalah yang dihadapi oleh 3 orang ini. Jadi tidak boleh disamakan dan saya tidak fikir bahawa pihak yang berkenaan berhak untuk menentukan bahawa orang-orang itu dipaksa atau tidak dan pihak Kerajaan tidak sepatutnya membuat kajian apa-apa kerana tidak beriakui apa-apa paksaan. Kalau tidak berlaku apa-apa paksaan, maka tidak perlulah sia.satan dijalankan.

**Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, kita dapati banyak barang-barang yang telah diambil dan dirampas. Namanya tidak disebut, hanya disebut senjata-senjata yang merbahaya sahaja, tetapi.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak, basikal pun dia kata, basikal; motokar, dia kata juga. Ya!

**Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad:** Tetapi kita tahu dan lagi yang diambil itu termasuk kitab-kitab dan buku-buku. Saya ingin tahu adakah kitab-kitab yang diambil yang Kerajaan sendiri tidak dapat baca kitab-kitab itu (*Ketawa*) termasuk

dalam jenis perkara jenayah ataupun akan menjadi barang kes, dan kalau tidak adakah pihak yang berkenaan bersetuju kalau kita kata tindakan itu adalah dilakukan oleh orang yang hilang akal kerana diperintah oleh orang yang mabuk kuasa.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang sengaja tidak menyenaraikan jenis-jenis barang kerana kesemuanya ialah 156 jenis. Kalau saya bacakan, maka Kementerian lain tidak berpeluanglah untuk menjawab apa-apa pada petang ini. Dan bagi Yang Berhormat menyatakan bahawa pihak Kerajaan tidak tahu baca kitab-kitab ini, mana Yang Berhormat tahu? Dan adakah Yang Berhormat sendiri tahu baca kitab-kitab yang ada itu? Kalau sekiranya perkara yang berlaku di Memali itu dilakukan oleh orang yang sudah hilang akal dan mabuk kuasa, maka tidaklah berlaku sampai Polis sendiri yang terkorban. Tetapi oleh kerana apa yang telah dilakukan oleh orang yang melakukannya lebih awal itu memang hilang akal, maka itulah sebab ramai mangsa yang terjadi pada masa itu.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar mereka yang membuat pengakuan di TV, kemudian menyatakan perkara lain puia di majlis-majlis ceramah adalah perbuatan satu golongan yang mengadakan satu "stage show" untuk mendapat pungutan-pungutan derma bagi menampung keperluan setengah-setengah pemimpin parti politik yang sudah hilang modal dan hilang pengaruh pada waktu ini. Jika ini benar, apakah Kerajaan tidak bercadang untuk mengambil dan menyiasat tindakan-tindakan yang lebih tegas kepada golongan-golongan yang memperjudikan nasib di atas mangsa orang yang tidak berdosa?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perkara-perkara ini dilakukan oleh orang-orang yang sudah hilang modal dan dilakukan sebagai "stage show", jadi pihak Kerajaan tidaklah ingin hendak menyasiat secara lanjut perkara ini.

### **PENSWASTAAN ANAK SYARIKAT PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI**

**10. Tuan Haji Ibrahim bin Ali** minta Menteri Perusahaan Awam menjelaskan bilakah anak-anak syarikat Perbadanan Kemajuan Negeri hendak diswastakan kepada bumiputera supaya syarikat-syarikat tersebut tidak lagi menjadi saingan kepada syarikat-syarikat bumiputera seperti dalam bidang pembinaan dan sebagainya. Dan apakah syarat-syarat atau peraturan yang memudahkan pemindahan syarikat-syarikat tersebut kepada usahawan bumiputera.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha):** Tuan Yang di-Pertua, anak-anak syarikat Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri yang ditakrifkan sebagai agensi amanah perlu ditawarkan kepada Permodalan Nasional Berhad (PNB) terlebih dahulu jika ianya hendak dijual. Peraturan-peraturan dan syarat-syarat pemindahan ekuiti syarikat-syarikat agensi amanah seperti PKEN kepada bumiputera, adalah terkandung di dalam "Asas dan Panduan Pemindahan Hak Milik Saham Syarikat Milikan Kerajaan Kepada Bumiputera" yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri pada 3hb Februari, 1981. Setakat ini sebanyak 13 syarikat-syarikat PKEN telah pun dipindahkan kepada PNB. Golongan bumiputera yang membeli saham-saham Amanah Saham

Nasional sedang menikmati faedah pemindahan ekuiti syarikat-syarikat PKEN ini.

Ada juga syarikat-syarikat anak PKEN yang telah dijual kepada usahawan-usahawan dari sektor swasta. Ada di antara syarikat-syarikat ini yang telah dijual sebelum tahun 1981 (apabila skim Pemindahan Hak Milik Saham kepada PNB wujud) dan syarikat-syarikat di mana PNB tidak mempunyai minat dijual terus kepada usahawan-usahawan bumiputera dan bukan bumiputera. Setakat ini sebanyak 66 syarikat PKEN telah pun dijual, kebanyakannya kepada bumiputera. Usahawan-usahawan yang ingin mengetahui peraturan-peraturan dan panduan-panduan mengenai Penswastaan bolehlah mendapatkan maklumat lanjut melalui "Garis panduan Mengenai Penswastaan" yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri.

Mengenai masalah persaingan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu, adalah dimaklumkan bahawa bagi projek-projek yang nyata bersaing dengan peniaga-peniaga bumiputera, PKEN telah diminta untuk mengurangkan persaingan tersebut. Walau bagaimanapun, peranan PKEN dalam aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pengusaha-pengusaha bumiputera adalah disesuaikan dengan peranannya bertindak memenuhi konsep payung. Dalam hal ini, PKEN-PKEN bukan menjadi pesaing kepada bumiputera, tetapi melindungi mereka untuk menyertai di dalam projek-projek yang secara persendirian yang mereka tidak mampu menceburinya. Dalam hal ini, hubungan di antara PKEN dengan pengusaha bumiputera yang berkenaan ialah sebagai saling melengkapi ataupun, dengan izin, "to complement and to supplement" di antara satu sama lain iaitu bagi memastikan pengusaha-pengusaha bumiputera dari masa ke semasa dapat

meningkatkan keupayaan dalam melaksanakan projek-projek yang lebih besar.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, beliau ada mengatakan Kementerian sedang menjalankan usaha untuk mengurangkan persaingan di antara anak-anak syarikat PKEN dengan pihak-pihak peniaga bumiputera. Bolehkah Timbalan Menteri menyatakan dengan lebih tertentu apakah langkah-langkah terhadap mengurangkan persaingan-persaingan itu?

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, arahan-arahan telah pun diberikan kepada PKEN-PKEN untuk tidak melibatkan diri di dalam projek-projek ataupun perniagaan-perniagaan yang mana bumiputera berkemampuan untuk menceburinya.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengapakah syarikat-syarikat yang daya keuntungannya tinggi diberi kepada PNB dan yang kurang daya keuntungannya diberi kepada pengusaha-pengusaha bumiputera? Tidakkah di sebaliknya lebih patut memandangkan bahawa PNB mempunyai keupayaan korporat yang lebih untuk membina syarikat-syarikat yang kurang daya keuntungannya.

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, PNB adalah memenuhi kehendak Dasar Ekonomi Baru, iaitu ianya dinikmati oleh sebahagian besar daripada rakyat yang miskin, manakala pengusaha-pengusaha bumiputera sebelum tahun 1981 yang mana dasar penyerahan syarikat-syarikat anak PKEN belum wujud, ianya telah diberikan bersandarkan kepada permintaan

pada masa itu. Selepas tahun 1981, tidak ada syarikat-syarikat yang akan diserahkan kepada individu bumiputera.

## HARGA BAHAN BINAAN

**11. Tuan Hsing Yin Shean** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan harga bahan-bahan binaan terutama di Sabah dan seterusnya mengurangkan harga-harga rumah untuk faedah orang ramai.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan M. G. Pandithan):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan mengambil beberapa tindakan untuk menentukan harga beberapa jenis bahan binaan utama berada di paras yang berpatutan.

Pertamanya, Kerajaan telah meluluskan beberapa projek bagi mengeluarkan bahan-bahan binaan seperti simen, besi keluli, batu bata, atap, terazzo dan lain-lain di negara ini bagi mewujudkan persaingan di antara firma-firma berkenaan supaya harga yang ditetapkan tidak terlalu tinggi.

Kedua, Kerajaan mengecualikan cukai import bagi setengah daripada bahan-bahan mentah dan juga jentera bagi projek-projek tersebut agar dengan demikian kos pengeluaran barang-barang itu dapat dikurangkan.

Ketiga, Kerajaan juga membenarkan pengimportan dengan bebas kebanyakan daripada bahan-bahan binaan utama (kecuali besi keluli) bertujuan untuk memberikan persaingan kepada pengeluar-pengeluar tempatan agar dengan itu mereka tidak akan mengenakan harga jualan yang terlalu tinggi.

Keempatnya, Kerajaan meletakkan beberapa bahan binaan utama seperti simen, besi keluli dan cermin di bawah kawalan harga dan harga bahan-bahan ini sentiasa diawasi oleh Kerajaan dan disemak semula sekiranya didapati kos pengeluarannya telah berkurangan.

Bagi Negeri Sabah, Kerajaan telah juga meluluskan beberapa projek bahan-bahan binaan seperti simen, bata dan sebagainya. Kerajaan telah juga membatalkan had gerakan simen di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak mulai akhir tahun 1985 bagi meningkatkan persaingan di pasaran tersebut.

Mengenai perumahan kos rendah, saya difahamkan Jawatankuasa Program Khas Perumahan Kos Rendah yang ditubuhkan oleh Kerajaan baru-baru ini sedang mengambil beberapa langkah untuk mengurangkan harga rumah kos rendah di Sabah dengan membuat pindaan kepada peraturan-peraturan dan syarat-syarat tertentu seperti mengurangkan bayaran ukur dan peguam.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu kepada Dewan yang mulia ini sama ada harga untuk membeli "high-tensil steel rods" besi keluli dari Malawata di Pulau Pinang sedikit mahal jika dibandingkan dengan bahan yang sama yang diimport dari Singapura ke Sarawak dan Sabah. Ini sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Besi daripada Malawata mahal jikalau sekiranya dibandingkan dengan besi diimport.

**Tuan M. G. Pandithan:** Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja Malawata tetapi barang yang diimport kurang sedikit. Tetapi ada sebab-sebab di sini, saya boleh terangkan Ahli Yang Berhormat di sini mengapa harga bahan-bahan binaan di Malaysia keseluruhannya lebih mahal daripada bahan-bahan import.

Saiz pasarannya adalah kecil. Walau bagaimanapun, Kerajaan menggalakkan pengilangan di Malaysia untuk memastikan bekalan tidak terganggu seperti pernah berlaku kepada pengeluaran simen dan besi pada awal tahun 1970an, dan untuk memberi peluang pekerjaan, dan memperluaskan asas perindustrian negara, kita mesti ada kilang di sini.

## PERKHIDMATAN PERSEKUTUAN DI SABAH—PENGAMBILAN

**12. Tuan Samson Chin Chee Tsu** minta Perdana Menteri menyatakan dalam pengambilan baru kakitangan Eksekutif dan Pentadbiran dalam Jabatan Persekutuan di Sabah, adakah orang-orang Sabah diberi keutamaan. Jika tidak, mengapa.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah Gaddam):** Tuan Yang di-Pertua, urusan pengambilan bagi pegawai dan kakitangan Kerajaan dalam semua kumpulan untuk Perkhidmatan Persekutuan dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan yang berkenaan. Pengambilan pegawai dan kakitangan dibuat berdasarkan merit, kelayakan dan kelulusan calon-calon yang berkenaan, tanpa mengambil kira asal mereka. Bagaimanapun Kerajaan menggalakkan rakyat negeri Sabah memohon memasuki Perkhidmatan Persekutuan dan seterusnya membolehkan mereka ini ditempatkan di negeri Sabah.

**Tuan Abdul Mulok Awang Damit:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, adakah pihak Kerajaan akan memberikan kelonggaran dalam syarat-syarat kelulusan dan syarat-syarat perkhidmatan dan memberi kemudahan-kemudahan yang sama seperti, dengan izin, counterparts mereka dari Semenanjung yang ditugaskan di Sabah untuk

membolehkan lebih ramai lagi calon-calon tempatan berkhidmat dalam Jabatan Persekutuan?

Soalan yang kedua, setakat ini berapa ramai pegawai-pegawai daripada Sabah yang berkhidmat dalam Jabatan Persekutuan dihantar bertugas di Semenanjung dan di Sarawak dan apakah kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada mereka?

**Tuan Kasitah Gaddam:** Tuan Yang di-Pertua, setiap pegawai yang diambil untuk berkhidmat di mana-mana Jabatan adalah mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam satu-satu kerja itu dan syarat-syarat ini adalah dikenakan kepada semua tanpa mengira tempat asal mereka,

Untuk menjawab soalan yang kedua, berapa ramai orang-orang Sabah yang berkhidmat dalam Jabatan Persekutuan di negeri Sabah, setakat ini, kalau tidak silap saya ada 21,204 orang, berbanding dengan 53 orang daripada Semenanjung.

**Tuan Maidom bin Pansai:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Menteri berkenaan, sama ada Kerajaan sedar bahawa pada masa ini terdapat banyak orang yang luar dari Sabah iaitu seperti dari Semenanjung Malaysia, telah dilantik untuk memegang jawatan Eksekutif dan lain-lain jawatan dalam pentadbiran yang dipercayai bahawa orang atau rakyat Sabah sendiri yang berkelayakan untuk memegang jawatan itu. Ini membuat rakyat Sabah merasa bahawa mereka seolah-olah dipandang rendah dan merasa tidak dipercayai oleh Kerajaan Pusat dan sebab itu saya menganggapnya sebagai satu masalah yang harus diselesaikan. Jika sedar ataupun tidak sedar, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah seperti ini yang dihadapi oleh rakyat Sabah?

**Tuan Kasitah Gaddam:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah katakan tadi bahawa tiap-tiap satu kekosongan itu akan diiklankan melalui suratkhbar di Sabah dan sekiranya orang-orang Sabah yang telah memohonkan jawatan itu tidak memenuhi syarat-syarat ataupun tidak memenuhi syarat-syarat yang diperlukan dalam satu-satu kekosongan itu, maka selepas itu barulah kita mempelawakan pemohon-pemohon luar daripada Sabah termasuk Sarawak dan Peninsular Malaysia.

Untuk menjawab soalan yang kedua, tidaklah benar mengatakan bahawa kita memilih orang-orang luar daripada Sabah untuk memegang jawatan di Sabah. Apa yang sebenarnya berlaku adalah orang-orang yang memohon dalam jawatan itu tidak ada kelayakan sebagaimana yang telah disyaratkan dalam satu-satu iklan. Oleh sebab itu, maka orang-orang luar daripada Sabah akan diambil.

Tuan Yang di-Pertua, ini jelas diterangkan bahawa dalam senarai kita pada masa ini, kita mempunyai 21,204 orang Sabah yang berkhidmat di Jabatan Persekutuan di Sabah, berbanding dengan hanya 53 orang sahaja rakyat daripada Peninsula Malaysia yang berkhidmat dalam Jabatan Persekutuan di Sabah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa Soal Jawab sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13 hingga 18 adalah diberi di bawah ini).*

#### KERANG DI PANTAI SEBERANG PERAI SELATAN—KEMATIAN

**13. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Pertanian menyatakan sebabnya pada bulan Ogos dan September tahun ini banyak kerang

mati di pantai Seberang Perai Selatan. Juga beritahu Dewan ini sama ada Kerajaan telah mengambil apa-apa tindakan agar kejadian seperti ini tidak berlaku lagi dan untuk gantirugi para nelayan.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Jabatan Perikanan sedar tentang masalah kematian kerang di kawasan Seberang Perai Selatan dan telah mengambil tindakan penyiasatan di kawasan tersebut.

Penyiasatan ini menunjukkan bahawa kematian kerang yang serius di kawasan Sg. Chenaam berlaku di sebabkan oleh pengaruh airtawar yang mengurangkan kemasinan air. Ini biasanya berlaku di kawasan sedemikian.

Di kawasan-kawasan yang lain, kematian kerang didapati disebabkan oleh:

- (a) Kualiti benih kerang yang kurang baik, iaitu benih-benih yang bercampur dengan siput-siput lain dan yang terdiri dari berbagai saiz. Keadaan ini diakui sendiri oleh penternak-penternak yang terlibat.
- (b) Sebilangan kerang telah didapati mati dikorek oleh musuh-musuh kerang seperti siput bintang, siput duri dan siput halia.

Untuk mengatasi masalah ini, tindakan-tindakan berikut telah diambil:

- (a) menasihatkan penternak-penternak kerang supaya mengubah tapak ternakan ke tempat yang lebih sesuai dan terletak agak jauh dari muara sungai. Jika ini tidak mungkin, mereka dinasihatkan agar lebih berhati-hati;
- (b) menasihatkan mereka supaya membeli benih-benih kerang yang berkualiti baik, iaitu yang

bersih dan tidak bercampur dengan siput-siput lain. Persatuan Nelayan (PN) akan membantu dalam hal tersebut; dan

- (c) mengenai musuh-musuh kerang, bimbingan telah diberikan kepada penternak-penternak berkenaan tentang cara-cara menyediakan kawasan ternakan seperti membersihkan kawasan berkenaan dari musuh-musuh kerang sebelum dan selepas penaburan benih kerang dibuat.

Dengan adanya perkhidmatan teknikal dan pengurusan dari Jabatan Perikanan dan LKIM serta langkah-langkah yang sewajarnya dari penternak-penternak yang terlibat, masalah ini akan dapat diatasi pada masa akan datang.

#### **WANG MENGALIR KE LUAR NEGERI**

**14. Tuan Abdul Ghani bin Othman** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah wang yang mengalir dari Malaysia ke luar negeri sejak 3 tahun kebelakangan ini. Apakah langkah yang diambil untuk mengatasi fenomena "capital outflow" ini.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Berasaskan pada rekod kawalan pertukaran wang, di mana data mengenai aliran modal diperolehi melalui sistem bank, jumlah kasar wang yang telah dihantar ke luar negeri oleh penduduk Malaysia untuk maksud pelaburan dan simpanan tetap daripada tahun 1983 hingga tahun 1985 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Aliran Keluar Kasar Pelaburan M\$ Juta</i>
1983 ..	3,512
1984 ..	3,216
1985 ..	3,134

Aliran keluar wang dari negara tidak dapat dielakkan kerana kita mengamalkan sistem kawalan pertukaran matawang yang liberal. Pelabur-pelabur asing adalah bebas menghantar pendapatan dividen ke negara asalnya. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk menambahkan aliran masuk wang ke negara ini.

Antara langkah-langkah tersebut termasuklah mengadakan garis-panduan yang lebih liberal mengenai ekuiti asing dalam syarikat-syarikat pembuatan di negara ini, pelonggaran syarat-syarat Akta Penyelarasan Pelaburan dan peraturan Jawatankuasa Pelaburan Asing. Dengan pemulihan ekonomi negara, Kerajaan percaya aliran masuk modal dari luar negeri akan bertambah.

### **BAHASA MALAYSIA DI MAHKAMAH-MAHKAMAH**

**15. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Kehakiman menyatakan sejauh manakah usaha atau langkah yang telah dibuat untuk menggunakan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa di Mahkamah Agung, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah di seluruh negara setakat ini dan nyatakan sejak 29 tahun merdeka apakah benar alasan yang mengatakan:

- (a) tidak terdapat Peguam yang fasih dalam Bahasa Malaysia; dan
- (b) para Hakim tidak dapat menguasai Bahasa Malaysia dengan baik itulah maka Bahasa Malaysia tidak dapat digunakan sebagai Bahasa Mahkamah.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin sun):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Seksyen 8, Akta Bahasa Kebangsaan, 1963/67 (Akta 32)

memberi kelonggaran kepada Mahkamah berhubung dengan penggunaan Bahasa Malaysia. Walaupun terdapat kelonggaran, namun begitu pihak Kerajaan telah dan sedang mengambil beberapa langkah positif untuk mempastikan Bahasa Malaysia digunakan di setiap peringkat Mahkamah. Di antara langkah-langkah itu ialah:

- (i) Ketua Hakim Negara telah mengeluarkan satu Pekeliling kepada semua Hakim-hakim Mahkamah Agung, Mahkamah Tinggi, Yang Di Pertua Mahkamah Seksyen dan Majistret menyeru agar di mana yang boleh, mereka menggunakan Bahasa Malaysia. Arahan ini telah dikeluarkan pada 21 September 1981.
- (ii) Kerajaan telah mengujudkan satu Biro Terjemahan yang ditempatkan di bawah Jabatan Kehakiman mulai tahun 1984 di mana tugas-tugas Biro tersebut di antara lain adalah membuat terjemahan semua kes-kes Mahkamah Agung dan Mahkamah Tinggi ke dalam Bahasa Malaysia. Setakat ini Biro tersebut telah menyiapkan satu naskah mengandungi senarai perkataan-perkataan Bahasa Malaysia yang digunakan di mahkamah dan dalam perundangan dan naskah tersebut telah diedarkan kepada semua Hakim dan Pegawai-pegawai Kehakiman.
- (iii) Surat Pekeliling telah dikeluarkan kepada semua mahkamah rendah di negara ini supaya menggalakkan penggunaan Bahasa Malaysia di dalam kes-kes yang dibicarakan oleh mahkamah-mahkamah tersebut.

- (iv) Di dalam pentadbiran harian Jabatan Kehakiman semua surat menyurat dan pekeliling-pekeliling adalah di dalam Bahasa Malaysia.
- (v) Surat telah juga dikeluarkan kepada Majlis Peguam meminta badan tersebut menasihatkan semua peguam-peguam menulis surat di dalam Bahasa Malaysia kepada mahkamah-mahkamah.
- (vi) Semenjak bulan September 1967, semua undang-undang yang digubal adalah diterbitkan dalam Bahasa Malaysia dan Inggeris di mana teks Bahasa Malaysia adalah teks yang sah. Di samping itu Jabatan Peguam Negara sedang menterjemahkan semua undang-undang yang digubal sebelum September 1967 dari Bahasa Inggeris ke Bahasa Malaysia.

Kenyataan Ahli Yang Berhormat bahawa oleh kerana tidak terdapat peguam yang fasih dalam Bahasa Malaysia dan para hakim pula tidak dapat menguasai Bahasa Malaysia dengan baik maka Bahasa Malaysia tidak dapat digunakan sebagai Bahasa Penghantar mahkamah, adalah tidak tepat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menggalakkan peguam-peguam fasih dalam Bahasa Malaysia, mulai 1 Januari 1984 seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 11(2) Akta Profesion Undang-undang 1976, tiada orang berkelayakan (qualified person) akan diterima masuk sebagai peguambela dan peguamcara melainkan jika, sebagai tambahan memenuhi kehendak-kehendak sub-seksyen kecil 1, dia telah lulus atau dikecualikan daripada Penguasaan Kelayakan Bahasa Malaysia. Peperiksaan Kelayakan Bahasa Malaysia adalah suatu peperiksaan yang dijalankan oleh Jawatankuasa Pemeriksaan Bahasa

Malaysia yang dilantik oleh Lembaga Kelayakan (Qualifying Board). Pada masa ini mereka yang mempunyai kelulusan Bahasa Malaysia di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau setaraf dengannya adalah dikecualikan daripada peperiksaan tersebut dan mereka yang tidak mempunyai kelulusan yang sedemikian dikehendaki mengambil peperiksaan lisan dalam Bahasa Malaysia yang dikendalikan oleh Jawatankuasa Peperiksaan tersebut.

### **PONDOK POLIS DI PANTAI ACHEH**

**16. Tuan Mohamad Subky bin Haji Abdul Raof** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan memandangkan bahawa Pantai Aceh adalah di bawah pentadbiran Ketua Polis Daerah Barat Daya (Balik Pulau) terletak agak berjauhan dari masyarakat lain, dengan penduduknya sebahagian besarnya terdiri dari nelayan, maka Pondok Polis yang ada sekarang ini jauhnya lebih kurang 5 km, menyebabkan sukar sekiranya berlaku apa-apa kecemasan nyatakan sama ada sebuah pondok polis boleh diadakan di kawasan tersebut, dan jika ya bila.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat. Kerajaan sememangnya ada rancangan untuk membina sebuah pondok polis di Pantai Aceh. Bagi tujuan tersebut tanah seluas 1/2 ekar telah pun diperolehi. Bagaimanapun projek tersebut yang dijangka dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat telah ditangguhkan kerana keadaan kewangan yang tidak mengizinkan. Projek tersebut akan diteruskan apabila keadaan mengizinkan. Sementara itu perkhidmatan polis kepada kawasan berkenaan diberi dari Pondok Polis Sg. Pinang dan Balai Polis Balik Pulau.

## PELAJAR SABAH DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI TEMPATAN

**17. Tuan Hsing Yin Shean** minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah peruntukan yang diberikan kepada Jabatan Pelajaran untuk Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak bagi tempoh 1983 hingga 1986. Baru-baru ini Yayasan Sabah membekukan biasiswa seberang laut disebabkan oleh masalah kewangan dan juga bertujuan untuk menggalakkan lebih ramai penuntut-penuntut belajar di Universiti-universiti tempatan; apakah langkah-langkah yang diambil untuk menempatkan lebih ramai pelajar-pelajar dari Sabah bergiat di institusi-institusi pengajian tempatan.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan yang diberikan kepada Jabatan Pelajaran Negeri di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak bagi tempoh 1983 hingga 1986 adalah seperti berikut:

1983—	\$62,897,300.00
1984—	\$67,700,590.00
1985—	\$74,429,790.00
1986—	\$74,511,290.00

Kementerian Pelajaran sentiasa memberi perhatian bagi menambahkan bilangan pelajar-pelajar dari Sabah untuk memasuki institusi pengajian tinggi tempatan.

## RUMAH PANGSA UDA DI TANJONG TOKONG

**18. Tuan Mohamad Subky bin Haji Abdul Raof** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

(a) Rumah Pangsa yang dibina oleh UDA di kawasan Tanjong Tokong yang kini belum diduduki lagi. Kenapa kelewatan berlaku sedemikian lama;

- (b) bilakah dicadangkan supaya rumah-rumah tersebut diberi hakmilik;
- (c) berapakah pembayaran yang dikenakan setiap bulan kepada penghuni;
- (d) berapa peratus akan diperuntukkan kepada Bumiputera dan bukan Bumiputera; dan
- (e) adakah peruntukan ini juga diberi peluang kepada mereka yang tinggal luar dari Kawasan Tanjong Tokong.

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:**

- (a) Setakat ini rancangan rumah pangsa UDA di Tanjong Tokong terdiri daripada 3 fasa. Fasa I telah pun diduduki dalam bulan Jun 1980. Fasa II dan Fasa III baru sahaja disiapkan. Fasa II baru sahaja diberikan sijil Kelayakan Menduduki (C.F.) pada September 1986 manakala Fasa III masih lagi menunggu pengeluaran Sijil Kelayakan Menduduki dah Pihak Berkuasa Tempatan sebelum ianya boleh diduduki.
- (b) Rumah-rumah tersebut akan diberi hakmilik kepada mereka yang layak sebaik sahaja proses pecahan hakmilik strata di selesaikan oleh Pejabat Tanah Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Proses ini mungkin mengambil masa beberapa tahun dan bukan dalam bidang kuasa UDA.
- (c) Kadar bayaran bulanan yang dikenakan kepada penghuni-penghuni bergantung kepada sama ada rumah pangsa itu disewa atau dibeli oleh penghuni. Bagi Fasa I, jika unit itu dibeli, bayaran ansuran bulannya ialah antara \$98.00 hingga \$144.00. Jika disewa

pula, bayaran sewa bulanannya ialah antara \$57.00 hingga \$70.00. Bagi Fasa II dan Fasa III, kadar-kadar bayarannya sedang diperhitungkan oleh UDA dan dijangka siap sedikit masa lagi.

- (d) Projek Tanjong Tokong ini bertujuan menempatkan semula penduduk-penduduk yang terlibat dalam kawasan pembangunan UDA di situ dan dengan demikian peruntukan rumah-rumah pangsa di kawasan tersebut akan berdasarkan kepada jumlah penduduk yang ada di kawasan itu. Mengikut banci yang telah dilakukan oleh UDA dalam tahun 1974, kawasan pembangunan UDA itu mengandungi 73.7% keluarga Melayu, 20.0% keluarga Cina dan 6.3% keluarga India.
- (e) Keutamaan memiliki rumah-rumah pangsa di bawah projek pembangunan Tanjong Tokong ini akan diberikan kepada penduduk-penduduk Tanjong Tokong yang terlibat dengan pembangunan semula kawasan ini. Sekiranya terdapat lebihan, barulah ianya dibuka kepada orang-orang di luar daripada Tanjong Tokong.

### KOMPLEN HAK-HAK DAN KEBEBASAN

3.36ptg.

**Tuan Lim Kit Siang (Tanjong):**  
Tuan Speaker, saya berdiri untuk kemukakan satu komplek Hak-hak dan Kebebasan.

Saya ada membuat rujukan mengenai amalan-amalan, prosedur-prosedur mengenai kemukakan satu komplek hak-hak privilege dan saya ada di sini Erskine May's Parliamentary Practice, Seventeenth Edition. Oleh kerana sungguhpun kita

ada meminda Peraturan-peraturan Mesyuarat, kelaziman amalan-amalan prosedur yang ada sebelum itu di Dewan ini pun bersama-sama dengan amalan-amalan ini mengenai, dengan izin, raising a matter of privilege dan mengikut mukasurat 340, satu perkara raising a matter of privilege ialah antara perkara-perkara yang dibangkitkan selepas business taken after Questions dan sebelum commencement of Public Business dan mengikut mukasurat 376 dan 377, bahawa satu perkara boleh dibangkitkan dan, dengan izin, kalau saya boleh baca dalam petikan ini, adalah tersebut:

#### "Raising a matter of privilege.

Urgent matters which require the immediate intervention of the House, if they should occur during a sitting of the House, may be raised at once in spite of the interruption of the debate or other proceedings (except a division in progress).

As a motion taken at the time of matters of privilege is thereby given precedence over the prearranged programme of the public business, the Speaker requires to be satisfied, both that....there is a *prima facie* case that a breach of privilege has been committed and also that the matter is being raised at the earliest opportunity. If he is not so satisfied when the circumstances are first brought to his attention privately, he may inform the member that he is not entitled to raise the matter as a question of privilege or he may allow him to make a statement with a view to ascertaining whether or not a *prima facie* case can be made out. This latter course is also taken when for some reason a preliminary explanation has not been given to the Speaker."

Dan saya tidak boleh buat begitu oleh kerana barulah saya dapat *Hansard* itu yang nanti saya hendak sebut dan saya

barulah membuat rujukan. Sebab itulah saya tidak boleh buat satu keterangan "preliminary".....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, apakah tujuan Yang Berhormat sekarang?

**Tuan Lim Kit Siang:** Mengenai kemukakan satu matter of privilege, ada precedents, kelaziman-kelaziman.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Bolehkah Yang Berhormat hantarkan surat kepada saya, kerana pada masa sekarang ini saya tidak ada peluang untuk hendak membaca kandungan itu semua. Kemukakan satu permohonan mengikut surat, selepas itu, saya akan memberi keputusan saya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya. Sebelum saya kemukakan itu, ada dua unsur yang perlu ditunaikan iaitu bahawa at the earliest opportunity dan yang kedua, bahawa satu *prima facie* case diadakan dan selepas itu Tuan Yang di-Pertua bolehlah ada masa untuk memberi pertimbangan dan di dalam Persidangan kemudian boleh membuat satu keputusan sama ada kedua-dua syarat ini ditunaikan dan apabila kedua-dua syarat ini ditunaikan, bahawa satu usul privilege harus dapat precedence daripada semua perkara yang lain. Sebab itu, saya mahu.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh menghantar surat kepada saya di atas perkara ini, saya akan timbang dan saya akan memberi keputusan. Pada masa sekarang ini, saya tak membenarkan Yang Berhormat berbuat demikian.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, tetapi saya harap bahawa syarat "at the earliest opportunity" tidak akan menjadi satu masalah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya akan timbang mengikut undang-undang dan Peraturan-peraturan Mesyuarat yang ada.

**Tuan Lim Kit Siang:** Baik. Ini berkenaan dengan kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai MAMINCO, kenyataan yang palsu.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1987

DAN

USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN 1987

#### Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1987 dan Anggaran Pembangunan 1987 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." (*Hari Kesebelas*).

*Majlis bersidang dalam  
Jawatankuasa.*

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Jawatankuasa*)

*Maksud B.34 (Jadual)—  
Maksud P.34 (Anggaran  
Pembangunan 1987)—*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan menjawab.

3.41ptg.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Pengerusi, sukalah saya menjawab kepada beberapa hujah yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa Belanjawan Kementerian Kesihatan dibincangkan di peringkat Jawatankuasa.

Pertama sekali, Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah yang telah membangkitkan beberapa cadangan dan fikiran yang baik dan dua tiga perkara yang tepat. Satu permintaan beliau tentang keadaan Pusat Kesihatan Kecil di Batu Gajah, sukalah saya menyatakan bahawa klinik bagi menggantikan PKK Batu Gajah di Tanah Merah itu akan mula dibina baru pada tahun hadapan (1987).

Mengenai Pusat Kesihatan Kecil di Jeli, perkara ini bukanlah Pusat Kesihatan Kecil tetapi sebuah Pusat Kesihatan Besar di Jeli dan ini akan dibina di kawasan pusat bandar baru di Jeli. Projek ini telah dimasukkan dalam senarai projek pinjaman daripada Asian Development Bank dan jika semua perancangan berjalan mengikut jadual, kita harap dapat memulakan pembinaan dalam tahun 1988.

Mengenai soalan beliau tentang keadaan kesihatan sekeliling di kawasan-kawasan luar bandar, sukalah saya mengatakan bahawa perkara itu memang menjadi satu tumpuan utama dalam kegiatan dan rancangan-rancangan Kementerian Kesihatan dan kita sedang menjalankan beberapa usaha untuk menentukan bahawa penduduk-penduduk, khasnya di kawasan-kawasan luar bandar, mendapat air yang bersih dan selamat dan juga kemudahan-kemudahan tandas yang selamat kerana tidak mencemarkan air sungai dan sebagainya.

Dalam perkara ini, banyak rancangan telah pun dijalankan oleh Kementerian Kesihatan dan saya dapat memberitahu bahawa Kementerian telah memberi keutamaan yang perlu dalam rancangan membantu masyarakat luar bandar untuk membina tandas-tandas dan sistem bekalan air khasnya di kawasan-kawasan di mana keliputan kemudahan (facility) tandas adalah

rendah dan juga di mana sistem bekalan air Jabatan Kerjaraya tidak wujud dan belum dirancang.

Keutamaan adalah juga diberi kepada kawasan-kawasan di mana wabak penyakit-penyakit bawaan air seperti disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah, mengenai hepatitis dan sebagainya, telah pun menjadi-jadi pada masa dahulu. Jenis-jenis bekalan air yang dibina dan dibekalkan oleh Kementerian di bawah Rancangan Air Masyarakat adalah seperti berikut:

- (1) sistem bekalan air paip "gravity fit" di mana tiap-tiap rumah diberi satu sambungan daripada sistem bekalan air paip ini. Punca air adalah daripada sungai yang dikawal. Biasanya pengguna-pengguna dinasihatkan juga untuk memasak air sebelum diminum;
- (2) perigi ataupun tidak dengan sambungan ke rumah-rumah;
- (3) sistem tadahan air hujan; dan
- (4) sistem lain seperti sistem pam dengan bekalan paip ke rumah-rumah.

Pemilihan sistem adalah berdasarkan kepada keadaan kampung iaitu sama ada punca daripada sungai yang bersih ataupun kesesuaian air di bawah tanah.

Dalam Rancangan Malaysia Keempat, Kementerian telah melaksanakan projek yang bernilai \$25.718 juta dengan pembiayaan sebanyak \$22.4 juta daripada peruntukan yang diberi kepada Kementerian Kesihatan Malaysia dan \$3.246 juta daripada peruntukan Negeri-negeri yang berkenaan.

Dalam tempoh tersebut, kita telah membina sebanyak 1,019 sistem bekalan air paip "gravity fit"; 6,486 buah perigi masyarakat; 637 perigi dengan sambungan ke rumah-rumah; 18,690 sistem tadahan air hujan dan

934 tandas. Jumlah bilangan keluarga yang telah menerima faedah bekalan air di bawah rancangan ini dalam tempoh masa Rancangan Malaysia Keempat ialah 198,582. Rancangan ini akan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kelima dan adalah dianggarkan bahawa sebanyak \$11 juta akan dibelanjakan pada tahun 1986 dan sebanyak \$10 juta lagi untuk tujuan ini pada tahun 1987 juga.

Jadi banyak perkara yang dibuat, banyak kegiatan yang dijalankan dan saya memang bersetuju dengan beliau bahawa perkara memberi pelajaran kesihatan kepada penduduk-penduduk di kawasan-kawasan luar bandar mengenai kesihatan diri dan cara-cara menggunakan air dan sebagainya adalah sama penting dan Kementerian sedang memberi keutamaan dan kepentingan, perhatian yang penting kepada perkara-perkara seperti itu.

Dalam perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jempol, memang saya bersetuju bahawa pengagihan kemudahan-kemudahan kesihatan di kawasan-kawasan luar bandar harus mengambi! kira tentang perkembangan penduduk-penduduk di kawasan-kawasan itu seperti di kawasan-kawasan FELDA dan memang perancangan Kementerian Kesihatan mengambil kira perkembangan penduduk-penduduk di kawasan-kawasan FELDA di dalam memperkembangkan kemudahan-kemudahan kesihatan yang terdapat di kawasan-kawasan itu. Seumpamanya, Pusat Kesihatan Kecil atau Klinik Desa dan sebagainya yang dibina di kawasan FELDA akan ditingkatkan kepada Pusat Kesihatan Besar di kawasan-kawasan FELDA apabila sampainya jumlah penduduk lebih kurang 9,000 dan sebagainya. Kita akan terus memberi penekanan yang kuat kepada perkembangan kemudahan-kemudahan itu dalam kawasan-kawasan baru, kerana di

kawasan-kawasan FELDA tujuan Kerajaan adalah untuk mewujudkan masyarakat baru dengan fikiran dan cara hidup yang lebih selesa daripada kawasan-kawasan yang diduduki dahulunya.

Ahli Yang Berhormat dari Kampar telah membangkitkan beberapa perkara yang setengah daripadanya beberapa kali dahulu di sini dan saya tidak mahu menyebutkan mengenai perkara-perkara gaji dan cara-cara pekerjaan doktor dan sebagainya untuk menggalakkan lebih ramai daripada mereka kekal dengan Kerajaan kerana beberapa kali di Dewan ini kita telah membincangkan perkara-perkara itu.

Satu cadangan yang dibangkitkan oleh beliau mengenai membolehkan doktor-doktor dari sektor Kerajaan berkhidmat atau bekerja di sektor swasta dan sebaliknya. Saya hendak memberitahu bahawa pada masa ini Kementerian telah pun membuat persediaan dan segala peraturan untuk doktor-doktor atau pakar-pakar dalam beberapa bidang untuk menjalankan tugas-tugas di hospital-hospital Kerajaan khasnya di hospital-hospital daerah di mana terdapat kemudahan-kemudahan yang cukup dan sejak kita memulakan rancangan ini, pada masa ini kita mempunyai 8 buah hospital-hospital daerah yang sudah diberi kegunaannya oleh pengamal perubatan dari sektor swasta dan 18 orang doktor swasta telah menandatangani kontrak-kontrak dengan Kementerian Kesihatan untuk menggunakan kemudahan-kemudahan hospital daerah seperti wad-wad, bilik bersalin, bilik pembedahan, X-Ray dan sebagainya. Soal sebaliknya iaitu kebenaran untuk pegawai-pegawai Kementerian, doktor-doktor khasnya diberikan kebenaran bekerja sambilan di luar adalah lebih rumit dan pada masa ini tidak dipersetujui.

Contoh-contoh dari India dan Indonesia yang disebutkan oleh beliau, tidak harus dipakaikan di sini kerana keadaan tanggagaji dan sebagainya untuk pegawai-pegawai Kerajaan di negara-negara itu adalah lebih jauh beza daripada keadaan kita. Beberapa perkara, masalah etika dan sebagainya timbul melalui skim di mana doktor-doktor Kerajaan boleh bekerja sambilan di sektor swasta pada masa ini Kementerian tidak bercadang untuk mengamalkan sistem seperti itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kampar juga telah menyentuh mengenai perkara Kesihatan Cara Kerja. Beliau telah menyatakan bahawa Kementerian Kesihatan mengabaikan Kesihatan Cara Kerja dan sebagainya. Saya rasa beliau tidak membaca laporan-laporan Kerajaan atau organisasi Kerajaan pada keseluruhannya, kerana pada masa ini, kuasa yang bertanggungjawab untuk menjalankan perancangan kordinasi dan sebagainya tentang Kesihatan Cara Kerja adalah terletak di Kementerian Buruh dan Kementerian Kesihatan sentiasa memberi kerjasama yang rapat kepada Kementerian Buruh dalam menjalankan tugas-tugas ini. Beberapa Keraenterian yang lain juga terlibat dalam Kesihatan Cara Kerja seperti Kementerian Pertanian dan sebagainya.

Di Kementerian Buruh, satu Majlis Penasihat Keselamatan dan Kesihatan Pekerja-pekerja telah pun ditubuhkan dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh adalah dilantik sebagai Pengerusi Majlis itu. Antara lain-lain tujuan Majlis itu ialah untuk meningkatkan taraf keselamatan dan kesihatan pekerja-pekerja di tempat kerja. Ahli-ahl: Majlis ini termasuk wakil-wakil dari Kementerian Kesihatan, Kementerian Pertanian, Kementerian Perusahaan Utama, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan sebagainya. Pada

hemat saya usaha-usaha dalam bidang Kesihatan Cara Kerja sedang diberi perhatian yang cukup dan kerjasama di antara beberapa agensi yang perlu dalam perkara ini pada masa ini adalah memuaskan dan sektor juga diberi galakan yang cukup untuk memberi perhatian kepada perkara-perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kampar juga telah membangkitkan perkara dalam kawasan beliau iaitu poly-clinic di Mambang Di Awan di dalam kawasan beliau, dan saya hanya dapat memberitahu kepada beliau bahawa pelaksanaan klinik ini akan diteruskan apabila peruntukan dapat disediakan oleh Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari Kampar juga telah dalam perbahasannya membangkitkan perkara kesihatan luar bandar dan bekalan air dan sebagainya dan satu aspek sahaja saya ingin sebut di sini iaitu mengenai angka-angka yang diberi oleh beliau, entah di mana beliau mendapat angka-angka mengenai kematian bayi-bayi atau kanak-kanak akibat gastro enteritis. Dalam beberapa tahun yang lepas ini, gastro-enteritis telah menjadi satu sebab yang tidak begitu penting dalam kematian kanak-kanak ataupun bayi-bayi dan pada masa ini, kita melihat bahawa sejak tahun 1980, jumlah orang yang meninggal melalui akibat penyakit gastro-enteritis adalah berkurangan. Pada tahun 1980, jumlah kematian adalah 290 dan angka ini telah menurun kepada 250 pada tahun 1981; kepada 177 pada tahun 1982; kepada 140 pada tahun 1983 dan kepada 135 pada tahun 1984 iaitu satu angka yang menunjukkan kemajuan dalam perkara ini dan lebih daripada setengah daripada kematian ini adalah kanak-kanak yang kurang daripada umur 5 tahun. Angka kematian itu bukanlah 400 seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, tetapi satu angka yang kurang daripada 1/4 daripada apa yang disebutkan oleh beliau.

Rancangan-rancangan untuk membaiki kesihatan awam dan pelajaran kesihatan, saya telah menyebutkan apabila saya menjawab Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah tadi.

Ahli Yang Berhormat dari Kuantan telah juga membangkitkan perkara-perkara yang saya classifykan sebagai, dengan izin, promotional health, satu bidang yang baru. Bukan sahaja tugas kita untuk merawat mereka yang didapati sakit tetapi juga untuk mencegah penyakit-penyakit ini dan lebih-lebih lagi untuk menggalakkan kesihatan yang baik di kalangan rakyat. Ada beberapa perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuantan, saya mengalu-alukan mengenai cara-cara kita mengelakkan daripada, dengan izin, "stress" dalam kehidupan kita, kerana "stress" itu adalah punca utama penyakit jantung dan sebagainya dan pada masa ini di antara sebab-sebab yang penting sekali, sebab yang nombor satu untuk kematian pesakit-pesakit di hospital-hospital adalah penyakit yang berkait dengan cardio-vascular diseases dan salah satu daripada punca timbulnya cardio-vascular disease adalah "stress" tetapi pada masa ini Kementerian atau Kerajaan tidak mempunyai bukti menunjukkan bahawa pindaan waktu bermula pejabat daripada 8.00 pagi kepada 8.30 pagi akan dapat mengurangkan stress dalam kehidupan kita dan perkara ini perlu kajian yang lebih mendalam. Tetapi memang betul bahawa cara-cara untuk mengelakkan daripada stress itu adalah satu cara yang kita harus sebagai rakyat mempelajari, kerana stress itu mengakibatkan beberapa penyakit yang teruk dalam hasilnya.

Mengenai kesihatan alam sekeliling, memang saya telah menjawabnya, tetapi pembersihan, pembuangan atau pengutipan sampah sarap dan sebagainya dan membersihkan longkang-longkang, parit-parit, kawasan-kawasan pasar dan

sebagainya adalah satu perkara yang diberi perhatian yang penting dalam usaha Kerajaan dan kita telah menjalankan satu kempen secara besar-besaran bersama-sama dengan Kementerian Kerajaan Tempatan, Dewan Bandaraya dan sebagainya untuk meneruskan perkara ini. Ini adalah satu perkara yang kita kehendaki berjaga terus dan saya rasa ada seorang Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri, yang diberi tanggungjawab untuk menjaga kempen kebersihan dan Kementerian Kesihatan sendiri sedang membuat sumbangan yang sesuai dalam perkara ini.

Mengenai Hospital Besar di Kuantan \$200,000 sahaja diperuntukkan untuk tahun depan, memang kita mengakui bahawa \$200,000 ini bukan cukup untuk satu hospital baru yang dicadangkan untuk hospital Kuantan. \$200,000 itu adalah peruntukan untuk membiayai kos pakar perunding dalam merancang hospital baru di Kuantan, perkara pembinaan dan sebagainya sedang dibincangkan oleh Kerajaan.

Saya rasa itu sahaja perkara-perkara yang dibangkitkan dan saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$1,081,695,700 untuk Maksud B.34 di bawah Kementerian Kesihatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,081,695,700 untuk Maksud B.34 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$93,090,400 yang disebutkan dalam

Maksud P.34 dalam Anggaran Pembangunan, 1987 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$93,090,400 untuk Maksud P.34 jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 1987.

*Maksud B.35, B.36, B.37, B.38, B.39, B.40, B.41, B.42 dan B.43 (Jadual)—*

*Maksud P.35, P.36, P.37, P.39, P.40, p. 41 dan P.42 (Anggaran Pembangunan 1987)—*

**Tuan Pengerusi:** Maksud Kepala Bekalan B.35, B.36, B.37, B.38, B.39, B.40, B.41, B.42 dan B.43 dan Kepala Pembangunan P.35, P.36, P.37, P.39, P.40, P.41 dan P.42 di bawah Kementerian Dalam Negeri terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat dari Tanah Merah.

4.04 ptg.

**Tuan Hashim bin Safin (Tanah Merah):** Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil peluang untuk membahaskan Kepala-kepala yang telah disebutkan dan saya ingin menumpu kepada beberapa Butiran.

Pertamanya, Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat 181 Maksud Pembangunan P.36, Butiran 00800—Unit Kawalan Kawasan (UKK), sejumlah \$500,000; kemudian Butiran 01100—Unit Pencegah Penyeludupan \$7.15 juta. Seterusnya Butiran 03100—Pagar Keselamatan sejumlah \$14 juta.

Tuan Pengerusi, saya mohon untuk menyentuh ketiga-tiga Butiran dan aktiviti itu serentak kerana ianya memang ada hubungkait di antara ketiga-tiga Butiran dan Aktiviti yang telah dirancang.

Tuan Pengerusi, pertamanya mengenai Butiran 00800 UKK, di mana UKK ini nama penuhnya ialah

Unit Kawalan Kawasan iaitu satu pasukan untuk menjamin keselamatan di kawasan sempadan.

Melalui halaman ini kita dapat melihat peruntukan yang telah diberikan berjumlah \$500,000 adalah untuk Pembangunan Unit Kawalan Kawasan di sempadan-sempadan yang melibatkan tempat mereka menjalankan tugas, balai-balai perkhidmatan dan juga kawasan perumahan dan pembinaan rumah-rumah kepada mereka. Apa yang didapati sekarang masih ada Unit-unit Kawalan Kawasan yang belum mempunyai kemudahan-kemudahan penginapan ataupun perumahan kepada mereka dan keluarga mereka. Mereka ini memang tidak bertukar ke mana-mana kawasan kerana Unit ini khusus ditubuhkan untuk kawalan kawasan yang telah ditetapkan. Kalau ini dapat disempurnakan ianya boleh menjamin perkhidmatan yang lebih baik untuk mengawal dan memberi kerjasama kepada Unit Pencegah Penyeludupan di bawah Butiran 01100.

Dalam kaitan ini Unit Pencegah Penyeludupan juga, ingin saya menyentuh bahawa unit ini perlu dipertingkatkan peranan dan usaha mereka untuk menjamin penyeludupan dapat dielakkan sebanyak yang mungkin, kerana kita dapat melihat bahawa penyeludupan masih kuat dan terus berlaku di kawasan-kawasan sempadan terutamanya di sempadan Siam Kelantan.

Saya dapat laporan, satu maklumat yang mengatakan setakat ini sehingga September yang lepas, jumlah penyeludupan bahan-bahan makan sahaja berjumlah \$200 juta. Ini satu kerugian yang besar dan kalaulah pihak Unit Pencegah Penyeludupan ini mempertingkatkan peranan mereka, saya rasa keuntungan yang besar dapat diselamatkan wang negara.

Saya ingin menarik mengenai Unit Pencegah Penyeludupan ini terlampau menumpukan kerja sehingga tersalah tangkap dan peristiwa ini berlaku kepada tangkapan seorang petani yang mengangkut padi bapa dan keluarganya sendiri di Kampung Air Batu, sehingga di bawa ke muka pengadilan dan terbukti bahawa petani ini tidak bersalah kerana mengangkut padi bapanya sendiri atau padinya sendiri, sedangkan banyak lagi tumpuan harus diberi kepada penyeludupan-penyeludupan yang lain. Walau bagaimanapun, itu barangkali sebagai satu pengecualian, tetapi saya rasa lebih baiklah ditumpukan kepada kegiatan-kegiatan penyeludupan yang lebih besar yang akan saya sebutkan.

Pertamanya penyeludupan yang besar ialah seperti bahan-bahan makanan terdiri daripada sayur-sayuran, beras, tepung, binatang-binatang ternakan seperti anak ayam, lembu-kerbau yang diseludup melalui sempadan, buruh ataupun pekerja ataupun mereka yang datang secara haram juga dibawa masuk melalui sempadan-sempadan ini yang perlu diawasi oleh Unit-unit tadi.

Saya ingin mengambil kesempatan mengenai buruh-buruh ini, kehadiran mereka juga mengganggu-gugat buruh-buruh tempatan di mana beberapa syarikat perkilangan, syarikat kilang kayu (sawmill) di kawasan sempadan lebih mengutamakan buruh luar yang datang daripada sebelah Siam, memang di segi alasan yang sesuai kepada mereka kerana buruh-buruh Siam ini sedia menerima gaji yang murah. Tetapi kalaulah buruh-buruh tempatan mereka tidak bersedia memberi gaji yang sepatutnya kerana ada tawaran daripada buruh Siam, perkara ini mengganggu buruh-buruh tempatan.

Kedua, kehadiran pendatang-pendatang daripada sebelah Siam yang menyeludup masuk ke kawasan di

Kelantan terutamanya Tuan Pengerusi, boleh melahirkan keadaan seperti pergaduhan sesama belia-belia atau pemuda-pemuda tempatan dan mengancam dan ada juga mereka yang terlibat dengan mengembangkan ajaran agama yang salah, kerana mereka ini disilapfahamkan oleh pemimpin politik tertentu dan ada pula yang terlibat dengan kegiatan politik, walaupun mereka ini bukan warganegara yang berhak mencampuri hal politik negeri ataupun tempatan itu sendiri.

Berkait dengan penyeludupan yang ada kaitan tentang UPP, UKK dan pagar keselamatan tadi, ada juga terdapat penyeludupan gadis-gadis dan perempuan-perempuan Thai ke negeri Kelantan ataupun negeri-negeri sempadan bahkan seperti yang kita lihat di dalam laporan akhbar di pusat-pusat bandar seperti Kuala Lumpur dan bandar-bandar besar yang lain. Perkara ini barangkali dapat diatasi dengan memperkuat dan mempertingkatkan kerja Unit Kawalan Kawasan (UKK), UPP dan juga pembinaan pagar-pagar keselamatan di sempadan-sempadan dengan negeri Siam.

Tuan Pengerusi, di antara penyeludupan-penyeludupan yang juga penting merupakan musuh utama kepada negara ialah penyeludupan dadah. Penyeludupan dadah ini boleh bertaku melalui kesemua saluran-saluran yang saya sebutkan tadi sama ada melalui bahan sayur-sayuran, melalui beras, melalui tepung, melalui kotak-kotak anak ayam, melalui perut lembu, melalui perempuan, melalui gadis dan sebagainya dan ianya amat membahayakan. Dalam perkara ini perlulah kita mempertingkatkan dan memperkuat ketiga-tiga aktiviti yang telah dirancang oleh Kementerian Dalam Negeri untuk menjamin keselamatan negara secara keseluruhan.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Satu minit lagi, Yang Berhormat.

**Tuan Hashim bin Safin:** Ya. Tuan Pengerusi, saya mohon berpindah kepada mukasurat 184 mengenai Butiran 010000, Maksud Bekalan B.39 di bawah Program Pentadbiran Am, Jabatan Pendaftaran Negara. Apa yang saya maksudkan dalam butiran ini ialah mengenai penamatan pendaftaran pertubuhan-pertubuhan belia di peringkat cawangan.

Saya ingin mencadangkan supaya pihak Pendaftaran Pertubuhan menyelaraskan kerjanya dengan baik melalui pertubuhan-pertubuhan belia kawasan sama ada Belia 4B, Belia MAYC ataupun mana-mana pertubuhan belia. Apa yang berlaku iaitu terdapat beberapa cawangan belia yang ditamatkan pendaftarannya. Saya ingin melaporkan berdasarkan pengalaman saya selaku Pengerusi Gerakan Belia 4B kawasan Tanah Merah, Jeli di mana setelah saya memegang jawatan, saya dapati sejumlah lebih kurang 18 cawangan belia telah ditamatkan pendaftarannya sedangkan cawangan-cawangan belia ini masih aktif dan cergas bergiat,

Dari segi logikanya memanglah Pentadbiran mesti menentukan cawangan itu menghantar laporan kepada pihak Pendaftaran Pertubuhan tetapi apa yang saya maksudkan ialah supaya pihak Pendaftaran Pertubuhan menyelaraskan pergerakan Belia 4B kawasan dengan laporan yang cekap, kerana kalau kita harapkan daripada cawangan, maklumlah pemimpin cawangan ini kuasa dan kepimpinannya agak terhad walaupun pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sentiasa memberi latihan tetapi kemampuan masih terhad tanpa dibimbing ataupun diselaraskan melalui pertubuhan belia kawasan.

Tuan Pengerusi, boleh sedikit lagi?

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Masa sudah cukup.

**Tuan Hashim bin Safin:** Sedikit lagi, Tuan Pengerusi, kalau.....

**Tuan Hashim bin Safin:** Ya. Saya mohon berpindah kepada mukasurat 190 mengenai Jabatan Hal Ehwal Orang Asli di bawah Butiran 00100, 00200, 00300, Maksud Pembangunan P.41 di mana nampaknya perhatian kepada Orang Asli ini sedang dipertingkatkan oleh Kerajaan dan juga seperti disiarkan dalam laporan akhbar, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menyeru supaya kita mempertingkatkan Orang-orang Asli sehingga boleh menjadi Wakil Rakyat ataupun Senator. Ini satu perkara yang membanggakan, kerana di kawasan saya sendiri terdapat lebih kurang 500 orang ataupun dua penempatan Orang Asli yang perlu dibela. Cuma saya ingin menarik perhatian Kementerian Dalam Negeri untuk mempercepatkan, pertamanya, projek jalan penempatan Orang Asli di sungai Ruang, Jeli, Tanah Merah, Kelantan kerana projek itu begitu mendesak demi membangun dan memperbaiki Orang-orang Asli; keduanya, projek pembinaan perumahan yang tergendala oleh sebab-sebab tertentu.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Sudahlah Yang Berhormat.

**Tuan Hashim bin Safin:** Dan saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri akan memberi perhatian khususnya kepada ini.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Marang.

4.16ptg.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar (Marang):** Tuan Pengerusi, merujuk kepada halaman 178, Maksud Bekalan B.36—PolisDi-RajaMalaysia,Butiran 020000.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Yijandrant: Muka surat Yang Berhormat?

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Mukasurat 178—M?rin, Anggaran Perbelanjaannya ialah \$56.9 juta. Dalam hal ini, saya suka menarik perhatian Dewan agar Kementerian Dalam Negeri dapat mengadakan sebuah pasukan Marin yang kuat dan mampu menjaga keselamatan dan memberi perlindungan awam ketika di laut terutamanya kepada para nelayan. Saya juga mencadangkan agar sebuah Pengkalan Marin Polis dibina segera di Terengganu.

Di sini izinkan saya memberi beberapa pandangan dan sebab tentang kenapa Pengkalan Marin itu perlu ditubuhkan di negeri Terengganu:

- (1) Wujudnya ancaman dan pencerobohan nelayan asing, perlanunan dan perompakan ke atas nelayan-nelayan tempatan yang terus-menerus menjadi-jadi dan agak serius di akhir-akhir ini.
- (2) Setakat ini belum ada lagi Pengkalan Marin Polis yang kekal di Pantai Timur. Pusat-pusat Gerakan Marin di Cendering, Terengganu, Kelantan mahupun Kuantan, Pahang yang ada kini bukanlah merupakan permanent base, dengan izin, tetapi sekadar merupakan tempat-tempat singgahan sementara.
- (3) Pengkalan Marin sangatlah diperlukan bagi maksud menjalankan penyelidikan,

perancangan dan gerakan operasi yang lebih meluas, maju dan berkesan sesuai dengan perkembangan-perkembangan keselamatan dan logistik semasa negara.

- (4) Wujudnya perkembangan-perkembangan yang tidak setabii di Vietnam, Kampuchea dan Selatan Vietnam yang menggalakkan wujudnya pelarian-pelarian. Mereka merupakan ancaman terutama kepada penduduk-penduduk tempatan Pantai Timur.
- (5) Pernah wujud cadangan/pandangan dari pihak Kerajaan untuk mewujudkan Pengkalan Marin di Terengganu kira-kira 4 tahun dahulu.

Berdasarkan faktor-faktor di atas, saya kira sudah sampai masanya Kerajaan menambahkan sedikit peruntukan atau menarik peruntukan dari bahagian Lain untuk membina Pengkalan Marin di Pantai Timur. Tempat yang paling sesuai diadakan Pengkalan tersebut ialah di kawasan Parlimen saya iaitu di Marang. Ini disebabkan kedudukannya di tengah-tengah negeri Terengganu. Terengganu pula di tengah-tengah Pantai Timur. Ianya amat menarik dan strategik sekali. Marang juga mempunyai sebuah pulau yang cantik dan dapat menahan tiupan angin monsoon. Pulau itu ialah Pulau Kapas. Marang juga merupakan kawasan yang mempunyai purata pendapatan penduduk di bawah garis kemiskinan iaitu kurang daripada \$246 sebulan yang terendah sekali dari semua daerah dalam negeri. Saya kira kehadiran Pengkalan Marin di Marang ini nanti sedikit sebanyak akan dapat menaikkan taraf sosio-ekonomi penduduk-penduduk setempat di samping menetapkan politik setempat yang sering menjadi perhatian umum dan fokus negara.

Tuan Pengerusi, merujuk kepada halaman 175, Maksud Bekalan B.35, Kementerian Dalam Negeri, mengenai dengan Rawatan dan Pemulihan Dadah. Masalah dadah dewasa ini merupakan masalah keselamatan negara, lanya perlu diberi perhatian serius dan utama. Di Malaysia jumlah penagih yang dikenalpasti semenjak tahun 1970 hingga Julai 1986 ialah sebanyak 112,756 orang. Manakala jumlah mereka yang sedang dirawati melebihi 22,000 orang.

Pusat-pusat rawatan dan pemulihan dadah milik Kerajaan hanya 7 buah sahaja di samping puluhan kepunyaan swasta. Saya kira ini tidaklah mencukupi memandangkan jumlah penagih yang begitu ramai kini. Sangatlah elok pusat-pusat rawatan diperbanyakkan lagi.

Dari maklumat-maklumat yang boleh dipercayai, hanya lebih kurang 30% sahaja penagih-penagih yang benar-benar berhasil dipulihkan dari jumlah sebenar manakala 70% lagi dikatakan akan kembali menagih. Oleh itu, keberkesanan rawatan di pusat-pusat pemulihan perlulah dikaji dan disemak kembali.

Mendapat dan membanyakkan pakar-pakar pemulihan dan alat-alat kemudahan perubatan adalah sewajarnya dilakukan. Pihak perawat dan pemulihan juga perlulah mengkaji dan menyemak balik sistem pengesanan dan pengawasan (monitoring sistem) penagih dadah yang ada sekarang. Sistem ini perlulah dipertingkatkan atau diupgradakan. Usaha susulan bagi mengesan dan mengawasi penagih-penagih yang telah dikatakan pulih perlulah diadakan. Kita merasa bimbang kiranya usaha ini tidak diadakan bukan sahaja ianya menggagalkan usaha-usaha pemulihan yang telah dilakukan selama ini, malah ianya

tidak menjelaskan secara tepat dan terperinci akan keberkesanan sistem monitoring itu.

Sehubungan dengan ini juga sistem pengumpulan data perlulah dikemaskan dan dipertingkatkan mutu kerja serta kaedah perlaksanaannya. Penggunaan alat komputer dan bahan data yang lebih sophisticated, dengan izin, amat perlu disegerakan, memandangkan jumlah penagih dadah di negara ini agak membimbangkan. Kakitangan pusat perawatan, pemulihan atau pasukan petugas anti dadah perlu diperbanyakkan lagi.

Sebenarnya usaha susulan dan menerima bekas-bekas penagih dadah ini perlulah melibatkan semua pihak bukan sahaja pusat rawatan dan pemulihan. lanya berkehendakkan kerjasama ibubapa, keluarga, majikan, pihak PEMADAM, pertubuhan-pertubuhan belia/sukarela, pemimpin-pemimpin agama dan masyarakat. Secara jelasnya ia menuntut supaya diadakan satu program yang tersusun terancang dan bersepadu. Dalam hal ini saya ingin mencadangkan agar diwujudkan satu-satu kawasan tertentu yang dianggap sebagai berisiko tinggi atau kawasan hitam untuk diberikan tumpuan. Usaha mengadakan gerakan tumpuan ini sebaiknya diadakan secara bersepadu. Misalnya kita boleh melibatkan Jawatankuasa Keselamatan Negeri/PEMADAM atau pasukan petugas anti dadah di peringkat pusat, negeri dan daerah, Polis, RELA, Jawatankuasa Kemajuan Kampung dan sebagainya.

Satu lagi masalah yang besar dalam usaha merawat dan memulih penagih dadah tni ialah ketidak upaya kita mengesan penagih-penagih dadah yang menghisap ganja. Usaha-usaha mengatasinya perlulah dibuat. Di bandar-bandar besar sekarang ini ramai penagih yang ditangkap terpaksa dilepaskan, kerana bila diperiksa darah dan air kencing

mereka didapati bersih dari dadah walaupun mereka hisap ganja. Sebab itu kita mendapati ramai penagih-penagih dadah yang tidak dapat diambil tindakan, kerana mereka menghisap ganja. Lainlah kalau terang-terang.

Saya juga ingin mencadangkan agar pendedar dadah yang ditangkap yang mengedar kurang daripada 15 gram dadah patut ditambah dengan sebat dan rotan. Biar kurangkan tempoh masa di jail tetapi tambahkan dengan rotan.

Saya juga ingin mencadangkan mcngcnai dengan Pusat Pemulihan Dadah iaitu patut sekali diberi peluang kepada ibubapa yang terlibat supaya membayar kos pemulihan anak-anak mereka, bukan Kerajaan sahaja yang seharusnya membayar.

Saya juga ingin menujuk muka surat 182, Jabatan Imigresen, Maksud B. 37, Butiran 020000 mcngcnai dengan Kawalan Keselamatan dan Penguatkuasa. Hari ini kita telah mcmbmca dalun akhbar-akhbar bagaimana keputustn Kerajaan Malaysia pada 26hb Scptmber, 1986 dahulu mengusir dua orang wartawan asing, masing-masing bemama Encik John Berthelson dan Encik Raphael Pura dari akhbar *Asian Wall Street Journal* kerana penulisannya yang membahayakan keselamatan negara telah dicabar dan diketepikan kesahihannya oleh Mahkamah Agung Malaysia sendiri. Dan ianya mendapat reaksi yang sungguh menyenangkan lidah pengarang akhbar *The Wall Street Journal*. Sebenarnya pujian itu adalah merupakan satu tempelak dan perlu yang sangat sinis kepada kita, pihak Kerajaan Malaysia sendiri.

Begitu juga keputusan Mahkamah Agung itu menjelaskan adanya kelemahan-kelemahan dalam Akta Imigresen kita dalam soal kawalan dan keselamatan. Ini perlu dikaji dan diperbetulkan. Saya kira keadaan

yang berlaku ini bagaikan menjemput orang luar naik ke atas rumah kita, kemudian kita hambat dia keluar, lepas itu kita panggil dia balik, kita berunding-runding dengan dia, kita berbicara-bicara dengan dia, kemudian kita jemput dia balik. Macamlah main papan, kata orang, tarik papan, sorong papan—malang.

Ini menampakkan kelemahan Akta ini iaitu kurang tegas. Sepatutnya ini rumah kita, kita berhak menentukan tetamunya. Siapa yang harus diundang, siapa pula yang harus dilarang. Lihat Indonesia. Indonesia baru-baru ini telah menghalau penulis-penulis Akhbar Wall Street Journal ini. Ini menunjukkan penulis akhbar *Asian Wall Street Journal* ini memang jahat dan perlu dihalau keluar.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Satu minit lagi Yang Berhormat.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Kita tidak mahu melihat wujudnya penjenayah pena di negara ini kerana penjenayah pena bagi kita adalah lebih jahat dan kejam daripada penjenayah perang. Saya sangat memahami erti kebebasan dan keadilan tetapi janganlah ianya sampai menggugat keselamatan negara dan terlalu banyak tolak ansur hingga merugikan kita. Olch itu saya minta Kementerian Dalam Negeri mengkaji balik, melihat balik dengan segera dan seriusnya agar Akta Imigresen 1959/1963 ini dikaji dan dipinda segera. Mudah-mudahan negara kita terhindar dari orang-orang yang tidak bertanggungjawab dan tidak berdisiplin ini seperti Encik John Berthelsen dan Encik Raphael Pura dari akhbar *Asian Wall Street Journal* ini.

Saya juga bimbang kelewatan untuk meminda Akta ini akan membuka ruang yang lebih luas kepada lain-lain pihak yang memang mengintai-intai untuk memastikan

bahawa Negara ini tidak selamat terutamanya dalam konteks pemerintahan negara kita ini sekarang. Jadi kita mintalah supaya perkara ini tidak dipandang ringan malah dijadikan satu perkara penting dalam usaha kita menyatukan negara kita ini dan juga mencemerlangkan ke arah masa-masa depan yang lebih baik.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas.

4.27 ptg.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas):** Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk pertamanya dahulu muka surat 175, Maksud B.35, Butiran 020000—Keselamatan dan 020200—Ketenteraman Awam dan Kcsolamatan.

Tuan Pengerusi, kita sedar bahawa Belanja Mengurus bagi Kementerian Dalam Negeri terutamanya untuk keselamatan adalah dikurangkan bagi tahun 1987. Walaupun perbelanjaan mengurusnya bagi keselamatan dan ketenteraman awam ini dikurangkan kita merasa bangga dan kita merasa berbesar hati melihat prestasi pegawai-pegawai Polis, pegawai-pegawai keselamatan yang bertugas bagi mengawal ketenteraman awam dan kestabilan politik negara kita boleh dikatakan sejak kita mencapai kemerdekaan sehingga ke abad ini boleh dikatakan amat cemerlang.

Kita sedar bahawa dengan kekurangan Belanja Mengurus ini tidak akan menjejaskan kewibawaan dan prestasi peranan pegawai-pegawai polis dan pihak-pihak keselamatan untuk menjalankan peranan mereka dengan lebih tegas dan berani lagi untuk menjamin kestabilan politik negara. Kita sedar bahawa ancaman dalam negara kita yang dapat kita takrifkan sekarang ini antara lain

pertama ialah kegiatan komunis, kedua ialah kemungkinan berlakunya sengketa perkauman, kalau masalah perkauman tidak dibendung dengan setegas mungkin; ketiga, pelampau agama; dan keempat, keganasan jenayah.

Perkara-perkara ini telah memberi cabaran kepada keselamatan dan ketenteraman negara kita. Maka sebab itulah kita percaya prestasi kewibawaan pegawai-pegawai polis dan keselamatan negara kita bukan sahaja boleh dipertahankan kepada tahap yang ada sekarang ini tetapi dipertingkatkan lagi bagi menjamin keempat-empat ancaman yang saya kira tadi boleh memberi kerosakan kepada negara kalau ianya dibiarkan begitu sahaja.

Tuan Pengerusi, sekarang kita lihat ancaman luar dan kehairahan Soviet Union melalui bonekanya Vietnam yang menakluki, kemudian pula Kampuchea dan pula Kuasa Barat yang tidak sunyi juga ingin melebarkan pengaruh mereka di kawasan Asia dan Pacific seperti lawatan Presiden Israel, Chaim Herzog ke Singapura baru-baru ini dan kita lihat pula masalah perjuangan bertindih kawasan perairan antarabangsa yang semua ini menambahkan ancaman keselamatan negara kita. Maka sudah barang tentu Kuasa-kuasa Besar akan bertindak, akan mengambil kesempatan jika keadaan keselamatan dalam negara kita tidak dikawal dengan rapi, dengan penuh tegas dan penuh berani.

Maka sebab itulah, Tuan Pengerusi, kita perlu yakin kepada pegawai-pegawai polis dan pegawai-pegawai keselamatan kita bukan sahaja kita harap bertindak dengan lebih tegas dan lebih berani tetapi masalah-masalah mengawal daripada berlakunya sengketa perkauman mestilah dijalankan dengan tanpa takut ansur lagi.

Sebab itulah kita ingin menyarankan undang-undang yang kita ada sama ada ISA, Akta Hasutan ataupun Akta 153 yang sentiasa dan sudah ada sedikit sebanyak dicabuli melalui perbahasan-perbahasan di luar, yang kita bimbang takut mencetuskan masalah perkauman ini, dibendung dengan secepat mungkin. Ertinya, perlaksanaan ISA dan juga Akta Hasutan harus diberikan keutamaan dengan serius mulai sekarang. Ini tidaklah bererti kita mencadangkan supaya ISA ataupun Akta Hasutan itu ditadbir, dilaksanakan dengan sewenang-wenangnya, tetapi Akta ISA, Akta Hasutan tidak akan bererti, tidak akan berfungsi kalau kita lihat ada golongan-golongan yang seterusnya dan sentiasa mencabar kedaulatan dan keluruhan undang-undang negara kita.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya ingin menyentuh Maksud P.36, muka surat 180-182 mengenai dengan butiran 00100 Ibu Pejabat Polis, 00900 Polis Simpanan Persekutuan, 01100 Unit Pencegah Penyeludupan, 012000 Pusat Tahanan, sekaligus dan serentak.

Mengenai dengan Ibu Pejabat Polis, saya ingin bertanya kepada Kementerian berkenaan kenapakah pembinaan Balai Polis yang baru di Kelantan boleh dikatakan sekarang ini masih lagi tidak berjalan dengan lancar dan lambat disiapkan? Saya harap usaha-usaha membina Ibu Pejabat Polis Negeri Kelantan itu haraplah keutamaan dengan secepat mungkin memandangkan keperluan di negeri Kelantan.

Perkara yang kedua, bersabit dengan Polis Simpanan Persekutuan, saya kira ada hubung kaitnya dengan keselamatan keadaan negara kita sekarang ini, maka sudah sewajarnya Polis Simpanan Persekutuan ini dipertingkatkan, diperbesarkan lagi supaya peranan mereka itu boleh mengawal keadaan

keselamatan negara yang kita harap, memandangkan keadaan-keadaan muntaakhir yang kita lihat berlaku di kawasan Asiadan Pasifik sekarang ini.

Tuan Pengerusi, di samping itu juga saya ingin menyentuh soat Unit Pencegah Penyeludupan. Ini salah satu daripada unit yang paling penting, yang ada hubung kaitnya juga dengan masalah keselamatan. Kita lihat masalah pencerobohan ataupun masalah penyeludupan bukan sahaja melalui perairan kita tetapi juga melalui jalan-jalan masuk ke negara kita. Buat masa sekarang ini seharusnya menjadi prioriti ataupun keutamaan.

Saya ingin menarik perhatian seperti mencegah penyeludupan di kawasan utara dan pantai timur negara kita. Kalau di kawasan utara kita lihat banyak juga import-import yang dibawa masuk termasuk ikan, termasuk lain-lain barang melalui Bukit Kayu Hitam, manakala usaha-usaha untuk memastikan tidak berlakunya penyeludupan dengan tenaga yang ada, saya kira tidak mencukupi.

Cuba bayangkan kalau sebuah lori yang dibawa masuk sekarang ini, permit untuk import ikan tidak dikenakan, satu lori yang kita dapati terdapat berpuluh tong ikan mengambil masa 6 jam kalau hendak diperiksa satu persatu, tetapi sekarang ini kita dapati walaupun keadaan ini dapat dikawal, kita bimbang dengan masalah dadah, ganja, morfin yang menjadi musuh negara sekarang ini. Malahan kita bimbang juga ada gerakan-gerakan bawah tanah yang boleh mengancam keselamatan negara kita dengan memasukkan senjata-senjata yang merbahaya.....

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Satu minit lagi, Ahli Yang Berhormat.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Pengerusi, buat akhir, satu minit lagi mengenai Pusat Tahanan. Ini Pusat Tahanan—saya pernah masuk dahulu selama dua tahun pada 1974 dan dibebaskan pada 1976, saya pun sudah lupa, Tuan Pengerusi. Sebenarnya Pusat Tahanan ini keadaannya banyak orang tak tahu, kalau orang tahu Pusat Tahanan di Malaysia, termasuk pihak Pembangkang, saya rasa ramai orang hendak masuk. Sebab saya kira Pusat Tahanan di Malaysia ini amat istimewa.

**Tuan P. Patto:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat, ada yang bangun, bagi jalan atau tidak.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Ada satu minit tak usah kacaulah, kita cakap di luar nanti, saya boleh bagi penjelasan.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Sila duduk, Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Pusat Tahanan yang saya maksudkan, Tuan Pengerusi, saya pernah berada di dalamnya dan saya dapati layanan-layanan begitu baik sehingga ada di setengah-setengah tahanan komunis, pro-komunis dan pro-pro komunis mengambil kesempatan untuk mengada-ngada dalam pusat tahanan seperti perbelanjaan, kemudahan yang disediakan sebagaimana contohnya, saya pernah lihat kalau diberi satu tin Planta Margarine untuk dimakan untuk beberapa hari, tetapi kerana angkuh, makanan itu digunakan untuk satu pagi sarapan, kemudian dibating untuk mendapat bekalan-bekalan baru. Saya kira sistem dan cara kita melaksanakan pusat tahanan itu mesti dengan lebih tegas lagi. Ertinya, kalau tahanan komunis, tahanan-tahanan komunis pro komunis dan pro-pro komunis yang terlibat dengan kejadian seperti

itu hendaklah dilayan sebagaimana kegiatan mereka dibuat di luar daripada tahanan. Itulah sahaja, Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat dari Ipoh.

4.36 ptg.

**Tuan P. Patto (Ipoh):** Tuan Pengerusi, saya menyentuh mukasurat 182 Maksud B.37—Butiran 010000 dan 020000—Emolomen di bawah kod Aktiviti Kawalan/Keselamatan dan Penguatkuasaan.

Tuan Pengerusi, tujuan perbelanjaan bagi butiran ini adalah untuk melaksanakan kawalan pergerakan keluar masuk rakyat Malaysia dan juga warganegara asing ke negara ini. Mengikut Buku Program dan Prestasi, mukasurat 258, angka-angka yang diberi oleh pihak Kementerian, Pejabat Imigresen telah pun mengeluarkan Passport Malaysia baru, Passport Malaysia Terhad dan juga membuat pembaharuan Passport Malaysia dan juga Passport Malaysia Terhad bagi rakyat Malaysia yang berjumlah lebih setengah juta yang dikeluarkan dalam tahun 1985 dan juga dalam tahun 1986 dianggarkan lebih 600,000.

Mengikut apa yang dinyatakan dalam Buku Program dan Prestasi, Tuan Pengerusi, rakyat Malaysia dibenarkan untuk ke luar Malaysia untuk membuat lawatan ke negara-negara dunia dan kebanyakan negara dunia itu adalah negara-negara yang dibenarkan untuk dilawati oleh rakyat Malaysia, kecuali beberapa kerat negara termasuk Republik Rakyat China dan Afrika Selatan dan juga beberapa negara lain seperti Albania, Vietnam dan lain-lain.

Pada satu ketika dahulu Soviet Union juga dimasukkan ke dalam senarai negara-negara di mana rakyat

Malaysia yang memegang passport Malaysia tidak dibenarkan untuk membuat lawatan, tetapi pengharaman itu telah pun ditarik balik beberapa tahun kebelakangan ini. Saya ingin mendapat tahu daripada pihak Kementerian Dalam Negeri, apakah kriteria atau asas untuk menentukan negara mana yang boleh dilawati dan negara mana yang tidak boleh di lawati.

Kalau Afrika Selatan, saya memang memahami, oleh kerana dasar Apartheid, tetapi dalam ini juga kita dapati bahawa pihak Kementerian dalam Negeri membenarkan rakyat daripada Afrika Selatan yang memegang passport Afrika Selatan untuk melawat Malaysia dengan alasan mereka itu sudah menunjukkan mereka itu anti-Apartheid dari Afrika Selatan atau di luar Afrika Selatan.

Saya ingin mendapat tahu bagaimanakah dengan rakyat Afrika Selatan yang juga memegang passport British, yang mungkin tidak diketahui sama ada mereka itu anti-Apartheid atau pro-Apartheid dan dibenarkan untuk memasuki ke Malaysia. Bagaimanakah Kementerian Dalam Negeri itu boleh menentukan?

Yang ketiga, bagaimanakah dengan kegiatan syarikat-syarikat yang dikuasai oleh rakyat Afrika Selatan seperti dalam kes Rothmans Malaysia, Walaupun ia tidak dalam kawalan Kementerian Dalam Negeri tetapi, ia adalah bersangkutan paut dengan keselamatan oleh kerana mereka cuba untuk meresap ke dalam ekonomi negara ini melalui secara memegang saham dalam syarikat-syarikat di dalam negara ini. Itulah saya minta bagaimanakah pengawasan pihak Kementerian Dalam Negeri dalam kegiatan syarikat-syarikat yang mempunyai pegangan saham oleh rakyat Afrika Selatan seperti dalam kes Rothmans Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin mendapat tahu daripada pihak Kementerian Dalam Negeri iaitu sebab-sebab pengharaman bagi setiap negara yang dicatatkan dalam Passport Malaysia kita, oleh kerana saya dapati setiap, mungkin dalam tempoh 5-6 tahun, kita dapati bahawa makin lama, makin kurang negara-negara yang dibenarkan untuk rakyat Malaysia melawati. Saya ingin mendapat tahu bagaimanakah ia ditentukan, yang mana satu boleh dilawati, yang mana tidak boleh dilawati dan mengapa satu negeri yang diharamkan dahulu, kemudian dibebaskan daripada pengharaman itu?

Di dalam konteks ini juga saya ingin menyentuh tentang jawapan yang diberikan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri semalam, dalam Dewan yang mulia ini juga, mengenai lawatan sosial bagi rakyat Malaysia keturunan Tionghua ke Republik Rakyat China.

Mengikut Timbalan Menteri dalam jawapannya, cuma mereka yang berusia 60 tahun ke atas yang dibenarkan untuk membuat lawatan-lawatan sosial ke Republik Rakyat China dan mereka yang layak untuk disenaraikan dalam senarai ini adalah mereka yang menjadi rakyat Malaysia keturunan Tionghua. Saya hairan oleh kerana kalaulah kita melihat dengan alasan yang diberikan kepada satu jawapan ketika dahulu oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri, salah satu daripada sebab mengapa kebebasan untuk melawat Republik Rakyat China tidak diberikan kepada warganegara Malaysia yang memegang pasport Malaysia ialah kerana parti yang memerintah di Republik Rakyat China iaitu Parti Komunis China masih enggan menarik balik sokongannya terhadap Parti Komunis Malaya. Saya ingin mendapat tahu sama ada pihak Kementerian pernah membincangkan tentang perkara ini dan mendapat satu

keputusan oleh kerana apabila kita membandingkan dengan Soviet Union, saya ingin dapat tahu sama ada Soviet Union pernah memberitahu kepada Kementerian Dalam Negeri bahawa ia tidak memberi sebarang sokongan kepada sesiapa pun yang mempunyai ataupun yang memperjuangkan ideologi komunisme pro-Soviet Union. Saya ingin mendapat tahu. Kalaulah rakyat negara ini boleh buat lawatan ke Soviet Union yang juga menjadi negara komunis yang melaksanakan dasar-dasar komunis, mengapakah rakyat Malaysia ini tidak dibenarkan untuk membuat lawatan ke Republik Rakyat China.

Adakah pihak Kementerian Dalam Negeri membayangkan bahawa setiap orang yang diberi kebenaran untuk melawat Republik Rakyat China akan kembali menjadi komunis? Oleh kerana mengikut angka yang diberi oleh Timbalan Menteri sendiri 6,583 orang telah membuat lawatan kepada Republik Rakyat China dalam tahun 1985 dan saya kira, kalau saya silap, saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memperbetulkan saya, saya kira kesemua orang ini tidak menjadi komunis. Kalau ini benar, mengapakah pengharaman itu masih dilakukan?

Saya ingin mendapat satu jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai perkara ini. Kalaulah pihak Kementerian masih mengatakan bahawa ia tidak boleh menimbangkan untuk menarik balik pengharaman yang dikenakan ke atas rakyat Malaysia tanpa mengira keturunan untuk membuat lawatan sosial ke Republik Rakyat China, maka saya memintalah supaya pada masa akan datang untuk memberi perhatian dalam lapangan ini supaya kelonggaran diberi dan untuk sementara waktu sebagai satu tanda yang baik daripada pihak Kementerian Dalam Negeri, saya menyeru supaya had 60 tahun umurnya yang dikenakan ke

atas rakyat Malaysia keturunan Cina, yang ingin membuat lawatan sosial ke Republik Rakyat China diturunkan kepada 45 tahun. Oleh kerana sepertimana dimaklumkan dalam satu soalan tambahan semalam oleh rakan saya dari Rasah, mereka yang berusia 60 tahun ke atas walaupun dibenarkan membuat lawatan sosial, mungkin sudah begitu tua untuk membuat lawatan ke negara yang begitu besar dan luas dan juga mungkin terdapat mereka yang membuat lawatan di tengah perjalanan itu uzur dan tidak dapat membuat lawatan sosial yang sempurna.

Oleh yang demikian, saya menyeru supaya di diturunkan kepada 45 tahun umurnya untuk membenarkan rakyat Malaysia keturunan Tionghua untuk membuat lawatan ke Republik Rakyat China secara sosial dan juga dalam perkara ini haruslah Kerajaan menimbangkan bahawa kita telah pun mengadakan perhubungan diplomatik dengan Republik Rakyat China selama 12 tahun. Saya kira perhubungan diplomatik selama 12 tahun ini agak lama untuk kita menimbangkan membenarkan semua rakyat Malaysia untuk membuat lawatan ke Republik Rakyat China. Kalau ini tidak dapat dibuat dengan segera, sekurang-kurangnya sepertimana saya sarankan, mereka yang ingin melawat ke Republik Rakyat China, rakyat Malaysia keturunan Cina janganlah dikenakan had umur 60 tahun, tetapi had umur 45 tahun.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Satu minit lagi Yang Berhormat.

**Tuan P. Patto:** Satu minit lagi, Tuan Pengerusi.

Saya ingin juga menyentuh tentang satu kes, iaitu B.36, Butiran 030000 dan Aktiviti 030200, muka surat 179 di mana terdapat di Bandar Bukit Mertajam seorang muhd dahpada

Sekolah Tinggi Bukit Mertajam atau Bukit Mertajam High School, murid itu bernama Ang Ban Teik, berumur 13 tahun, belajar dalam Tingkatan Pertama, telah dipukul dengan rotan dalam satu, dengan izin, Snooker Centre, di Bukit Tengah dan ini berlaku pada 11hb November dan satu aduan telah dibuat kepada Polis.

Saya ingin mendapat tahu bagaimanakah siasatan yang dibuat oleh pihak Polis terhadap aduan itu? Saya ingin mendapat jaminan daripada Timbalan Menteri bahawa Pegawai Polis atau pihak Polis yang terlibat dalam keganasan ini boleh dibawa ke Mahkamah ataupun sekurang-kurangnya di hadapkan ke Mahkamah untuk menjawab ke atas kelakuannya, iaitu memukul seorang murid yang berusia cuma .13 tahun dengan rotan di khalayak ramai. Sekian, terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Kota Setar.

4.47 ptg.

**Dr Abdul Hadi bin Derani (Kota Setar):** Saya ingin mengikut serta perbincangan maksud Bekalan B.36, di bawah tajuk Polis Diraja Malaysia.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Muka surat dulu Yang Berhormat.

**Dr Abdul Hadi bin Derani:** Muka surat 178 dan 179, butiran 020600 di bawah tajuk Merin, peruntukan sebanyak \$56,937,500 muka surat 178 dan Butiran 020600 di bawah tajuk Unit Udara, peruntukan sebanyak \$3,900,520 di muka surat 179.

Tuan Pengerusi, memandangkan sering berlakunya rompakan dan pencabulan di perairan nasional kita oleh warganegara-warganegara asing sejak akhir-akhir ini, saya mencadangkan supaya Pihak Polis Diraja Malaysia, khususnya

Cawangan Merin dan Udara mempertingkatkan rondaan mereka di kawasan-kawasan berkenaan. Saya percaya dengan peruntukan sebanyak \$56,937,500 untuk Bekalan Logistik Polis Merin bagi tahun 1987, pasukan ini akan mempunyai kewibawaan yang bertambah untuk menjalankan tugas-tugasnya. Oleh itu, bot-bot peronda Potis Merin hendaklah memperbanyakkan lagi jadual rondaannya di perairan pantai negara ini, terutama sekali di perairan yang bersempadan dengan negara Thai dan Filipina. Mungkin dengan kehadiran bot-bot merin kita, pihak-pihak asing yang selama ini menceroboh perairan nasional kita akan lebih berhati-hati apabila mereka melakukan kesalahan tersebut.

Kita tidak mahu melihat nelayan-nelayan asing atau lanun-lanun sentiasa melakukan pencerobohan dan keganasan terhadap nelayan-nelayan negara ini di perairan kita sendiri. Oleh itu, pihak Polis Merin mestilah bersikap lebih tegas terhadap penceroboh-penceroboh di perairan kita. Sekiranya berlakunya tentangan daripada pihak asing, terutamanya dari golongan yang merompak di laut, maka anggota-anggota Polis Merin mestilah menggunakan kuasa dan kekuatan mereka untuk mengamankan pihak yang melawan. Kita sudah lama bersikap lembut dan bertimbang rasa terhadap pencerobohan dari orang-orang asing dan akibatnya ialah bertambahnya kejadian rompakan dan pembunuhan terhadap warganegara-warganegara kita. Jadi, sudah sampai masanya untuk kita mengambil pendirian tegas.

Tuan Pengerusi, pihak Polis Merin dengan bantuan Unit Udara Polis harus juga mengawasi bot-bot nelayan besar daripada negara-negara luar seperti Taiwan dan Jepun yang sentiasa mengambil kesempatan menangkap ikan di perairan nasional dan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE)

Malaysia. Sekiranya kemampuan Pasukan Merin dan Unit Udara Polis tidak mencukupi, maka bantuan dari Tentera Laut dan Tentera Udara kita harus didapati. Yang penting ialah supaya bot-bot besar asing tidak bermaharajalela di perairan dan lautan kita. Tindakan keras mesti dikenakan kepada semua penceroboh.

Beralih kepada Butiran 030100 di bawah tajuk Anti Dadah dengan peruntukan \$17,102,700 bagi tahun 1987, di muka surat 179. Tuan Pengerusi, walaupun kita memuji operasi-operasi Polis telah berjaya mematahkan beberapa sindiket sendiket dadah di negara ini dari masa ke semasa, nampaknya operasi-operasi ini belum lagi dapat melumpuhkan kegiatan pengedaran dadah keseluruhannya. Yang tertangkap biasanya pengedar-pengedar kecil yang tidak begitu handal dalam aktiviti edaran mereka dan yang juga tidak mendapat keuntungan besar daripadanya. Pengedar-pengedar besar ataupun "King Pin", dengan izin, yang untung ber juta-juta ringgit jarang-jarang tertangkap. Mungkin operasi pengedar besar atau "King Pin" dadah ini lebih "sophisticated", dengan izin, daripada gerakan Polis untuk mengesan mereka. Mungkin juga peruntukan undang-undang sekarang masih belum mencukupi untuk memerangkap King Pin-King Pin dadah ini. Namun begitu, pihak Polis harus mempergiatkan lagi usaha-usaha mereka supaya kepala-kepala pengedar dadah ini akan tertangkap dan dihukum.

Tuan Pengerusi, beralih pula kepada Butiran 040000 Risikan Keselamatan dan Butiran 040100 Cawangan Khas dengan peruntukan sejumlah \$77,246,900 di muka surat 179. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Cawangan Khas yang bertanggungjawab terhadap Risikan

Keselamatan memandangkan keadaan yang pada keseluruhannya agak aman di negara ini. Namun begitu, ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa kesejahteraan negara kita boleh terjejas sekiranya beberapa ancaman tidak diawasi. Di antara ancaman tersebut ialah ancaman polarisasi kaum. Kalau dilihat daripada ucapan golongan ekstremis dalam negara di akhir-akhir ini, kita rasa agak bimbang kalau-kalau ucapan dan tindakan golongan pihak yang tidak bertanggungjawab akan mencetuskan polarisasi kaum yang lebih meluas. Sekiranya trend polarisasi ini tidak dibendung oleh pihak yang berkuasa, maka ianya boleh mengakibatkan konflik perkauman. Mungkin konflik itu akan menimbulkan huru-hara di seluruh negara dan mengancam keselamatan semua rakyat.

Untuk mengelakkan konflik perkauman di negara ini, maka dicadangkan supaya Cawangan Khas menumpukan perhatiannya terhadap perkembangan-perkembangan yang tidak sihat di negara ini, khususnya golongan ekstremis. Segala aktiviti ekstremis di negara ini perlu diketahui oleh Kerajaan supaya langkah-langkah sewajarnya boleh diambil sebelum sesuatu keadaan yang tidak diinginkan berlaku. Kita tidak mahu melihat kesejahteraan negara terjejas sekali lagi seperti yang berlaku pada 13 Mei 1969 dahulu.

Saya juga mencadangkan supaya Cawangan Khas mengambil perhatian yang lebih serius terhadap aktiviti-aktiviti golongan zionis di negara ini. Akhir-akhir ini aktiviti zionis nampaknya mula bertapak melalui berbagai-bagai cara. Pihak zionis telah juga menggunakan anasir-anasir tertentu yang semanganya tidak mahu melihat negara ini aman. Nampaknya juga pihak zionis tidak dapat memutarbelitkan isu-isu di dalam negara hingga banyak golongan

masyarakat percaya kepada mereka. Mungkin hasil daripada kejayaan ini pihak zionis telah bukan sahaja dapat mempengaruhi sebilangan rakyat di Malaysia, tetapi juga telah dapat memikat hati Lee Kuan Yew, Perdana Menteri Singapura sehingga Kerajaannya sanggup mengundang Chaim Herzog, Presiden Zionis Israel membuat lawatan rasmi ke negara itu pada 18hb November 1986 yang lalu. Kita tidak mahu melihat negara ini menjadi mangsa atau alat zionis. Kita juga tidak mahu pihak zionis memutarbelitkan isu dan keadaan sebenar negara kita. Oleh itu, kita menentukan supaya pihak zionis tidak boleh bergerak di negara ini. Dalam hal ini pihak yang bertanggungjawab di atas risiko keselamatan, iaitu Cawangan Khas haruslah mengawasi aktiviti-aktiviti yang tidak diingini dan mengambil tindakan untuk menghapuskannya sama sekali.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Satu minit lagi Yang Berhormat.

**Dr Abdul Hadi bin Derani:** Sekian, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Terima kasih. Yang Berhormat Menteri, sila jawab dan saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri kurangkan masa kita, sejauh mana mungkin ringkaskan.

4.58 ptg,

**Dato' Megat Junild bin Megat Ayob:** Tuan Pengerusi, saya kalau boleh hendak cukup ringkas, tetapi oleh kerana banyak yang bercakap, kalau tak jawab, tak berapa baik.

Tuan Pengerusi, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri sukacita saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan dan teguran masing-masing ke atas Perbelanjaan

Mengurus dan Perbelanjaan Pembangunan Kementerian Dalam Negeri. Di antara perkara-perkara yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu, iaitu yang mengenai hal-hal keselamatan ketenteraman negara, berhubungan dengan perkara-perkara yang bersangkutan-paut dengan Jabatan Polis, Imigresen, Pendaftaran, Penjara dan juga dadah telah diambil perhatian. Tetapi kebanyakan daripada perkara-perkara yang disentuh itu telah juga dibangkitkan dalam masa Soal-Jawab dan telah dijawab. Bagaimanapun, saya ingin menyentuh beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam ucapan tadi.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Wakil dari Tanah Merah yang telah pun bercakap tentang penyeludupan di sempadan, tetapi inginlah saya nyatakan bahawa UPP yang menjaga hal ehwal penyeludupan ini bukan hanya di tangan pihak Polis, tetapi melibatkan Jabatan-jabatan lain seperti Jabatan Kastam dan lain-lainnya yang mana Urusetianya adalah di bawah Jabatan Keselamatan Negeri (JKN), bagaimanapun perkara ini akan diambil perhatian.

Masalah buruh yang ramai datang daripada Thailand dan juga pendatang-pendatang haram yang ditakuti bukan sahaja membawa gadis-gadis yang cantik ke bandar-bandar, tetapi juga membawa benda-benda lain seperti dadah dan sebagainya, Kementerian Dalam Negeri sentiasa dah masa ke semasa cuba untuk mempertingkatkan pengawasan perkara ini supaya tidak ada perkara-perkara yang tidak baik berlaku.

Bercakap tentang dadah yang telah banyak diperkatakan bukan sahaja oleh Wakil dari Tanah Merah, tetapi juga Wakil dari Marang, Wakil dari Pasir Mas, Wakil dari Kota Setar dan saya sungguh berbangga kerana semuanya menganggap bahawa dadah

merupakan masalah negara. Kementerian Dalam Negeri memang sentiasa melipatgandakan gerakan untuk membanteras gerakan penyeiudupan dadah terutama di kawasan-kawasan sempadan.

Berkenaan dengan pemulihan, selain daripada pusat-pusat pemulihan yang dibiayai oleh Kementerian Dalam Negeri, yang ditadbirkan oleh Kementerian Dalam Negeri, kita juga mengadakan perkhidmatan luar untuk penagih-penagih dadah yang tamat latihan di pusat-pusat pemulihan dan juga Kerajaan sedang merancang untuk mengadakan pusat-pusat latihan lanjutan bagi penagih-penagih dadah ini kerana kita tahu bahawa ramai daripada penagih-penagih dadah ini setelah keluar daripada pusat-pusat pemulihan kembali kepada kerja-kerja asal mereka; dengan sebab itu difikirkan perlu bahawa pusat-pusat latihan lanjutan mesti diwujudkan agar penagih-penagih yang keluar daripada pusat-pusat latihan ini dapat kita jaga, dapat kita memberikan mereka perkhidmatan, dapat kita memberikan mereka peluang kerja, dapat kita membawa mereka kepada rakyat yang lebih berguna, bukan merupakan golongan rakyat yang negatif semasa mereka menjadi penagih-penagih dadah. Tetapi dalam hal ini masyarakat mestilah bekerjasama dengan Kerajaan, bukan hanya diserahkan kepada Kerajaan dan PEMADAM, tetapi seluruh tenaga rakyat di negara ini, badan-badan, pertubuhan-pertubuhan, walau pertubuhan politik, agama, sosial, belia dan juga diri-diri perseorangan, harus mengembelingkan tenaga agar penagih-penagih dadah ini dapat kita pulihkan semula dan mereka kembali menjadi rakyat yang berguna dan dari itu masalah dadah ini tentulah dapat kita perangi.

Yang Berhormat dari Tanah Merah juga telah bercakap tentang masalah Orang Asli. Saya sedar dan

Kementerian Dalam Negeri sedar bahawa Orang-orang Asli adalah merupakan rakyat yang lemah, rakyat yang minoriti, rakyat yang ketinggalan dari serba-serbi, adalah tugas kita semua untuk menentukan bahawa Orang-orang Asli juga akan menjadi rakyat yang boleh duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan rakyat-rakyat lain di negara ini dan masalah ini akan dititikberatkan dan akan dipertingkatkan. Tentang masalah Orang Asli di Jeli itu, saya akan mengambil perhatian.

Yang Berhormat Wakil Rakyat dari Marang juga telah bercakap tentang dadah dan saya telah pun bercakap tadi tentang dadah dan beliau sendiri telah mengutarakan iaitu eloklah pusat rawatan yang bersepadu diadakan. Ini satu cadangan yang baik dan akan diperbincangkan.

Masalah ibubapa juga harus membayar jikalau sekiranya anak-anak mereka dihantar ke pusat-pusat pemulihan, ini juga satu cadangan yang baik kerana pada hari ini untuk tiap-tiap penagih dadah Kerajaan terpaksa membelanjakan \$300 seorang satu bulan. Kalaupun ibubapa dapat sama-sama menolong membiayai anak-anak mereka yang terpaksa dihantar ke pusat-pusat pemulihan, bermakna lebih ramai lagi penagih-penagih dadah kita dipulihkan. Diharapkan perkara ini akan juga dikaji dengan teliti oleh Kementerian Dalam Negeri.

Bercakap tentang pindaan Akta Imigresen, pihak Kementerian Dalam Negeri akan mengkaji Akta ini dengan teliti agar peristiwa yang telah diceritakan oleh Yang Berhormat dari Marang itu tidak berulang lagi. Diharap Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian yang ada di Dewan ini dapat memberi restu dan menyokong apabila pindaan Akta Imigresen dibincangkan di Dewan yang mulia ini pada suatu hari kelak.

Wakil Rakyat dari Pasir Mas pula telah mengatakan bahawa mengikut pengalaman beliau bahawa pusat-pusat tahanan di negara ini terlalu elok, cantik dan memuaskan. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana perbelanjaan untuk membiayai pusat-pusat ini terlalu banyak. Kalau semualah Wakil-wakil Rakyat menyokong agar jangan terlalu elok, jangan terlalu baik pusat-pusat ini, ini akan mengurangkan perbelanjaan Kementerian Dalam Negeri dan memang sambutan akan diberi secara istimewa oleh Kementerian Dalam Negeri mengenai syor ini. Tetapi saya harap apabila perkara ini diambil tindakan, jangan pula ada Wakil-wakil Rakyat bangun menghentam bahawa pusat-pusat tahanan ini tak elok pula.

Wakil Rakyat dari Pasir Mas juga telah meminta supaya Kementerian Dalam Negeri akan menggunakan segala pengalaman dan kepintaran Pasukan Polis kita untuk menjaga keselamatan negara terutama dari anasir-anasir luar yang cuba mengancam kedamaian negara kita yang telah kita bina selama 30 tahun ini. Perkara ini akan diambil perhatian dan inilah yang telah dilakukan oleh Pasukan Polis kita sepertimana juga yang telah diutarakan oleh Wakil Rakyat dari Kota Setar tadi. Berilah kepercayaan kepada Pasukan Polis kita terutama Cawangan Khas, mereka akan mengawasi dengan teliti setiap masa akan gerak-geri bukan sahaja daripada anasir-anasir luar, tetapi juga petualang-petualang yang ada di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati sedikit tentang Wakil Rakyat dari Ipoh yang mengatakan bahawa kita tidak boleh melawat negeri China. Yang sebenarnya dua buah negara sahaja yang tidak boleh dilawati oleh rakyat negara kita iaitu pertama, Israel; yang kedua ialah Afrika Selatan. Negara lain dalam dunia ini semua boleh kita lawati tetapi mengikut syarat-syarat yang tertentu.

**Tuan Hu Sepang:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, ada yang bangun. Yang Berhormat dari Rasah.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Sila, saya pun banyak masa.

**Tuan Hu Sepang:** Tuan Pengerusi, minta penjelasan. Dalam ucapan gulungan Yang Berhormat Timbalan Menteri itu mengatakan rakyat Malaysia boleh melawat seluruh dunia kecuali dua negara sahaja iaitu Afrika Selatan dan Israel. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu mengapa di dalam Pasport Malaysia yang kita pegang ada dicatatkan bahawa Pasport Malaysia tidak boleh digunakan untuk negeri-negeri lain seperti Vietnam, Republik Rakyat China dan Albania?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Pengerusi, itu masalah lain, itu masalah pasport yang ada dicop. Ini masalahnya boleh, tak boleh rakyat Malaysia pergi ke negeri-negeri ini. Jawabnya boteh (*Tepuk*). Yang tak boleh, Afrika Selatan dan Israel. Tetapi dia mempunyai syarat-syarat yang tertentu. Tak boleh dia lari ke luar, naik kapal terbang; itu tak boleh kerana tiap-tiap negara mempunyai undang-undang masing-masing. Saya telah menyatakan mengapa kita beri kepada rakyat Afrika yang datang ke sini, kerana mereka kita ketahui anti-apartheid. Kalau kita takberi orang yang anti-apartheid, bermakna kita itu menyokong apartheid. Ini kontra dengan konsep kita sendiri.

Saya hairan Wakil dari Ipoh juga telah membanding tentang kebenaran untuk ke Soviet Union dan ke negeri China. Perkara ini saya ingat tidak timbul, sungguhpun Soviet Union itu kebenarannya lebih awal, tetapi kalau kita lihat tiap-tiap tahun rakyat Malaysia yang melawat ke negeri

China adalah lebih ramai daripada melawat ke Soviet Union. Kita ada statistik. Jadi, apa yang dibising-bisingkan. Seperti tahun 1986 belum habis, sudah 9,000. Jadi, perkara ini saya ingat tak usahlah kita besar-besarkan kerana saya fikir.....

**Dr Eng Seng Chai:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran);** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Dr Eng Seng Chai:** Minta penjelasan. Barangkali Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak sedar datam negara kita adalah satu kaum yang besar juga iaitu kaum orang Cina, orang Tionghua, mereka ini semua ada saudara-saudara, barangkali ada berkaitan dengan lain-lain keluarga di negara RRC? Itulah sebabnya meningkat tiap-tiap tahun jumlah yang pergi melawat ke negara itu. Tetapi adakah kita satu kaum yang ada perhubungan dengan orang-orang Soviet? Itulah sebabnya kurang jumlah mereka yang melawat ke Soviet Union. Sedarkah perbezaan itu Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Terima kasih. Tuan Pengerusi, saya sedar, tetapi Yang Berhormat sedarkah bahawa sungguhpun kita telah mengadakan diplomatic relations, dengan izin, dengan negara China 12 tahun, mengapakah masih ada lagi perbezaan? Tetapi sedarkah bahawa 18 tahun kita terpaksa menghadapi darurat, berperang dengan Parti Komunis Malaya yang disokong oleh Parti Komunis China? Bas dibakar, rumah dibakar, sedarkah? Mahukah peristiwa itu berlaku lagi? Itu sebabnya Kementerian Dalam Negeri peka dengan keadaan ini agar perkara ini tidak berulang lagi. Saya harap Yang Berhormat sedar. Itu sebabnya kita terpaksa peka dan sensitif dalam hal ini. Jadi supaya tindakan kita jangan terburu-buru.....

**Dr Eng Seng Chai:** (*Bangun*)

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Sila.

**Dr Eng Seng Chai:** Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri menuduh mereka yang melawat negara RRC akan menjadi agen komunis? Mengapa dia kata negara RRC sokong Parti Komunis Malaya, apakah kaitannya dengan sesiapa yang melawat negara RRC?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Pengerusi, adakah saya kata? Saya tidak kata. Saya minta maaf, Tuan Pengerusi, please don't put words into my mouth, dengan izin.

Mengenai masalah kes budak 13 tahun yang dipukul, ini juga pihak Kementerian Dalam Negeri akan menyiasat dan saya sendiri akan berhubung dengan pihak Polis. Apa yang dikatakan oleh Wakil dari Kota Setar tadi yang mana adalah juga serupa dengan Wakil-wakil lain, telah pun saya jawab.

Dengan sebab itu, oleh sebab Tuan Pengerusi minta supaya saya pendekkan, bagaimanapun syor dari Wakil Ipoh supaya diperturunkan 60 ke 45 ini akan diberi ingatan oleh Kementerian Dalam Negeri. Apabila sampai masanya kita akan kaji. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$63,615,500 untuk Maksud B.35; \$954,417,300 untuk Maksud B.36; \$40,379,200 untuk Maksud B.37; \$2,562,600 untuk Maksud B.38; \$35,273,700 untuk Maksud B.39; \$82,376,100 untuk Maksud B.40; \$23,590,400 untuk Maksud B.41; \$26,134,000 untuk Maksud B.42 dan \$2,351,000 untuk Maksud B.43 di bawah Kementerian Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$63,615,500 untuk Maksud B.35; \$954,417,300 untuk Maksud B.36; \$40,379,200 untuk Maksud B.37; \$2,562,600 untuk Maksud B.38; \$35,273,700 untuk Maksud B.39; \$82,376,100 untuk Maksud B.40; \$23,590,400 untuk Maksud B.41; \$26,134,000 untuk Maksud B.42 dan \$2,351,000 untuk Maksud B.43 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$12,294,020 yang disebutkan dalam Maksud P.35; \$245,016,050 untuk Maksud P.36; \$2,130,000 untuk Maksud P.37; \$5,000,000 untuk Maksud P.39; \$25,469,000 untuk Maksud P.40; \$4,032,000 untuk Maksud P.41 dan \$1,500,030 untuk Maksud P.42 dalam Anggaran Pembangunan 1987 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$12,294,020 untuk Maksud P.35; \$245,016,050 untuk Maksud P.36; \$2,130,000 untuk Maksud P.37; \$5,000,000 untuk Maksud P.39; \$25,469,000 untuk Maksud P.40; \$4,032,000 untuk Maksud P.41 dan \$1,500,030 untuk Maksud P.42 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 1987.

*Mckisitd 8.44 (Jadual) -  
\\htksiid P.44 (Anggaran Pem-  
bangunan 1987)—*

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.44 dan Kepala Pembangunan P.44 di bawah Kementerian Penerangan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kuantan.

*5.14ptg.*

**Tuan Adam bin Abdul Kadir (Kuantan):** Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat 197, Maksud B.44, Butiran 020000 di bawah Program.....

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Muka surat berapa, Yang Berhormat?

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** 197, Maksud B.44, butiran 020000 di bawah Program/Aktiviti Perkhidmatan Penyiaran.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan, Yang Berhormat.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Izinkan saya menyertai debat berkenaan dengan Kementerian Penerangan ini khasnya berkaitan dengan Jabatan Penyiaran, khasnya lagi berkaitan dengan Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Sebagaimana yang saya sedia ketahui, Perkhidmatan Penyiaran khasnya bertumpu kepada tiga perkara, iaitu, dengan izin, "to inform, to entertain and to educate", ataupun dalam Bahasa Melayu kalau boleh saya terjemahkan, ialah "untuk memberikan maklumat, untuk memberikan hiburan dan untuk memberikan pelajaran". Sebenarnya segala siaran-siaran Televisyen khasnya tidak lari daripada tiga faktor ini—faktor memberi hiburan, pelajaran dan juga untuk memberikan maklumat. Oleh itu, apa yang kita tonton di Televisyen itu tiap-tiap malam kita harus memberikan perhatian yang serius, harus memberikan pengamatan yang bersungguh-sungguh kerana kalau apa yang disiarkan itu tidak menepati tiga faktor itu dan tidak memberikan kepuasan yang setimpal terhadap khalayak ataupun "audience", tentu

sekali tujuan utama mengapa siaran-siaran dan rancangan yang disiarkan itu tidak sampai kepada maksud-maksud yang dikehendaki pada asalnya.

Tuan Pengerusi, saya ingin memperkatakan tentang perkara yang lebih spesifik iaitu tentang perkara yang kita boleh kategorisekan di bawah perkara untuk membekikan maklumat. Saya percaya dalam aktiviti memberikan maklumat ini, ianya termasuk rancangan-ancangan yang dipanggil, dengan izin, "talk-shows" ataupun rancangan-ancangan yang berkaitan dengan orang duduk di studio, bercakap, bersoal-jawab ataupun sebagainya, seperti rancangan Isu ataupun Hal Ehwal Semasa, kalau tidak salah saya. Yang menjadi persoalan ialah nilai ataupun mutu rancangan-ancangan seperti ini kerana apabila kita menghadapi ataupun kita menonton personaliti-personaliti ataupun orang-orang yang dipanggil ataupun dijemput sebagai tetamu dan apabila mereka ini berbual ataupun berdialog dengan "host" ataupun tuanrumah di dalam rancangan itu, kita kadang-kadang terasa seolah-olah, dengan izin, intelligence kita dicela, seolah-olah dipertidakkan kerana adanya soalan-soalan yang selalu terlalu biasa dan apabila soalan-soalan selalu terlalu biasa itu, tentu sekali jawapan-jawapannya juga sama ada terlalu biasa juga ataupun sudah ada sedia jawapan yang lebih awal lagi.

Oleh itu, sekiranya kecenderungan ini berleluasa daripada minggu ke minggu, tentu sekali saya rasa penonton akan berkurangan, tentu sekali timbul "stereo-type" bahawa sebelum rancangan itu dikeluarkan, kita sudah tahu apa yang hendak diperkatakan. Jadi sekiranya timbul resah, timbulnya masalah ataupun timbulnya rasa tidak puas hati bukan sahaja di pihak orang ramai, tetapi juga di pihak yang menerbitkan

rancangan-ancangan itu bahawa "audience"nya sudah berkurangan, maka sebab-sebabnya tentu sekali berakar umbi di dalam sebab-sebab yang telah saya gariskan tadi.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasu*)

Tuan Pengerusi, dalam perkara ini saya ingin mencadangkan supaya rancangan-ancangan "talk-shows" ini jangan selalu berupa propaganda sangat kerana walaupun RTM itu dianggap sebagai satu badan Kerajaan, kita harus memberikan satu imej yang agak bebas, yang agak independent supaya kita mendengar, kita mendengar sesuatu yang objektif, sesuatu yang membina dan tentu sekali orang akan memberikan reaksi yang sama-sama membina, yang sama-sama aktif terhadap apa yang diperkatakan di dalam rancangan-ancangan seperti itu. Maaf-maaf cakap, walaupun kebanyakan "talk-shows" seperti itu sangat-sangat diberi penekanan terhadap kehadiran sahabat-sahabat kita Yang Berhormat Menteri-menteri ataupun Timbalan-timbalan Menteri, tetapi kehadiran itu sendiri menimbulkan satu sikap bahawa apa yang hendak diperkatakan itu lentunya sudah mengambil satu jurusan yang telah diketahui umum, bukan sahaja menerusi rancangan itu tetapi di dalam siaran-siaran yang sebelumnya, baik menerusi media cetak ataupun media-media lain ataupun apa yang diperkatakan di dalam Dewan yang mulia ini dan juga di forum-forum yang lain.

Saya mencadangkan kita juga harus merancahkan sedikit mereka yang diberikan tempat di dalam rancangan-ancangan seperti itu, supaya apa-apa sahaja perutusan (message) yang hendak kita sampaikan, disampaikan dengan cara yang agak subtle, dengan cara yang tidak terlalu sangat berbau

tendentious ataupun yang terlalu cenderung kepada hakikat propaganda.

Tuan Pengerusi, ada lagi satu perkara iaitu tentang soal rancangan-rancangan hiburan. Bila sebut rancangan hiburan, tentu sekali bukan sahaja rancangan muzik, tetapi juga rancangan-rancangan yang berbentuk feature ataupun drama. Saya merasakan penapisan yang dikenakan terhadap satu-satu rancangan itu kadang-kadang agak ketat. Kita tidak tahu sejauh mana filem-filem jenayah itu akan mempengaruhi sikap orang-orang muda. Tidak pernah ada sesuatu kesimpulan yang betul-betul conclusive adanya hubungan secara langsung di antara filem-filem jenayah dengan kelakuan jenayah dalam kehidupan hari-hari. Oleh itu saya rasa, satu benefit of the doubt, dengan izin, harus diberikan apabila dilakukan penapisan terhadap filem-filem yang walaupun kelihatan berunsurkan jenayah, tetapi kalau ianya memberikan unsur-unsur hiburan yang tinggi yang boleh juga ditiru dari segi teknik persembahannya oleh kaum profesional filem, kaum profesional yang terlibat di dalam kerja-kerja video dan *audio-visual* di negara ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin berpindah pula kepada muka surat 198 iaitu B.44, Butiran 040000, di bawah Program/Aktiviti Perkhidmatan Filem Negara dengan peruntukan sebanyak \$6,476,900.

Tuan Pengerusi, tentang kegiatan Filem Negara ini, kita tidak begitu mendapat kesan sejauh mana kesannya yang boleh mewajarkan adanya Filem Negara itu. Tetapi kita hanya boleh dapat mengesani terhadap hasil yang dikeluarkan oleh Filem Negara, umpamanya filem-filem ataupun video yang disiarkan berkenaan dengan dadah, berkenaan dengan penggunaan elektrik, penggunaan air dan sebagainya.

Tetapi apabila kita memandangkan peruntukan lebih daripada \$6 juta ini, seolah-olah kita boleh membuat satu kesimpulan lain, iaitu bagaimana kalau wang sebanyak ini kita belanjakan sahaja kepada pihak swasta, badan-badan komunikasi, badan-badan perhubungan awam, badan-badan pengiklanan umpamanya, untuk menghasilkan filem-filem dokumentari, untuk menghasilkan iklan-iklan dan untuk memberikan kesedaran kepada orang ramai. Tentu sekali jumlah ini akan menghasilkan pengeluaran filem, dokumen dan juga iklan yang tentu sekali saya rasa lebih bermutu daripada yang pernah kita tonton baik di filem ataupun di Televisyen Malaysia.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, ada satu minit lagi.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Ya. Ini saya memperkatakan semata-mata dari segi rasionalnya sahaja kerana wang yang kita belanja itu harus juga diselaraskan, harus juga diimbangkan dengan hasil yang kita keluarkan. Kita tidak harus justifykan wang sebanyak ini berdasarkan semata-mata umpamanya, untuk memberi gaji, untuk memberi over-time ataupun untuk memberikan penyeliaan ataupun supervision terhadap kelengkapan dan kompleks yang sedia ada. Kita harus juga justifykan wang yang kita belanjakan ini dengan hasil yang dikeluarkan dan tentu sekali hasil itu tidak lain dan tidak bukan tentunya berbentuk filem-filem yang dikeluarkan. Oleh itu justifikasinya, hasil filem-filem yang dikeluarkan itu harus memberi kesan yang mendadak, yang betul-betul menyedarkan target audience yang hendak ditujui dengan filem-filem yang dikeluarkan.

Selain daripada itu, kita akan merasakan sampai bila-bila bahawa rantai itu akan menjadi lebih mahal

daripada buruk. Jadi kita hendaklah buruk dengan rantai itu sama-sama mahal, sekurang-kurangnya. Jadi dengan itu, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Rasah.

5.26 ptg.

**Tuan Hu Sepang (Rasah):** Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian kepada muka surat 197 di bawah Butiran 020000, Program Perkhidmatan Penyiaran, Aktiviti 020100 iaitu Rancangan.

Di sini saya ingin menyentuh rancangan-rancangan keagamaan yang disiarkan dalam Radio dan Televisyen Malaysia. Pada masa sekarang, semua tayangan bimbingan agama adalah untuk para Muslimin dan Muslimat. Ini adalah baik kerana pendidikan kerohanian adalah penting bagi mencipta manusia yang bukan sahaja berhemah tinggi tetapi mempunyai budi-pekerti yang baik. Akan tetapi apa yang mendukacita dan mengecewakan penganut-penganut agama lain seperti Kristian, Hindu, Buddhist dan Sikh ialah bimbingan agama ini tidak diberikan dalam agama mereka masing-masing.

Malaysia adalah sebuah negara yang berbilang agama dan hampir separuh penduduk-penduduknya bukan Islam. Maka Kerajaan mempunyai tanggungjawab untuk menyediakan rancangan-rancangan bimbingan agama bagi penganut-penganut Kristian, Hindu, Buddhist dan Sikh.

Tuan Pengerusi, sekiranya sebuah negara Islam seperti Pakistan boleh memperuntukkan masa siaran bagi penyiaran program-program bimbingan dalam agama Kristian, Hindu, Buddhist dan Sikh di mana hampir 90% penduduknya adalah terdiri dari orang Islam, maka saya

tidak nampak mengapa rancangan bimbingan agama-agama lain tidak boleh disiarkan melalui Radio dan Televisyen Malaysia, sedangkan hampir 50% penduduk kita tidak beragama Islam. Maka dengan sebab itu saya minta Kementerian berkenaan dan Kerajaan mengambil kira hasrat penganut-penganut agama Kristian, Buddhist, Hindu dan Sikh dengan menyiarkan rancangan-rancangan agama mereka masing-masing. Sekiranya Kerajaan berbuat demikian, maka ia akan memperlihatkan keikhlasan dalam menghormati semua agama yang terdapat di negara kita ini dan di samping itu Kerajaan juga akan mengkotakan janji pilihanraya, bahawa Kerajaan adalah committed dalam memelihara dan mempertahankan kebebasan agama.

Tuan Pengerusi, saya juga mengesyorkan supaya T.V. Malaysia menyiarkan lebih banyak lagi rancangan-rancangan bahasa Cina dan Tamil untuk memupuk dan menggalakkan lagi keharmonian dan muhibbah dan sifat-sifat toleransi saling faham-memahami di kalangan rakyat kita yang berbilang bangsa, agama dan budaya. Juga semasa perayaan orang-orang Kristian, Hindu, Buddhist dan Sikh, rancangan-rancangan khas berteraskan agama hendaklah disiarkan selain dari menyiarkan rancangan-rancangan hiburan seperti Pesta Angpow untuk Tahun Baru Cina, Pesta Cahaya untuk Hari Deepavali, Pesta Hari Natal bagi Hari Krismas.

Tuan Pengerusi, untuk makluman Dewan ini, orang-orang Hindu, iaitu rakyat Malaysia keturunan India merayakan hampir 20 jenis perayaan setahun seperti "Mattu Ponggal", "Yeetu Pongal", "Thaipusam", "Kartigai Deepam" dan sebagainya. Orang-orang Tionghua juga merayakan banyak perayaan seperti "Cheng Beng", dengan izin, Moon

Cake Festival, Feast of the Hungry Ghosts, Perayaan Pacang dan lain-lain. Bagi orang-orang Kristian selain daripada merayakan Hari Krismas, mereka juga merayakan, dengan izin, Good Friday, Easter Sunday, Ascension Day, Assumption Day, All Saints Day, All Souls Day dan sebagainya. Maka dengan ini, Tuan Pengerusi, saya berharap dalam masa yang akan datang ini Radio dan Televisyen Malaysia akan menyiarkan rancangan-permainan khas pada hari-hari khas yang saya sebut tadi.

Di bawah Program 020400—Pegesiran Siran pada muka yang sama juga iaitu mukasurat 197. Saya ingin menyentuh lagi satu perkara, ia adalah mengenai permainan bolasepak antara Pasukan Kerajaan dengan Kelab Pasukan BackBenchers' yang telah berlangsung pada 19hb November tahun ini telah ditayangkan pada 23hb November, iaitu pada hari Ahad yang lalu selama satu jam mulai 10.30 pagi hingga 11.30 pagi.

Terlebih dahulu, Tuan Pengerusi, ingin saya menyatakan di sini bahawa saya tidak ada apa-apa halangan terhadap Ahli-ahli Parlimen termasuk Menteri-menteri main bolasepak, oleh kerana ini adalah perkara untuk kesihatan Ahli-ahli Parlimen supaya mereka boleh menjalankan tugas mereka dengan badan yang sihat dan otak yang cerah. Tetapi saya terkejut dan rasa anih bila melihat ahli-ahli payung terjun mendarat dalam stadium dalam program ini. Apakah tujuannya saya ingin hendak tahu, apakah kena-mengena dengan ahli payung terjun dengan permainan bolasepak antara Pasukan Kerajaan dan Pasukan Backbenchers?

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Dia bawa bola.

**Tuan Hu Sepang:** Bawa bola?

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Terjun!

**Tuan Hu Sepang:** Tak nampak, sangat gelap gambar itu.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Dia turun, bila turun, dia beri bola.

**Tuan Hu Sepang:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, atas penjelasan itu.

Saya ingin menyambung mengenai menggunakan masa siaran T.V. selama satu jam untuk menyiarkan seluruh permainan itu adalah sangat keterlaluan yang bukan sahaja membuang masa, tetapi juga membazirkan wang.

**Setiausaha Perlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Alias bin Md. Ali):** Penjelasan.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ada yang minta penjelasan Yang Berhormat!

**Tuan Hu Sepang:** Boleh.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Berhubung dengan main bola itu?

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Yang Berhormat dari Sepang atau Rasah?

**Tuan Hu Sepang:** Rasah.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Minta maaf, janganlah marah.

**Tuan Hu Sepang:** Tidak.

**Tuan Alias bin Md. AH:** Yang Berhormat dari Rasah, saya percaya TV3 ada di kawasan Yang Berhormat, kalau tidak suka tengok rancangan atau program 1, program 2, buka TV3, kalau tidak suka juga TV3, ada lagi satu channel yang dibuka untuk Yang Berhormat iaitu channel 4, channel 0, kalau tidak suka kita main bola, tak usah tengok, mengapa

hendak komplek dalam Dewan ini? Ramai lagi yang suka tengok, lebih ramai yang suka tengok daripada yang tidak suka tengok.

**Tuan Hu Sepang:** Nanti kita tahu berapa ramai yang suka tengok atau tidak bila saya habis ucapan ini.

Berkenaan penjelasan Yang Berhormat itu, apa yang saya ingin menimbulkan di sini adalah mengenai taraf atau mutu permainan. Sekiranya mutu permainan setaraf dengan sekurang-kurangnya Piala Malaysia atau Piala FAM, barangkali penggunaan masa siaran satu jam itu boleh dikatakan patut dan adil, tetapi pada pandangan saya permainan itu adalah lebih teruk daripada permainan di antara sekolah-sekolah rendah.

**Tuan Ismail bin Said:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, ada yang minta penjelasan, Yang Berhormat dari Kemaman.

**Tuan Ismail bin Said:** Saya ingin bertanya Yang Berhormat dari Rasah sama ada permainan di antara Kelab Backbenchers dengan Pasukan Kerajaan itu perkara yang biasa, ataupun perkara yang luar biasa yang tidak pernah diadakan? Jadi adakah tidak patut pihak RTM oleh kerana perlawanan ini adalah merupakan perlawanan yang belum pernah diadakan, pihak RTM mengadakan siaran itu secara menyeluruh ataupun secara sepeleluh masa oleh kerana ianya luar biasa.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Kalau-kalau Yang Berhormat lupa jemput ajak main sama?

**Tuan Ismail bin Said:** Pihak Backbenchers cuba mengajak DAP bermain sama, tetapi katanya mereka ini tidak pandai main bola.

**Tuan Hu Sepang:** Siapa kata kita tidak pandai main bola? (*Ketawa*) Anytime boleh main.

Tuan Pengerusi, saya sambung.....

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Teruskan Yang Berhormat, kita boleh main sama.

**Tuan Hu Sepang:** Terima kasih, saya tidak mempunyai sebarang sangkaan jahat terhadap sesiapa pun oleh kerana ada di antara pemain-pemain.....

**Tuan S. S. Subramaniam:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Hulu Selangor minta penjelasan!

**Tuan Hu Sepang:** Kalau Tuan Pengerusi memberi jaminan kepada saya, saya dapat habiskan ucapan, saya boleh beri.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Saya boleh beri.

**Tuan Hu Sepang:** Terima kasih.

**Tuan S. S. Subramaniam:** Tuan Pengerusi, saya ingin menjelaskan di sini satu jempunan telah pun diberi kepada Ketua Parti Pembangkang untuk mengambil bahagian dalam perlawanan bolasepak yang kita telah adakan dan Ketua Pembangkang telah pun menyatakan dia tidak ada satu orang pun mahu mengambil bahagian dalam permainan bolasepak itu (*Tepuk*).

**Tuan Hu Sepang:** Untuk makluman Yang Berhormat dari Hulu Selangor itu, jangan.....

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Jangan cabar!

**Tuan Hu Sepang:** Bukan! Silap faham apa tujuan saya. Apakah isi kandungan ucapan ini, mengenai masa siaran itu bukan khasnya untuk bola sepak.....

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Minta jalan.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat minta jalan!

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Kalau kami membuat cabaran kepada Ahii-ahli Pembangkang DAP untuk bermain bola, hendak mainkah? Hendak lawankah kita?

**Tuan Hu Sepang:** Itu lain isu, tetapi kalau mahu pun boleh juga, beri tiga bulan training dahulu.

Tuan Pengerusi, seperti saya kata tadi, saya tidak mempunyai sebarang sangkaan jahat terhadap sesiapa oleh kerana di antara pemain-pemain pada malam itu mereka yang benar-benar bennain untuk negeri masing-masing pada masa mereka berusia muda seperti.....

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Jadi ada standardlah mereka ini?

**Tuan Hu Sepang:** Pada masa muda, tetapi sekarang sudah tua, tidak ada standard.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Tidak ada standard lagi?

**Tuan Hu Sepang;** Saya mengakui misalnya seorang pemain seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama dia pernah main pada masa muda. Apa yang saya ingin menegaskan di sini ialah penyalahgunaan waktu siaran selama satu jam.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud);** Satu sahaja saya beri kalau dibenarkan, selepas ini tidak bolehlah.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Sekiranya pihak Backbenchers menjemput pihak DAP main bola dengan kami dan sekiranya pihak RTM sanggup mengadakan siaran langsung {terus-menerus), adakah pihak DAP ingin bermain ataupun tidak?

**Tuan Hu Sepang:** Itu kena tunggu keputusan!

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Keputusan apa? Keputusan hendak lawan?

**Tuan Hu Sepang:** Keputusan dari parti (*Ketawa*).

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Tunggulah Yang Berhormat.

**Tuan Hu Sepang:** Ya, sila tunggu.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud);** Teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Hu Sepang:** Jawapan akan diberi pada masa akan datang.

Tuan Pengerusi.....

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud);** Saya ingat dua minit sahaja lagi.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** (*Bangun*)

**Tuan Hu Sepang:** Sorrylah! Lain kali di padang bola kita jumpa (*Ketawa*).

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** 2 minit sahaja, Yang Berhormat.

**Tuan Hu Sepang:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Seperti saya kata apa yang saya ingin menegaskan di sini ialah penyalahgunaan waktu siaran selama satu jam yang tidak memberi

sebarang faedah dari apa segi pun, kalau dari mutu permainan tidak ada apa-apa pun untuk dipelajari daripadanya.

Kalau dari segi hasil untuk Kerajaan tidak satu sen pun dapat dipungutnya. Jadi, sekiranya waktu siaran ini digunakan untuk menyiarkan permainan.....

**Tuan S. S. Subramaniam:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat bangun fasal apa?

**Tuan S. S. Subramaniam:** Minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Saya ingat tidak boleh kerana masa sudah tidak mengizinkan. Dia sudah melebihi masa. Saya beri "injury time" sekarang.

**Tuan Hu Sepang:** Pada masa permainan bola, baru boleh minta penjelasan. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi, sekiranya waktu siaran ini digunakan untuk menyiarkan permainan bola sepak oleh jaguh-jaguh dunia seperti Brazil, Italy, Argentina, England, Jerman Barat dan sebagainya, peminat-peminat bola sepak dan pemain-pemain bola sepak boleh mempelajari sesuatu yang boleh meningkatkan mutu dan taraf permainan bola sepak di tanah air kita ini. Kerajaan dalam keadaan ekonomi yang begitu teruk tentu boleh memungut hasil yang sangat-sangat diperlukan. Apa yang memalukan ialah permainan ini telah diadakan dalam Stadium Merdeka yang boleh mengisi lebih kurang 40,000 penonton tetapi pada ketika itu Stadium itu hampir kosong kecuali berapa ratus kakitangan Kerajaan termasuk Pengawal-pengawal Peribadi

Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen dan Ahli-ahli Parlimen.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, ada orang bangun. Satu minit sahaja lagi.

**Tuan Hu Sepang:** Kalau satu minit sahaja, sorry tak beri jalan.

Tuan Pengerusi, saya dapati Pengawal-pengawal Peribadi ataupun dengan izin, bodyguards yang melebihi daripada para penuntun (*Ketawa*). Saya difahamkan juga mereka terpaksa berada di situ bukan untuk menyaksikan permainan itu tetapi untuk mengawal keselamatan para Menteri dan Ahli-ahli Parlimen. Walaupun pengumuman awal telah diberi melalui Radio Malaysia Ibu Kota dan TV mengenai permainan ini, sambutan diberikan oleh orang awam adalah amat dingin. Ini menunjukkan orang ramai tidak berminat langsung dengan permainan ini walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri menyepak mula permainan itu.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Hu Sepang:** Dalam 30 saat lagi saya akan menghabiskan. Tuan, Pengerusi, tidakkah ini memalukan? Ini mungkin berlaku kerana dua sebab: satu, orang ramai tidak ada masa untuk menuntun; aiau dua, mereka sudah hilang kepercayaan dan keyakinan terhadap Kerajaan. Inilah satu lagi contoh krisis keyakinan terhadap Kerajaan (*Ketawa*). Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

5.45 ptg.

**Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa):** Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap di bawah Maksud B. 44, mukasurat 197, butiran 020000—Perkhidmatan Penyiaran.

Matlamat Kementerian ini adalah untuk menyampaikan maklumat supaya orang ramai di dalam dan di luar negeri dapat memahami akan dasar Kerajaan dan saya percaya ramai sudah faham dasar Kerajaan dan dasar Kementerian ini, Dasar itu ialah membanyakkan propaganda dan peranan menyampaikan maklumat agak samar-samar. Tetapi fungsi propaganda adalah jelas, ianya berlaku baik di Bahagian Penyiaran mahupun Penerangan.

Contoh yang terbesar propaganda ini ialah tentang Peristiwa Memali. RTM telah menyiarkan satu siaran khas di TV dengan Menteri Penerangan ketika itu menjadi juruulas atau juruhebah. Gambar yang ditayangkan sungguh mengelirukan. Orang ramai yang pergi sendiri ke Memali mendapati rumah Ibrahim Libya yang hampir dengan jalan raya bukanlah tempat yang mana perempuan-perempuan dan kanak-kanak memegang parang dan batang cangkul. Perempuan-perempuan dan kanak-kanak yang menyokong Ustaz Ibrahim ketika itu berada di surau yang agak jauh atau kira-kira 5 minit berjalan kaki dah rumah Ustaz Ibrahim, tetapi cara penyiaran TV tadi sungguh mengelirukan. Sekiranya diadakan penyiasatan bebas saya rasa pemalsuan penyiaran ini boleh dibuktikan. Kemudian, RTM juga menyiarkan.....

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghaffar:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, ada orang bangun. boleh beri?

**Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad:** Tak berilah. Kemudian, RTM juga menyiarkan apa yang disebutkan pengakuan dari ayah, adik dan seorang pengikut Ibrahim seolah-olah mereka.....

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghaffar:** (*Bangun*).

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, ada yang bangun. Ya, Yang Berhormat dari Batu Berendam, ada apa-apa?

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghaffar:** Minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Dia minta penjelasan. Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa boleh beri?

**Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad:** Tidak bolehlah (*Ketawa*).

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Dia tidak beri.

**Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad:** Saya jaga masa.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad:** Kemudian RTM juga menyiarkan apa yang disebutkan pengakuan dari ayah, adik dan seorang pengikut Ibrahim seolah-olah mereka secara sukarela diperdayakan oleh Ibrahim Libya tetapi sekarang mereka telah bebas dan mereka mengadakan ceramah di merata-rata tempat dan menyatakan bahawa apa yang mereka cakapkan adalah satu paksaan dan sebaliknya mereka menerangkan akan kekejaman Kerajaan dan Polis. Wakil dari Kok Lanas yang satu masa dahulu dituduh menjadi tali barut komunis juga pernah keluar di dalam TV semasa ditahan, dia mengaku dan sekarang

dia menyatakan dia telah teraniaya. Saya hendak mendengar dari mulutnya tentang pengakuannya di dalam TV dahulu, Kalau pengakuan itu betul.....

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, ada Yang Berhormat bangun. Minta penjelasankah?

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Ya, minta penjelasan. Kerana tuduhan telah dilemparkan, jadi saya hendak minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Bagaimana Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, boleh beri?

**Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad:** Tidak payah berilah.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Dia tidak beri. Teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad:** Kalau pengakuannya itu betul, beliau adalah tidak layak duduk dalam Dewan yang mulia ini. Ini sekadar hendak membuktikan betapa rendahnya maruah penyiaran. Bila peranan penyiaran lebih menggambarkan propaganda maka fungsi menyampaikan maklumat adalah diabaikan.

Tuan Pengerusi, di bawah Butiran yang sama, saya hendak menyentuh Program 020100—Rancangan. Program TV baik RTM mahupun TV 3 adalah satu sistem hiburan pada keseluruhannya. Rancangan pendidikan adalah terhad. Hiburan yang disampaikan meliputi apa yang ada di dalam kelab-kelab malam dan kadang-kadang sampai ke bilik tidur pclacur. Suasana bolehlah dikatakan bahawa setiap rumah rakyat sudah dimasuki kelab malam (disco). Kalau

dahulu kelab-kelab malam cuma ada di kota-kota besar sahaja tetapi sekarang sudah ada di dalam rumah sendiri, inilah pesatnya pembangunan, Pengaruh lucah dan kebudayaan kuning serta kebudayaan asing sudah dikenali oleh kanak-kanak sejak mula belajar bercakap. Pendek kata bahan penyiaran adalah untuk meleka-lekakan orang ramai dan untuk menjadikan rakyat liberal seperti orang Barat dalam hal-hal moral.

Saya mengharapkan dahulu dengan adanya pemimpin ABIM jadi orang kuat UMNO banyak perubahan berlaku di dalam penyiaran, tetapi semasa pemimpin ABIM ada pengaruh ituah munculnya TV3. Ia menambahkan lagi selera ghairah penonton.

**Dato' Haji Kamaruzaman bin Haji Ahmad:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, ada yang bangun, nan'i sekejap Yang Berhormat. Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa tunggu sekejap. Yang Berhormat ada apa?

**Dato' Haji Kamaruzaman bin Haji Ahmad:** Minta penjelasan. Pemimpin ABIM itu siapa dia?

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Boleh beri atau tidak?

**Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad:** Orang mereka sendiri takkan tidak kenal.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Sila temskan.

**Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad:** Segala masalah ini, adalah disebabkan media-massa kita tidak menjadi dakwah satu dari fungsi atau peranan penyiaran. Sekiranya dakwah

dijadikan fungsi penyiaran maka setiap program dapat dikira dari kepentingan dakwah.

Sekarang saya beralih kepada Butiran 030000, Butiran Kecil 030200 iaitu Perkhidmatann Luar Sivik dan Masyarakat.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Mukasurat berapa Yang Berhormat?

**Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad:** Sama. Unit ini adalah satu bahagian yang penting bagi Kerajaan untuk menjalankan propaganda parti yang memerintah. Kursus sivik dan khemah kerja yang diadakan oleh unit ini lebih menjalankan program UMNO dari penerangan-penerangan itu sendiri. Apabila tiba waktu pilihanraya unit ini mengadakan kursus-kursus sivik dan dalam kursus ini, ia menjalankan kerja yang sepatutnya dijalankan oleh UMNO. Ia datang untuk membantu UMNO bukan datang untuk menjelaskan hal-hal yang patut diketahui oleh rakyat melalui pilihanraya. Orang-orang yang dijemput hadir dalam kursus sivik itu pula adalah orang-orang yang dipilih, penyokong Pembangkang tidak akan dijemput. Berbeza dengan zaman penjajah dahulu, menjelang pilihanraya Jabatan Penerangan yang datang ke kampung-kampung menerangkan mengenai pilihanraya dan menerangkan apa orang ramai wajar dilakukan, tidak pernah ia menerangkan orang mesti sokong British. Oleh kerana itu unit ini banyak menggunakan perbelanjaan daripada orang ramai untuk tujuan politik parti tertentu. Tuan Pengerusi, saya menyarankan ia hendaklah dihentikan dan kalau ia diteruskan juga maka tidak wajar unit ini mendapat peruntukan dari Kerajaan.

Tuan Pengerusi, sekarang saya beralih kepada Butiran Kecil 030300 di bawah butiran yang sama iaitu mengenai akhbar dan perhubungan.

Sekarang semakin bertambah jelas bahawa pengaruh yang ada kepada Kerajaan hampir dijadikan akhbar-akhbar dalam negara ini seolah-olah sebagai satu lagi unit. RTM satu unit. Maka kini akhbar macam satu lagi unit propaganda sahaja. Maklumat-maklumat yang terdapat di dalam suratkhbar macam siaran Kerajaan atau Warta Kerajaan, bezanya ia ada menyiarkan sama kesah jenayah tetapi itupun pilihan Kerajaan. Itupun pilihan sekadar jenayah yang dilakukan oleh orang bawah. Jenayah orang besar seperti BMF, KWSP dan iain-lain tidak begitu disiarkan.

Akhbar-akhbar mendakwa mereka bebas, alasan ialah mereka menyiarkan penyelewengan yang dilakukan oleh agensi-agensi Kerajaan seperti dilaporkan oleh Ketua Audit Negara dahulu, ia juga mengkritik setengahnya pegawai-pegawai Kerajaan. Alasan ini tidak cukup kuat walaupun akhbar ada menyiarkan hal-hal tadi tetapi Kerajaan pun suka hal itu disiarkan tetapi adakah akhbar akan menyiarkan hal itu sekiranya Kerajaan tidak gemar kepada penyiaran-penyiaran seperti itu. Sekiranya ada pegawai Kerajaan yang dikritik maka ianya berlaku kerana Kerajaan pun suka pegawai itu dikritik. Dalam perkara-perkara yang menyentuh dasar Kerajaan, pengarang-pengarang akhbar yang boleh membuat keputusan sendiri terpaksa menunggu isyarat dari pegawai tertentu dalam Kerajaan.

Sekarang timbul soal Akta Rahsia Rasmi hendak dipinda. Wartawan-wartawan menentang tetapi sekop penentangannya terhad, ia membincangkan soal payah wartawan hendak membuat berita dan minta supaya jangan dipenjarakan wartawan. Sepatutnya perkara itu diperjuangkan oleh wartawan dalam bentuk yang lebih luas. Ia bukan sekadar menyekat kebebasan

wartawan tetapi kebebasan rakyat seluruhnya diragut. Akhbar tidak berani menyatakan tentangannya secara terbuka, pada hal akhbar tahu keburukan Akta ini, sebaliknya ia menggunakan pemberita-pemberita untuk menyuarakan hal itu. Nampaknya.....

**Tuan Alias bin Md. Ali:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, ada yang minta penjelasan. Peraturan Mesyuarat?

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Peraturan Mesyuarat 36 (1). Yang Berhormat itu bercakap tentang akhbar tetapi kita tidak minta peruntukan untuk akhbar di sini. Tidak ada kena mengena dengan apa yang kita bincangkan di hadapan ini. Kalau orang bercakap di bawah Standing Orders, Ahli Yang Berhormat itu patut duduk, dia patut tahu peraturan.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, minta tolong duduk sekejap. Ada Peraturan Mesyuarat dibangkitkan. Ya, Yang Berhormat?

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Peraturan Mesyuarat 36 (1) kerana Yang Berhormat itu bercakap mengenai akhbar, Kementerian ini bukannya meminta peruntukan untuk akhbar. Apa kena mengena akhbar dengan peruntukan yang kita bincangkan sekarang?

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat meneruskan kepada tajuk perbahasan mengenai Kementerian Penerangan.

**Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya bawa itu sebagai misalan sahaja.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Sedikit-sedikit bolehlah.

**Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad:** Sesungguhnya Kementerian ini wajarlah mengelakkan para pengarang dan wartawan dalam perkara ini supaya jangan jadi seperti para penulis di Mesir ketika Nasser berkuasa, seluruhnya mengangkat Nasser, tetapi bila datang Sadat pengarang mula mengkritik Nasser. Nasser sebelumnya dipuja, pengarang yang sama pula mengkritik bila Nasser sudah tiada. Saya rasa itulah sahaja Tuan Pengerusi untuk saya beri pandangan kepada Kerajaan.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang.

5.57 ptg.

**Dato' Haji Kamaruzaman bin Haji Ahmad (Tanjong Karang):** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih. Saya bercakap dalam muka surat 197 di bawah Maksud B.44, Butiran 020000. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini tentang terdapat beberapa kelemahan, saya ini Barisan Nasional bukan PAS, kelemahan yang wujud di RTM dalam melaksanakan dasar serta prinsip yang sepatutnya dimainkan oleh RTM sebagai salah satu media massa yang sangat-sangat dihargai untuk mempertingkatkan lagi taraf kehidupan rakyat di samping dapat menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum dalam negara kita ini.

Tuan Pengerusi, terutama sekali saya ingin melahirkan rasa kurang puas hati di kalangan rakyat khususnya dalam kawasan Parlimen yang saya wakili, Tanjong Karang, mereka mengatakan masih terdapat beberapa rancangan yang saya kira tidak sepatutnya disiarkan oleh RTM melalui siaran televisyen di Rangkaian Pertama ataupun di Rangkaian Kedua. Rancangan yang saya maksudkan adalah rancangan-rancangan hiburan yang selalu disiarkan pada hari-hari cuti, perayaan

yang kita perhatikan boleh dikatakan setiap kali kita menyambut Hari Raya sama ada Aidilfitri atau Hari Raya Haji dan di waktu-waktu yang sama, di waktu itu semua keluarga berada di rumah, maka RTM telah menayangkan rancangan yang amat bolehlah dikatakan menjolok mata, Tuan Pengerusi. Seperti hiburan yang diimport daripada negara barat di mana dalam rancangan tersebut disiarkan lakunan artis-artis wanita yang memakai pakaian yang kita tengok tidak begitu sihat dan menjolok mata.

Tuan Pengerusi, saya bercakap ini pendek sahaja tidak sampai lima minit saya rasa. Saya juga mengharapkan agar RTM dapat memainkan peranan melalui siarannya di luar negeri ini secara memberi fahaman yang tepat kepada rakyat kita terutama kepada para-para pelajar di luar negeri. Ini adalah disebabkan saya dapat tahu boleh dikatakan begitu ramai sekali rakyat-rakyat kita terutama para pelajar yang berada di luar negeri telah ditemui oleh para pemimpin parti Pembangkang terutamanya pemimpin-pemimpin PAS yang sentiasa sahaja mempengaruhi pelajar-pelajar kita di luar-luar negeri. Oleh yang demikian dengan adanya siaran ataupun apa juga cara supaya RTM dapat memainkan peranan yang penting di dalam masalah ini. Saya ini, Tuan Pengerusi, tahu bercakap sahaja, pelaksanaannya kalau difikirkan baik, eloklah dijalankan. Saya tidak bercakap panjang.

Akhir sekali, di bawah Maksud yang sama, Butiran 030200, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Penerangan apakah pihaknya telah mengkaji tentang keberkesanan perkhidmatan para Pegawai Penerangan yang ditempatkan di daerah-daerah, di luar-luar bandar. Apa yang saya dapati, Tuan Pengerusi, kebanyakan Pegawai-pegawai Penerangan di kawasan luar bandar tidak diberikan maklumat

secukupnya kepada mereka sewaktu melaksanakan tugas-tugas sebagai media rasmi Kerajaan. Ini saya rasa patut diberi maklumat yang secukupnya. Ekoran dari inilah maka masih terdapat rakyat di negara ini yang tidak faham tentang projek dan usaha-usaha Kerajaan telah dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan untuk mempertingkatkan lagi taraf kehidupan mereka.

Oleh itu pihak Kementerian juga hendaklah memastikan agar kakitangan yang ditempatkan di daerah-daerah agar dapat memainkan peranan mereka untuk menerangkan kepada rakyat tentang rancangan yang telah dan akan dilakukan oleh Kerajaan. Saya sedar dengan bertambahnya kemampuan para Pegawai Penerangan di bawah Kementerian ini ia lebih membimbangkan parti-parti Pembangkang kerana mereka mungkin tidak lagi dapat mengabui mata rakyat ataupun pengundi mereka oleh berbagai isu ataupun cerita-cerita bohong sebagaimana yang telah disampaikan oleh Wakil daripada Kelantan tadi, tidak tahu saya apakah nama kawasanya—Pengkalan Chepa.

Apakala rakyat menyedari penerangan yang telah disampaikan oleh pegawai-pegawai khas ini, mereka tidak dapat lagi ditipu oleh parti-parti Pembangkang terutama sekali PAS di kawasan Tanjung Karang dan di mana-mana juga. Tetapi sebagai sebuah Kerajaan yang sentiasa, Kerajaan Barisan Nasional ini sentiasa Bersih, Cekap dan Amanah, maka para pegawainya juga haruslah jujur melaksanakan tugas mereka supaya rakyat faham betapa Kerajaan Barisan Nasional ini sangat-sangat dikehendaki oleh rakyat.

Buktinya telah dicapai, pilihanraya kita adakan, cuma PAS menang satu kerusi sahaja. Itu menuhjukkan rakyat bersetuju dengan Barisan Nasional, itupun satu nyaris-nyaris tak luput.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu juga TV patut memainkan peranan lagi satu iaitu menerangkan sejarah. Sejarah ini patut diterangkan melalui TV supaya sejarah ini diterangkan kepada rakyat, terutama yang bukan Melayu supaya mereka benar-benar tahu sejarah, asal-usu! kita, usul-asal negara kita ini daripada mana mulanya dan sebagainya.

Dengan adanya mereka tahu sejarah, betul-betul sejarah mereka tahu, mereka tidak membangkitkan datam masalah yang bukan-bukan seperti yang telah ditimbulkan oleh pihak tertentu. Saya tidak mengatakan buta sejarah atau sengaja tak mahu tahu ataupun sengaja barangkali lebih kurang buta sejarah juga, Tuan Pengerusi, supaya ianya dapat diketahui oleh generasi yang akan datang ni benar-benar faham sejarah negara ini; siapakah tuan yang punya asalnya dan sebagainya.

Apakala kita tidak menerangkan perkara ini, besok di satu masa kelak generasi yang akan datang akan mengutuk kita, kerana kita ada berpeluang untuk menerangkan sejarah ini kepada mereka yang bukan Melayu terutama sekali dan juga kita sangat dukacita apakala perkara ini timbul. Walaupun parti Pembangkang, terutama PAS membisu seribu bahasa, barangkali PAS juga tak tahu sejarah ataupun sengaja tak mahu tahu, sengaja tak tahu sejarah. Jadi kita Wakil Rakyat, Ahli Dewan Rakyat di dalam Dewan ini mengemukakan teguran ataupun menasihatkan Kementerian supaya perkara ini dapat dilakukan dengan baik.

Kita tidak menentang, kita menasihatkan dan menegur, mudah-mudahan dengan adanya teguran kita yang membina, kita tidak bercakap kosong di Dewan ini, Hanya ahli parti Pembangkang yang baru bercakap tadi bercakap dalam masalah yang bukan-bukan, masalah Ibrahim Libya.

Kerana itu dan ini, ini semua membuang masa yang lebih baik masa itu diberikan kepada Ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional, dapat membebaskan pandangan kepada Kerajaan dan khasnya kepada Kementerian Penerangan.

Tujuan saya tidak pula mengkritik Kerajaan, hanya inilah sahaja, ucapan pendek saya dalam membahaskan peruntukan Kementerian Penerangan dan dengan ini juga saya dengan sepenuh-penuhnya menyokong peruntukan yang telah pun dibentangkan itu.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli Yang Berhormat dari Jerai. Sebelum daripada Ahli Yang Berhormat berucap, selepas ini saya akan menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan untuk menjawab. Sila Yang Berhormat dari Jerai.

*6.04ptg.*

**Tuan Ghazali bin Ahmad (Jerai):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh dalam beberapa butiran berhubung dengan Kementerian Penerangan ini, terutama dalam Bahagian Penyiaran. Saya terima kasih banyak kepada TV Malaysia kerana dapat menyiarkan berita-berita yang tepat dan benar dan berita ini memang sangat digemari oleh semua penduduk datam negara kita. Apatah lagi peristiwa-peristiwa yang berlaku seperti peristiwa di Memali sehingga peristiwa ini disiarkan di TV kita mendapat perhatian yang begitu bersungguh-sungguh daripada seluruh rakyat jelata dan dapat mengetahui dengan jelas bagaimana keadaan itu berlaku di Baling, di Kampung Memali, Baling.

Walaupun PAS telah cuba membuatkan sebuah filem baru mengenai peristiwa Memali, tetapi malangnya tak ada tempat yang hendak disiarkan, mereka telah bawa

ke kampung-kampung dengan menggunakan peti-peti video dan untuk disiarkan kepada penduduk kampung dan kita rasa bahawa alat siaran am kita sungguh begitu popular iaitu begitu sekali mendapat tempat di kalangan rakyat dan kita yakin bahawa rakyat tetap percaya dengan sebaran am kita.

Peristiwa Memali juga bukan sahaja memalukan masyarakat yang selama ini begitu berpegang teguh kepada undang-undang negara dan bagi siapa yang menentang undang-undang ini sudah sepatutnya diambil perhatian dan tindakan oleh pemerintah, oleh Kerajaan. Apakah yang hendak disembunyikan oleh PAS dalam hal ini? Kalau sudah banyak nyawa terkorban kerana peristiwa yang begitu hitam, gelap-pekak dalam negara, itulah bererti satu dosa yang kita buat dalam menjaga keharmonian negara kita.

Dengan peristiwa ini juga apabila mayat-mayat itu hendak ditanam dikawasan perkuburan panjang, mereka telah gelarkan kawasan itu tempat "Perkuburan Syuhada". Apakala tiap-tiap Mufti telah mengeluarkan fatwa bahawa mereka bukan mati syahid, tetapi Parti PAS juga telah mendewa-dewakan tempat itu sebagai "Perkuburan Syuhada" dengan tanda-tanda dan lambang-lambang di situ.

Jabatan Penerangan telah mengeluarkan, Bahagian Penerbitannya, menentang tentang perkara-perkara "Mati Syahid", bagaimana orang-orang yang boleh dianggap "Mati Syahid", pada Parti PAS tidak terima hakikat ini. Walaupun para ulamak kita telah mengambil ketetapan yang tepat berhubung dengan soal tersebut.

Tuan Pengerusi, beralih pula kepada kegiatan sivik dalam Jabatan Penerangan, dalam Butiran 030200,

kegiatan sivik ini adalah kegiatan popular yang masyhur dan memang mendapat perhatian rakyat.

Kita amat dukacita wakil dari Pengkalan Chepa mengatakan bahawa orang-orang PAS tidak dijemput di dalam ceramah-ceramah sivik. Keadaan hakikat yang sebenarnya orang-orang PASlah yang selalu lari daripada kegiatan sivik ini, walaupun dianjurkan oleh Jabatan Penerangan di kawasan-kawasan kampung, tetapi orang-orang PASlah yang cuba menggagalkan kegiatan sivik ini dan mereka sepatutnya mengikuti kegiatan sivik ini kerana kegiatan sivik ini bukanlah untuk kempen UMNO.

Adalah satu keterlaluan yang diucapkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa menyatakan bahawa tiap-tiap kegiatan sivik ini adalah satu anjuran UMNO. Ini adalah satu keadaan yang tidak baik, apatah lagi berucap di Dewan yang mulia ini, yang walaupun kita ada kebebasan berucap, tetapi janganlah cuba mengelirukan rakyat dengan ucapan kita.

Hakikat yang sebenarnya bahawa kegiatan yang dibuat oleh Jabatan Penerangan dengan menerusi kegiatan sivik ini semata-mata memberikan penjelasan yang jelas kepada rakyat supaya rakyat memahami tentang pentadbiran negara dan usaha Kerajaan di dalam berbagai-bagai bidang.

Tuan Pengerusi, dalam kegiatan inilah juga saya ingin menyentuh supaya Jabatan Penerangan hendaklah menambahkan Pegawai-pegawai Luar Wanitanya. Setakat ini, Pegawai-pegawai Luar Wanita dalam Kementerian Penerangan ini amatlah kecil. Kalau dibandingkan dengan pengundi-pengundi wanita dalam Malaysia, pengundi wanita lebih ramai dari pengundi lelaki. Patutlah Kementerian ini memberikan satu

Tambahan kepada ini pula, terdapat majikan yang menggunakan kemelesetan ekonomi sebagai alasan untuk membuang pekerja yang disifatkan sebagai penimbul masalah ataupun, dengan izin, "trouble maker" kerana tuntutan kesatuan untuk pengiktirafan, kerana tuntutan bayaran gaji yang lebih baik dan syarat-syarat perkhidmatan dan lain-lain. Semua masalah ini timbul kerana kita masih belum mempunyai undang-undang yang menghendaki majikan-majikan memberi notis lebih awal dan tidak ada majikan yang perlu melaksanakan tindakan pengurangan kakitangan dengan teratur.

Dengan ini terdapat satu keperluan untuk memperkenalkan satu Kod Amalan tentang pemberhentian kakitangan yang dikuatkuasakan oleh undang-undang dan satu garispanduan wajib yang menghendaki pengurusan memberikan notis lebih awal mengenai tindakan pemberhentian kakitangan atau lebihan atau pada masa yang sama membuat perundingan dengan wakil-wakil pekerja atau kesatuan mereka.

Adalah juga menjadi tanggungjawab untuk memberitahu Kementerian Buruh terlebih awal bagi membolehkan pihak berkuasa menimbang program-program penempatan semula, penggantian semula, latihan dan lain-lain. Satu undang-undang baru mengenai lebihan dan pemberhentian kakitangan hendaklah diperkenalkan.

Keperluan menjadi begitu besar memandangkan lebih 80% tenaga pekerja kita tidak mempunyai pertubuhan atau kesatuan tidak berada dalam kod untuk tawar-menawar bagi menghentikan atau menyekat tindakan-tindakan majikan yang tidak adil dan tidak munasabah. Sekian.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat Menteri boleh jawab.

4.40 *ptg.*

**Timbalan Menteri Buruh (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed):** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian membahaskan Anggaran Belanjawan Mengurus dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 1987 bagi Kementerian saya. Semua pandangan, teguran dan syor-syor daripada Ahli-ahli Yang Berhormat itu sudah tentu akan dapat perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya.

Saya tidak bercadang untuk menjawab satu persatu perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat oleh kerana banyak daripadanya telah pun diberikan jawapan yang sejelas-jelasnya semasa sesi Soal-Jawab dari masa ke semasa. Walau bagaimanapun, saya suka menjawab beberapa perkara tertentu yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang pertamanya ialah Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam yang telah membangkitkan perkara yang pertama iaitu berkenaan dengan meluaskan program latihan perindustrian. Pada masa ini terdapat 5 buah Institut Latihan Perindustrian yang telah sedia ada dan berjalan iaitu Institut Latihan Perindustrian Di Kuala Lumpur, Perai, Pasir Gudang, Kuala Terengganu dan juga Labuan. Sebagai tambahan daripada itu terdapat sebuah pusat latihan mengajar dan kemahiran lanjutan ditubuhkan oleh Kementerian ini. Sebagai tambahan untuk memperluaskan Institut Latihan Perindustrian ini, Kementerian saya telah mengambil tindakan untuk membina 5 buah lagi Institut Latihan Perindustrian iaitu di Ipoh, Kuantan, Melaka, Alor Star dan Kota Bharu. Kerja-kerja pembinaan bagi kelima-lima buah institut latihan ini telah bermula pada bulan November, 1986.

baik, dengan pengguna-pengguna telefon yang selalu menghubungi stesyen-stesyen pamancar di kawasan-kawasan untuk siaran sebelah pagi, dan kadang-kadang pula mereka cuba memperkecilkan pandangan-pandangan yang telah diberikan oleh pengguna-pengguna telefon yang selalu menghubungi mereka dan cuba menimbulkan satu keadaan yang kita sendiri dengar bahawa tidak patut bahasa-bahasa ini digunakan kepada pengguna-pengguna telefon ini. Pengguna-pengguna yang telah dihubungi dalam rancangan-rancangan ini.

Yang demikian saya mintalah Kementerian Penerangan tegur sedikitlah budak-budak ini dan janganlah mereka keterlaluan dalam siaran yang sebegini, apatah lagi ia juga akan mencerminkan imej Kementerian Penerangan kita dan itulah harapan saya semoga ucapan ringkas ini moga-moga akan mendapat perhatian yang wajar daripada Kementerian Penerangan. Walau bagaimanapun kita ucapkan tahniah kepada Kementerian Penerangan terutamanya dalam siaran Televisyennya, banyaklah perkara-perkara yang baik telah disiarkan, lebih dakwah, kata Ahli dari Pengkalan Chepa, dia kata bukan dakwah, tetapi kita tahu sudah banyak dakwah disebarkan menerusi media kita.

Jadi kita harap kegiatan ini akan dapat diteruskan, walau bagaimanapun awasilah pakaian-pakaian para artis kita dalam mempersembahkan persembahan mereka di dalam kaca TV.

Begitu juga saya ingin menegur tentang Filem Negara kita.....

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat ada satu minit sahaja lagi.

**Tuan Ghazali bin Ahmad:** Boleh.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Kesimpulannya banyak yang baik daripada tidak baik bukan?

**Tuan Ghazali bin Ahmad:** Ya. Filem Negara ini juga, Tuan Pengerusi, mintalah dibanyakkan filem-filem pendidikan dan biarlah banyak menggunakan latarbelakang kehidupan masyarakat desa sama ada nelayan, petani, pekebun getah, peniaga kecil dan sebagainya begitu juga industri-industri kecil yang boleh kita majukan dan biarlah dalam siaran TV kita banyakkannya juga isi filem-filem yang dikeluarkan oleh Filem Negara. Janganlah hanya dimonopoli oleh filem yang lain di dalam TV.

Sekian, Tuan Pengerusi, oleh kerana masa tidak mengizinkan maka harapan saya semoga mendapat perhatian.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Saya jemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab.

*6.16ptg.*

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad):** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh Kementerian Penerangan dan telah memberi beberapa pandangan kepada Kementerian ini ke arah yang lebih sempurna dan saya dapati banyak perkara yang telah disentuh dan saya akan menjawab kesemuanya, sekadar kemampuan yang ada di mana-mana yang tidak terjawab itu, saya harap Yang Berhormat yang berkenaan dapat menghubungi saya selepas ini.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Jerai yang telah banyak memberi bantuan kepada saya dan telah pun menjawab

perkara-perkara yang ditimbulkan oleh sahabat kita daripada Pengkalan Chepa.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kuantan menimbulkan tentang dasar Jabatan Penyiaran yang mana pada pendapat beliau bahawa masih ada yang tidak menepati 3 faktor sebagaimana yang disebutkan iaitu untuk memberi maklumat, pendidikan dan hiburan.

Sebenarnya pada hemat saya dan menurut laporan SRM—Survey Research Malaysia menunjukkan bahawa rancangan "Isu" dan "Ehwal Semasa" adalah antara rancangan-rancangan "top twenty" yang disukai ramai. Laporan yang terakhir bagi bulan Ogos, 1986 menunjukkan bahawa "Isu" duduk ditangga Nombor 6 dan "Ehwal Semasa" ditangga nombor 15 dan mempunyai penonton dewasa purata lebih kurang 600,000 orang di Semenanjung Malaysia. Laporan SRM ini tidak meliputi Sabah dan Sarawak.

Berhubung dengan rancangan-rancangan ini di mana disebut bahawa hanya Menteri-menteri ataupun Timbalan-timbalan Menteri sahaja yang mengambil bahagian, sebenarnya pada hemat saya tidak benar bahawa Menteri ataupun Timbalan Menteri sahaja yang mengambil bahagian.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:**  
(*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, dia hendak minta penjelasan barangkali.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Tuan Pengerusi, sebenarnya saya ingin membetulkan fakta di situ. Saya tidak menyebut mengatakan hanya semata-mata Yang Berhormat Menteri ataupun Timbalan Menteri. Saya kata "umpamanya Timbalan Menteri

ataupun Menteri" jadi bukan bennakna conclusive Menteri dan Timbalan Menteri, bukan.

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Nampaknya saudara Yang Berhormat bermain bahasa sahaja dan kita dapat faham bahawa apa yang dikehendaki secara tersiratnya bahawa hanya golongan-golongan pihak pentadbir sahaja yang kebanyakannya terlibat dalam rancangan-rancangan apa yang disebutkan "talk show", dengan izin. Sebenarnya rancangan-rancangan seumpama ini, pihak bahagian penyiaran berusaha sedaya mungkin agar mewujudkan suasana pengambilan bahagian dalam rancangan-rancangan seumpama ini dalam bentuk dua hala di mana orang-orang awam juga, kalau kita lihat rancangan-rancangan "Isu" di mana ditemubual dan ditemuduga untuk meminta penjelasan dan penerangan-penerangan daripada orang ramai.

Berhubung dengan apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Rasah tentang rancangan-rancangan agama, tentang bahasa dan sebagainya, sebenarnya sebagaimana yang kita maklum walaupun negara ini berbilang agama, tetapi Perlembagaan sudah pun menentukan bahawa agama Islam adalah agama rasmi. Kerajaan tidak mungkin mempropagandakan agama lain, selain daripada agama Islam. Walaupun demikian, Perlembagaan kita telah pun menentukan bahawa agama-agama lain boleh menjalankan aktiviti-aktiviti mereka sesama mereka dengan secara aman di mana-mana sahaja bahagian dalam negara kita di Mataysia ini.

Tentang penambahan rancangan dalam bahasa Cina dan Tamil, sebenarnya cara memupuk perpaduan, bagi tujuan untuk memupuk perpaduan dan integrasi nasional yang telah digariskan dalam Perlembagaan Malaysia adalah menerusi penggunaan Bahasa

Kebangsaan atau Bahasa Malaysia. Penggunaan bahasa-bahasa lain dari Bahasa Kebangsaan secara yang meluas hanyalah akan membina tembok-tembok perkauman dan bertentangan dengan konsep perpaduan menerusi satu bangsa dan satu bahasa. Kita tidak harus lupa kepada radio dan menumpukan semata-mata kepada televisyen sahaja.

Untuk makluman Yang Berhormat, radio ada menyediakan satu rangkaian khas bagi bahasa Cina, iaitu Rangkaian Hijau dan satu rangkaian khas bagi bahasa Tamil, iaitu Rangkaian Merah.

Rancangan-rancangan TV untuk penonton-penonton India dan Cina pada masa ini adalah mencukupi dan jika Yang Berhormat dari Rasah mempunyai hasrat dan cita-cita yang murni bagi tujuan perpaduan dan bagi tujuan pengukuhan bangsa kita, bangsa Malaysia di bumi yang kita pijak ini dan di langit yang kita junjung ini, maka sudah tentu Yang Berhormat yang berkenaan tahu hasrat sama ada tersurat ataupun tersirat tentang kedudukan sebenar bangsa, agama dan soal bahasa.

Berhubung dengan pertandingan bola antara Kelab Kerajaan dengan BBC, dari maklum balas.....

**Tuan Hu Sepang:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, dia minta penjelasan.

**Tuan Hu Sepang:** Minta penjelasan, Tuan Pengerusi. Apa yang berlaku pada malam itu bukan satu pertandingan, tetapi satu permainan. Jadi menurut pandangan saya ada perbezaan besar; pertandingan bererti ada pertentangan hebat; permainan—main-main sahaja, macam clown dan joker, dengan izin.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, dia hendak tahu adakah permainan itu pertandingan—ada menang, ada kalah.

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, pada himat saya Yang Berhormat yang berkenaan tidak faham erti pertandingan dan erti permainan (*Tepuk*). Permainan itu bermain dengan tidak menimbulkan soal kalah-menang. Wujudnya kalah-menang yang ditentukan dalam sesuatu permainan itulah yang dikatakan pertandingan.

Dari maklum balas yang kita dapati dan didapati daripada RTM dan dari reaksi dalam Dewan ini sendiri adalah jelas menunjukkan bahawa perlawanan bola sepak ini mendapat minat serta perhatian ramai, termasuk Ahli Yang Berhormat dari Rasah sendiri. Dan sebenarnya pertandingan yang seumpama ini adalah merupakan satu pertandingan biasa dan bukanlah merupakan satu pertandingan yang luar biasa dan ini ttdaklah merugikan ataupun memastikan pihak RTM terpaksa mengeluarkan perbelanjaan. Sebenarnya pihak RTM tidak mengeluarkan apa-apa perbelanjaan dari segi pertandingan ini.

Berhubung dengan apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, sebenarnya masalah peristiwa Memali ini adalah satu peristiwa yang sudah selesai, yang sudah pun membuktikan bahawa apa yang diambil oleh Kerajaan dan tindakan-tindakan segera yang dilaksanakan oleh Kerajaan dan sikap RTM dalam menghadapi peristiwa yang seumpama ini telah memberi kesan dan telah diterima oleh rakyat dengan baiknya. Dan bukan sahaja RTM yang menyiarkan rancangan mengenai Memali ini, di samping itu ada juga pihak-pihak lain yang merakamkan siaran RTM itu dan

memasukkan adegan-adegan lain yang karut dan video kaset itu diedarkan secara meluas.

Saya fikir rakyat Malaysia tahu hal ini bagaimana pembohongnya mereka ini mengadakan satu rakaman dengan mencipta adegan-adegan yang luar daripada apa yang sebenarnya berlaku. Kerana itulah golongan mereka sudah diasingkan oleh rakyat sehingga di tempat berlaku itu sendiri pun tidak mendapat sokongan daripada rakyat (*Tepuk*). Dalam hal ini. ....

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:**  
(*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, ada yang minta penjelasan.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat tadi kata ada golongan-golongan yang telah menyiarkan dengan membawa adegan-adegan yang berbeza dengan apa yang sebenarnya. Bolehkah Yang Berhormat terangkan golongan mana yang dimaksudkan?

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, sebenarnya masyarakat semuanya tahu golongan mana yang menjalankan kerja-kerja yang tidak bermoral seumpama ini dan perkara yang seumpama ini diedar dengan begitu hebat sekali ketika kita menghadapi pilihanraya baru-baru ini. Biarlah saya berterus-terang dalam perkara ini bahawa yang mengambil bahagian dalam adegan-adegan seumpama ini adalah sebuah parti politik di negara kita, iaitu Parti PAS (*Tepuk*). Tetapi walau bagaimanapun, rakyat sudah faham siapa yang sebenar dan siapa yang bohong. Rakyat telah membuktikan kebenaran dan pendustaan ini. Rakyat telah membezakan mana yang benar, mana

yang hak dan mana yang batil dalam pilihanraya yang lalu dengan cara memberi undi kepada pihak-pihak yang benar dan menolak pihak-pihak yang dusta (*Tepuk*). Rakyat, alhamdulillah, telah menjadi hakim yang paling arif dalam soal ini dan rakyat telah menghakimkan pihak yang benar.....

**Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, ada yang minta penjelasan.

**Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad:** Biarlah, saya tak pernah bangun pun, tetapi kali ini saya bangun (*Ketawa*). Saya tak suka melayani perkara-perkara yang mengganggu, tetapi hari ini saya cuma bangun minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Tak sabarlah!

**Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad:** Tidaklah—sabar, banyak mengelirukan. Jadi saya minta penjelasan daripada Setiausaha Parlimen itu untuk menjelaskan tentang kebenaran itu telah diertikan oleh Setiausaha Parlimen atas dasar kemenangan. Adakah ini hujah yang benar? Tiap-tiap kemenangan itu adakah kebenaran? Tiap-tiap kekalahan itu adakah kebatilan? Saya minta sebagai rekod yang dapat saya berpegang terus-menerus dan untuk menjadi hujah. Kalau kemenangan itu didasarkan kebenaran, bolehkah Yang Berhormat mengaku bahawa komunis yang memerintah negara ini benar?

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:**  
(*Bangun*),

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, duduk sebentar! boleh jawab besok.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

**Tuan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat ditangguhkan sehingga 2.30 petangesok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*